

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh : 14 November 2014 (Jumaat)**

**Masa : 9.30 Pagi**

**Tempat : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.**

#### HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri/Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
35	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Bt. Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Doa.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan bersidang semula. Dewan sekarang masih dalam sesi penggulungan. Dipersilakan Yang Berhormat Perai.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Dato' Yang di-Pertua. Di bawah Peraturan 34 (viii). Satu usul tergempar di mana usul yang kesegeraanya diakui oleh Speaker dan disokong oleh sepuluh orang ahli-ahli yang terdiri di tempat masing-masing untuk mendesak supaya Kerajaan Persekutuan menangguhkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang bakal dilaksanakan pada 1 April 2015 sehingga negara kita mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Memandangkan pelbagai masalah dan implikasi buruk terhadap rakyat jelata serta belum bersedia untuk menghadapi inflasi yang semakin tidak terkawal di Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya membangkitkan usul tergempar ini disebabkan memang dalam sidang Dewan ini sudah beberapa kali dan kita sentuh tentang Cukai GST ini dan kita tahu Cukai GST ini juga telah memberi satu implikasi yang amat buruk kepada golongan berpendapatan pertengahan dan juga golongan berpendapatan miskin khasnya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kita minta adakah usul di sokong. Sila teruskan Yang Berhormat Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada semua rakan ADUN-ADUN dan juga Dato' Yang di-Pertua dan usul ini saya berharap dapat sebenarnya telah banyak kali telah dibahaskan di Dewan ini cuma untuk adalah kebaikannya untuk kita semua untuk mengadakan satu pendirian yang jelas kepada pihak Kerajaan Persekutuan agar kepentingan dan hak untuk rakyat Pulau Pinang itu dapat dijamin, so ini usul tergempar saya adalah berbunyi macam ini:

Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan di bawah Peraturan 34 (viii) seperti berikut:

"Bahawa DUN Pulau Pinang mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menangguhkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang bakal dilaksanakan pada 1 April 2015 sehingga negara kita mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Memandangkan pelbagai masalah dan implikasi buruk terhadap rakyat jelata serta negara belum bersedia untuk menghadapi inflasi yang semakin tidak terkawal di Malaysia.

Kedua, bahawa DUN Pulau Pinang berpendapat bahawa Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah satu cukai yang agresif yang bukan sahaja lebih membebankan golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah malahan golongan miskin yang terpaksa hidup dengan keadaan kais pagi, makan pagi kais petang makan petang. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) seakan sudah jatuh ditimpa tangga.

Ketiga, bahawa DUN Pulau Pinang menegaskan bahawa pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) hanya merupakan jalan mudah kepada Kerajaan Persekutuan yang gagal dalam mengurus ekonomi negara khasnya dalam usaha membanteras rasuah ketirisan dan pemborosan. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan perlu tumpu kepada usaha dalam urus tadbir yang cekap, akauntabiliti dan telus agar penyelewengan tidak berlaku dan bukannya menjadi rakyat yang di akar umbi sebagai kambing hitam.

Nombor empat, bahawa DUN Pulau Pinang sangat memahami akan kesulitan dan beban kos sara hidup rakyat yang kian hari kian meningkat sejak GST diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan tahun lepas. Semua sektor akan terjejas dengan pelaksanaan GST pada tahun depan. Kami komited akan sentiasa berjuang bersama rakyat untuk menjamin kesejahteraan semua rakyat Pulau Pinang serta menjadi negeri ini sebagai sebuah negeri bebas daripada GST. Sekian. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat usul tergempar yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Machang Bubuk telah pun dibaca dan telah pun memenuhi syarat usul tergempar yang telah pun disokong oleh sepuluh orang Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri di Dewan. Maka saya ingin minta persilakan sesiapa Yang Berhormat yang ingin bahaskan usul.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

*Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Salam sejahtera dan selamat pagi. Saya menyokong di atas usul yang telah dikemukakan oleh Machang Bubuk berkaitan dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang saya rasa sesi yang lepas pun kita banyak juga adakan perbincangan dan memang tidak rasa puas hati atas apa yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan

(GST) ini. Cuma kita ulangi lagi dan baru-baru ini pun dalam ucapan bajet baru ini pun saya sentuh juga bagaimana kesan daripada berkaitan dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ini bila berlaku dan telah pun diluluskan di peringkat Parlimen dan difahamkan akan dilaksanakan pada bulan April tahun depan. Saya sebutkan juga semalam pun dengan setiap satu barang akan dikenakan enam percent atau 6% kenaikan harga yang melibatkan satu peningkatan harga yang tidak munasabah di beri contoh *aircond* dengan harga RM400.00 sehingga jadi RM1,000.00 daripada mula dibuat dari segi pembuatan sehingga sampai ke kedai dan yang jadi masalah yang akan berlaku ialah kepada semua pengguna. Jadi yang kita rasa apatah lagi di kalangan khususnya di penduduk Pulau Pinang ini kebanyakannya kurang mampu, kalau saya di Permatang Pasir ini bekerja sendiri kebanyakannya petani kita rasa mempunyai satu pendapatan yang memuaskan tetapi bila ada lagi dengan bebanan-bebanan cukai yang akan dikenakan ini sudah tentu akan menimbulkan lagi banyak masalah dengan bebanan-bebanan yang lain. Implikasinya setiap bincang semalam pun bukan sekadar daripada barang sekecil-kecilnya bahkan sebesarnya semuanya akan naik. Kenderaan, perumahan, barang-barangan keperluan asas yang lain juga akan menimbulkan keresahan yang akan mengakibatkan rakyat kita rasa tidak berkemampuan dalam hal yang berkaitan yang diusulkan tadi dan saya ambil jalan mudah bahawa dalam Dewan ini kita tidak bersetuju dan mohon ditangguhkan atas kenaikan cukai barang perkhidmatan yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan yang akan kita rasa belum sesuai dan belum tiba masanya. Oleh kerana negara kita pun masih lagi dalam status belum sampai tahap sebagai sebuah negara maju berbanding negara-negara yang lain mengamalkan GST jadi. Dengan kata-kata ini saya menyokong usul yang telah dibawa.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Selamat pagi YB. Dato' Yang di-Pertua, saya memang setuju, sokong usul yang mana bahawa Kerajaan Persekutuan haruslah tangguh untuk implikasi GST ini kerana rakyat di seluruh Malaysia. Walaupun hari ini kita di Dewan ini cuma bentangkan untuk usul tapi kita adalah mewakili rakyat Negeri Pulau Pinang supaya minta Kerajaan Persekutuan menangguhkan usul tersebut dan saya di sini harapkan Ketua Pembangkang dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari segi Parti Pembangkang juga boleh sokong usul ini kerana seperti contoh yang semalam Ketua Pembangkang membangkitkan contoh di mana kenaikan harga sewaan untuk gerai Pasar Awam dan beliau telah mengatakan bahawa jika kenaikan 100% yang Ketua Pembangkang bagi contoh seperti RM120.00 naik kepada RM240.00, peniaga tidak akan tanggung rugi maka kenaikan ini semua akan ditujui kepada siapa, kepada rakyat, sama ada Ketua Pembangkang juga setuju di mana implikasi GST ini juga akan menyebabkan rakyat-rakyat kerana rakyat adalah pembeli dan pelanggan *consumer* dan kita as a *consumer* kita akan turut kena menanggung kenaikan-kenaikan tersebut, tanggungan yang berat. Saya mintalah walaupun Ahli-ahli Parti Pembangkang masih belum sampai di Dewan ini, tapi Ahli Pembangkang ada satu Pulau Betong. Saya harap Pulau Betong boleh sokong kerana usul ini adalah untuk menjaga semua rakyat di negara Malaysia terutama di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang saya untuk turut mengambil bahagian dalam usul tergempar yang dikemukakan oleh ahli Machang Bubuk berkenaan dengan mohon Kerajaan Persekutuan untuk menangguh pelaksanaan GST ini. Banyak kita katakan tentang GST kita tumpu kepada barang tapi kalau kita tengok namanya *Good and Service Tax*. Maksudnya bukan saja barang termasuklah perkhidmatan, sektor perkhidmatan termasuklah kita tengok mungkin saya sebagai seorang Pengamal Undang-Undang. Ini juga memberi service jadi banyaklah Pakar Perunding yang memberi perkhidmatan, semua transaksi-transaksi ini juga akan dikenakan cukai ini. Jadi, bukan sahaja kenaikan harga terhadap barang-barangan tapi juga semua, boleh kata kesemua transaksi-transaksi harian kita sama ada membeli barang atau selagi adalah pembayaran-pembayaran sama ada untuk barang atau perkhidmatan akan dikenakan cukai. Jadi, kita tidak dapat lari daripada inflasi yang cukup tinggi dengan kenanya GST saya percaya keadaan lebih membebankan rakyat bukan saja di Pulau Pinang bahkan di seluruh Malaysia. Dengan ini, saya haraplah dan menggesa Kerajaan Persekutuan untuk menangguh pelaksanaan GST ini kerana kita tidak harus mengalah daripada isu pokok yang memberi kesan kepada ekonomi negara iaitu ketirisan dan juga kebocoran dalam pengurusan kewangan di mana setiap kali, setiap tahun kita baca laporan Ketua Audit Negara, setiap tahun kita temui perkara-perkara yang kita rasa cukup menakjubkan berlaku di dalam pengurusan kewangan negara ini. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Mewakili rakan-rakan saya yang masih di luar sana lagi, saya ingin menyatakan bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Y.A.B. Dato' Seri Najib adalah kerajaan yang bertanggungjawab dan berpandangan jauh. Kerajaan BN meletakkan kepentingan negara, kepentingan rakyat untuk masa kini dan masa depan dalam perancangan pemodenan negara dan ekonomi. Kerajaan BN telah mengambil kira semua aspek dan pandangan banyak pihak dan masa yang panjang untuk mengkaji dan mengimpikasikan GST ini bagi menggantikan SST atau Sistem Percukaian sekarang ini. Kerajaan Barisan Nasional juga telah mengkaji syarat pelaksanaannya yang dilaksanakan di lebih 100 buah negara dan Kerajaan BN juga telah pun mengenal pasti apakah barang-barang yang akan dikenakan dan apakah barang-barang yang dikecualikan dari GST. Kerajaan BN yang dipimpin oleh Dato' Seri Najib akan membawa Malaysia kepada sebuah negara maju 2020. Maka, saya mewakili ADUN-ADUN yang lain tidak menyokong usul yang dibawa oleh Machang Bubuk. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya berterima kasih kerana diberi kesempatan untuk juga berdebat usul ini. Baru saya sampai, lewat sedikit kes hasutan baru disebut pagi tadi. Terpaksa saya pergi ke sana dan datang ke sini. Kalau Kerajaan Barisan Nasional benar-benar mengambil kepentingan terhadap rakyat, Kerajaan Barisan Nasional tidak akan membelanjakan wang bagi program-

program yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan seperti PERKASA. Kelmarin dulu apabila ditanya oleh YB. Sim Tze Tzin, Ahli Parlimen Batu Uban, Bayan Baru, minta maaf tersasullah, pagi hari Jumaat. Shahidan Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengakui Kerajaan Barisan Nasional Putrajaya telah memberi sumbangan kewangan bagi program-program yang dianjurkan oleh PERKASA. Perkara ini begitu mengejutkan saya. PERKASA ini adalah satu organisasi *right wing* yang selalu menyebabkan masalah kucir kacir di masyarakat majmuk di Malaysia. Saya persoalkan kerana ketirisan perbelanjaan-perbelanjaan sebegini yang tidak memberi manfaat kepada rakyat Malaysia, masyarakat majmuk. Kemungkinan Kerajaan Barisan Nasional telah menyalahgunakan dan akan menyalahgunakan dulu, kini dan selama-lamanya wang yang dikutip daripada rakyat.

Perkara kedua yang ingin saya bawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini, kemarin isteri kepada salah seorang yang telah pun diculik di Sabah telah pergi ke Parlimen berjumpa dengan Menteri-menteri di sana, menangis meminta supaya Kerajaan Barisan Nasional menyumbangkan wang, bukan banyak RM3 juta untuk seorang sahaja. Untuk membayar wang kepada penculik-penculik ini supaya suami yang disayangi dapat kembali ke pangkuhan keluarga. Apakah jawapan yang diberikan oleh Menteri-menteri berkenaan. *No way, we will not negotiate* dan untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini, salah seorang daripada mereka adalah anggota polis. Seorang anggota polis yang berkhidmat yang telah diculik semasa beliau berkhidmat. Kalau Kerajaan Barisan Nasional boleh menyogokkan wang berbilion-bilion ringgit di Cameron Highland di bawah 1Malaysia Development Berhad, membayar wang untuk PERKASA menganjurkan program-program mengapa Kerajaan Barisan Nasional tidak boleh menggunakan wang RM6 juta sahaja untuk menyelamatkan dua (2) nyawa ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, kalau nak kata Kerajaan BN menyogok Cameron Highland saya ingat dan juga PERKASA tolong bawa bukti dalam Dewan ini. Saya nak kita fokus kepada isu-isu pokok yang kita bincang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ya, saya sedang bincang. Saya sendang fokus....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau tuduhan sila bawa bukti ke Dewan ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, sila duduklah. *This is my floor* terima kasih. Janganlah, cukuplah kita menyorok (gangguan). Saya akan fokus, *this is the issue*. Untuk makluman YB. Dato' Speaker, rakyat perlu tahu apa yang akan digunakan, apa yang akan berlaku kepada wang GST. Sudahlah, saya sendiri bayar, *road tax, income tax, apa lagi tax, service tax, tol lagi bayar, GST pula kena bayar*. Dan wang ini untuk manfaat siapa? Bukan untuk Menteri-Menteri Barisan Nasional pergi makan angin bersama isteri-isteri mereka di luar negara.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, kita pagi bermula....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat tolonglah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Dengan keadaannya yang cukup harmoni (gangguan). Saya minta laluan YB. Seri Delima.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tolonglah ikut peraturan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya minta YB. Dato' Speaker tak mahu jadi seperti semalam saya mohon kita fokus pada isu, jangan meleret merata YB. Dato' Speaker dan jangan menuduh mengecilkan hati. Kita bermula pagi dalam keadaan cukup harmoni, cukup tenang dan saya minta ia tak dipanaskan dengan isu-isu yang bukan-bukan ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sekali lagi, saya minta maaflah. Mungkin Yang Berhormat panas kerana *the truth hurts* ....(dengan izin) kebenaran itu memang menyakitkan. Saya di sini mempersoalkan isu berkenaan dengan menyelamatkan dua (2) nyawa rakyat Malaysia, salah seorangnya adalah anggota Polis Diraja Malaysia. Saya tak menyimpang ke mana-mana. Berbalik kepada isu pokok ini, saya ingin menyatakan GST patut ditangguhkan kerana kalau wang ini dibayar, kemungkinan besar ia akan digunakan bagi tujuan-tujuan lain yang tidak membawa manfaat kepada rakyat jelata. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah satu usul tergempar yang telah pun dibawa oleh ADUN Machang Bubuk di bawah Peraturan 34(viii) yang membawa bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat satu ketetapan bahawa DUN Pulau Pinang membuat satu ketetapan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menangguhkan Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang bakal dilaksanakan pada 1 April 2015 sehingga negara kita mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya rasa perbahasan sudah diadakan saya minta Machang Bubuk membuat penggulungan.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Saya rasa sidang Dewan ini memang adalah satu sidang Dewan yang sangat penting untuk kita menyatakan pendirian kita yang mewakili rakyat Pulau Pinang dan walaupun isu GST ini adalah satu isu nasional dan dia seolah-olah tidak berkait secara langsung dengan kita di Dewan, ia dibahaskan dalam Parlimen tetapi di sidang DUN pun ada satu peranan yang penting kerana ramai kalangan wakil-wakil rakyat di sini kita semua tahu dan maklum tentang masalah yang telah dihadapi oleh rakyat bukan sekadar rakyat di akar umbi sahaja tetapi di persatuan-persatuan *pharmaceutical*, persatuan digolongan pendidikan, semua telah menyatakan kerisauan mereka dan kita juga nampak banyak sektor perniagaan dan juga dan pelbagai bidang, pelbagai sektor mereka belum lagi bersedia untuk berdepan dengan cukai GST ini. Pelbagai masalah masih belum diselesaikan, malah kita boleh tengok pelbagai *roadshow-roadshow* yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan atau NGO-NGO itu mendapat sambutan yang sangat baik, kenapa, kenapa sangat baik kerana ramai orang tak tau apa yang boleh akan dikenakan ke atas mereka. Oleh itu, saya rasa sebelum permasalahan semua itu diselesaikan Kerajaan Persekutuan wajar untuk mendengar suara rakyat, dengar padangan daripada akar umbi supaya boleh menangguhkan cukai GST yang akan lebih membebankan orang-orang golongan pertengahan dan golongan miskin. Bayangkan orang-orang miskin yang kena bayar, kita bincangkan yang menerima wang kebaikan RM300.00 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Satu (1) bulan macam mana mereka nak menghadapi kehidupan mereka apabila GST dilaksanakan. Jangan tipu jangan berbohong lagi kata cukai GST ini tak akan menaikkan barang, tak akan menaikkan harga barang, itu memang satu kenyataan yang menipu sendirilah. Memang kita tahu keadaan itu akan menjadi lagi perit bagi rakyat di akar umbi. Oleh itu saya berharap semua ADUN-ADUN di sini dan Ahli-ahli Dewan di sini juga boleh memberi sokongan ke atas usul ini supaya kita sebagai wakil rakyat boleh menyatakan pandangan kita, pendirian kita dengan jelas kepada Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat-Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ini, usul daripada YB. Kawasan Machang Bubuk yang berbunyi:

“Ahli Dewan Pulau Pinang mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menangguhkan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan GST yang bakal dilaksanakan pada 1 April 2015 sehingga negara kita mencapai satu negara maju dan berpendapatan tinggi.”

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya.” Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

### **Ahli-Ahli Kerajaan:**

“Ya.”

### **Ahli-ahli Pembangkang:**

“Tidak.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Ya” lebih banyak. Usul dipersetujui. Ahli Yang Berhormat Perai untuk dalam sesi penggulungan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terlebih dahulu saya ucapakan terima kasih atas Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang sebab untuk bahaskan dalam sesi pergulungan ini. Dan bahaskan isu-isu dan soalan-soalan dan komen-komen yang telah dibangkit selama empat (4) hari ini tentang beberapa isu dalam portfolio saya. Izinkan saya sebelum saya pergi ke kandungan masalah, saya merujuk kepada ejaan sikit, kepada kawan saya, Ahli Kawasan Sg. Aceh. Aceh ini saya rasa Aceh tak betul ejaan. Hari demi hari saya tengok ini, sakit mata sikit....(ketawa), Aceh ini tak ada 'h' lagi. ACEH mungkin saya rasa Ahli dari Sungai Aceh tak tengok depan dia. Saya rasa mungkin saya rasa tak salah saya ingat ejaan baru adalah ACEH, pada itu Yang di-Pertua.

**Ahli Kawasan Sg. Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) :**

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Perai. Saya tak tahu siapa punya kesilapan ini, orang yang buat kesilapan ini, patut ambil tindakan segera kerana mencemarkan bahasa.....(gelak ketawa).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya tidak katakan itu salah. Ini mungkin ejaan lama. Dan sekarang ejaan baru kita tidak gunakan “H”. “ACEH” sahaja. Itu pandangan sayalah, bukan salah apa, kita ini apa ini, ejaan terkini. Itu pandangan saya. Okay.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Bila ejaan ini nak dipinda saya minta sat lagi disegerakan, kalau tidak mencemarkan Dewan yang mulia ini. Setuju Perai.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

“Ya.”

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Pendidikan. Seperti yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Bajet dalam tahun 2015 pada minggu lepas, bajet 2015 bertemakan “Melabur dalam pendidikan dan menjana kemajuan demi memenangi masa depan dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan dalam perancangan untuk membina sebuah pusat pembelajaran di semua daerah bagi menggalakan pembelajaran berterusan di pelbagai peringkat umur. Satu pusat

pembelajaran Karpal Singh telah dibina di Kampung Buah Pala dengan kos RM5 juta yang didermakan oleh ACM Libra Foundation selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hub pendidikan. Satu pusat pembelajaran yang akan memberi penekanan kepada empat (4) bidang iaitu Sains, Teknologi, Engineering dan Mathematics. STEM akan dibina pada tahun hadapan di Daerah Seberang Perai di atas tanah seluas empat (4) ekar. Untuk menambah keupayaan interaksi sosial dan penguasaan ilmu pengetahuan dan menjadikan *extreme teaching* iaitu *English Teachings*, Sains, Teknologi, *Engineering English* dan *Mathematics*. Kerajaan Negeri akan menambah dua (2) perkara iaitu Bahasa Inggeris dan Engagement Teachings. Sekolah Vernakular dan kebocoran soalan UPSR.

YB. ADUN Seri Delima telah bertanyakan berkenaan pendirian Kerajaan Negeri terhadap Sekolah Vernakular. Kerajaan Negeri sangat perihatin terhadap isu Sekolah Vernakular ini. Malah anggapan setengah pihak bahawa Sekolah Vernakular merupakan satu penghalang kepada perpaduan di negara ini adalah tidak berasas sama sekali. Kewujudan Sekolah-sekolah Vernakular di Negara ini sejak sebelum Merdeka sebenarnya menyumbang kepada perpaduan nasional dan tidaklah meretakan hubungan antara kaum. Sekolah-sekolah Vernakular ini telah kemudian diiktiraf sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan sekolah Negara. Jika dilihat beberapa Sekolah Vernakular telah menjadi pilihan murid berbilang bangsa dan kaum. Masalah perpaduan antara kaum yang kini wujud di Negara Malaysia ini bukan disebabkan oleh Sekolah Vernakular tetapi kerana sebab-sebab yang lain. Semua jenis aliran persekolahan bagi ilmu sebenarnya berdasarkan sistem pendidikan nasional dan tidak pernah mengajar murid-murid untuk saling prejudis atau mengamalkan perkauman melampau. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri akan terus mempertahankan sekolah-sekolah Vernakular daripada dihapuskan.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan. Kita telah membahaskan perkara ini dengan begitu panjang lebar dan di Pulau Pinang kita mempertahankan Sekolah Vernakular, Sekolah Agama Mubaligh juga dipertahankan. Dan kemudahan-kemudahan pembiayaan kewangan dan sebagainya telah pun dinaikkan. Saya percaya daripada zaman Barisan Nasional. Kita tidak lihat sebarang respon daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripadan Barisan Nasional khususnya UMNO, apakah pendapat mereka tentang Sekolah-sekolah Vernakular di Pulau Pinang. Soalan saya kepada Yang Berhormat, adalah: Apakah pendapat YB. Berkenaan perkara ini dibincangkan dalam sidang agung UMNO yang akan datang? Sebabnya adalah kalau Parti UMNO dan Barisan Nasional mendokong prinsip 1Malaysia, Perpaduan Kaum, di mana kita ingin memacu ke arah Malaysia, di mana kita tidak lagi berpaksi kepada mana-mana agama ataupun kaum. Bukankah perkara ini sewajarnya tidak patut dibincangkan kerana ia hanya akan menyebabkan kegusaran, kerisauan dalam masyarakat-masyarakat yang lain. Apakah pendapat YB. Jadi soalan saya adalah, Adakah perkara ini sepatutnya dibincangkan dalam Mesyuarat Agung UMNO yang akan datang? Terima kasih.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Isu mengenai Sekolah Vernakular ini bukanlah perkara yang baru-baru ditimbul. Saya ingat tiap-tiap tahun perkara ini ditimbulkan oleh pihak yang tertentu sama ada dalam UMNO ataupun sama ada dalam Parti-parti lain. Jadi saya rasa

memang Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri memang kita sokong dia kata kita akan mempertahankan sekolah-sekolah Vernakular. Memang bagus kita menerima. Tetapi di samping itu, saya rasa dalam perhimpunan UMNO ini, isu ini akan dibangkitkan. Mungkin andaian bahawa sekolah Vernakular ini menghalang apa ini, intergrasi, menghalang perpaduan dan sebagainya. Walaupun saya rasa tidak ada apa-apa asas lagi. Jadi saya rasa isu ini bukanlah isu sekolah, bukan isu aliran dan bahasa perantaran di sekolah. Masalah adalah politik Negara di mana politik yang berpecah-belah antara kaum antara agama. Ini yang melibatkan apa ini, masalah isu persoalan tentang *vernacular school*, mungkin adalah apa ini, macam parti-parti ataupun pertubuhan-pertubuhan yang ekstremis yang mempersoalkan. Jadi saya rasa mungkin dalam perhimpunan UMNO ini, ini akan dibangkitkan. Kenapa mereka akan bangkitkan, kenapa, apa akan jadi saya rasa itu terpulang kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang sebenarnya adalah mereka ini adalah pemimpin-pemimpin Negara ini.

Jadi saya rasa pandangan saya bahawa ini sekolah-sekolah Vernakular ini sudah lama wujud. Sebelum Merdeka dan selepas Merdeka. Selepas Merdeka, 57 tahun, 58 tahun, jadi kita nampak bahawa ada juga apa ini peningkatan bilangan sekolah kanak-kanak Melayu ke sekolah-sekolah Cina juga. Dan juga apa ini, mungkin lebih daripada 80% kanak-kanak Cina, apa ini, ibu bapa hantar anak mereka ke sekolah Cina. Saya rasa ini peningkatan berlaku di sekolah-sekolah Tamil di seluruh Negara. Jadi kenapa mereka pilih ke Sekolah Vernakular ini saya rasa terpulanglah kepada hak ibu bapa. Mana mereka hendak hantar ke Sekolah Nasional, Sekolah Vernakular, itu terpulang kepada mereka. Tetapi memang saya pun setuju bahawa isu ini tidak perlu dipermainkan sebab ini semata-mata untuk apa ini mempolitikkan isu, macam, macam apa ini, individu yang membawa isu *political* isu semata-mata ....(dengan izin) *scoring some brawny points to show that they are, you know, nasional apa ini they be national leaders* sebagainya.

Jadi saya rasa perkara ini, saya rasa sudah lama wujud dan soalan tentang apa ini, penghapusan apa ini, ini saya rasa telah wujud dan kita harap perkara-perkara seperti ini dan lain tidak di bawa dan dibincangkan tiap-tiap tahun. Jadi ini seolah-olah menyakitkan hati mungkin bukan Melayu, dan kita rasa mungkin juga pemimpin-pemimpin UMNO, saya rasa Perdana Menteri sendiri, saya rasa dia sokonglah. Apa ini isu ini bukan dari, tak isulah jadi adalah pemimpin-pemimpin yang mungkin dapat dalam UMNO, mungkin dalam parti lain yang membawa isu mungkin dia ada agenda tersendiri. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah)**

Minta Laluan. Terima kasih Yang Berhormat, apa ini, saya ingat perkara ini kita tak payah lebih-lebih lah sebab kita faham itu kita punya kontrak sosial, kita terima semua sekolah-sekolah yang ada. Ini, Perdana Menteri dah cakap, Menteri Pelajaran dah cakap berulang-ulang kali tetapi kalau ada sahabat-sahabat saya nak teringin nak pergi Mesyuarat Agung UMNO, boleh berurus dengan saya, saya boleh bawa pergi dan teman duduk di sana.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya cuma ingin tambah sedikit. YB. Telok Bahang terima kasih kalau itulah satu jemputan saya akan mempertimbangkanlah, tetapi buat masa ini saya tak teringin sangat. Ah itu lagi satu persoalan. Itu lagi satu persoalan.

## **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah)**

Boleh *test* keselamatan. Tengok betapa jujur dan terbukanya hati ahli-ahli UMNO.

## **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

YB. pasti akan tegugat kalau kami ikut sekali. Jadi berbalik kepada isu ini, YB. daripada Perai, saya mempersoalkan Perdana Menteri merupakan Ketua kepada UMNO. Kalau dalam Mesyuarat Agung MCA beliau telah pun memberi satu komitmen bahawa sekolah-sekolah Vernakular akan diteruskan. Mengapa tidak pemimpin-pemimpin lain mahupun ahli-ahli parti biasa UMNO menghormati komitmen yang diberikan oleh Perdana Menteri kerana beliau merupakan Perdana Menteri kepada semua. Adakah ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri Dato' Seri Najib tidak mempunyai kawalan ke atas ahli-ahli parti mereka, kerana komitmen yang diberikan menunjukkan dengan jelas beliau sedia menerima dan meneruskan dengan kewujudan sekolah-sekolah Vernakular. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini. Adakah cadangan membincangkan usul ini dalam perhimpunan UMNO menunjukkan Dato' Seri Najib memang tidak ada kawalan ke atas ahli-ahli parti sendiri. Terima kasih.

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Seri Delima dan Telok Bahang, saya pun setuju dengan Telok Bahang. Tujuan kita untuk tidak mempolitikkan, mungkin ini akan dipolitikkan dalam perhimpunan UMNO. Ini mungkin dipolitikkan dalam perhimpunan parti-parti lain, masing-masing mereka jadi jaguh. Jadi saya rasa kebanyakan rakyat Malaysia yang lebih praktikal dia perlukan keamanan, dia perlukan kesejahteraan. Saya rasa itulah yang lebih penting.

Saya rasa berbalik kepada soalan yang telah ditimbulkan oleh Seri Delima, Seri Delima saya pun setuju jawapan dia saya pun suka jawapan kenapa perkara ini ditimbulkan masing-masing ditimbulkan dalam Perhimpunan UMNO. Saya rasa kita boleh adakan *debate*. Tak salah, kita tengok macam mana, sama ada sekolah-sekolah vernakular ini jadi penghalang, kita boleh adakan *debate* yang rasional dengan statistik dengan data-data dan sebagainya. Tapi pada secara umum saya rasa *that is no basis for that* untuk mengatakan bahawa sekolah vernakular ini mewujudkan, menanam benih-benih perpisahan antara kaum dan sebagainya.

Jadi mereka mungkin mereka ada tersendiri dan saya rasa ini diterima dalam beberapa pemimpin Perdana Menteri yang bekas telah menerima sekolah Vernakular dan bilangan seperti macam mana saya katakan bilangan pelajar-pelajar memang meningkat. Dan kita pun mungkin di Pulau Pinang, ini satu inisiatif oleh Ketua Menteri sendiri untuk mendapat Sekolah Menengah Tamil, tapi ini memang ditolak oleh Kerajaan Pusat atas sebab mereka ini memang mereka tidak ada undang-undang dalam akta pendidikan dan sebagainya. Jadi hasrat kita untuk menubuhkan satu sekolah pendidikan Sekolah Menengah Tamil ini masih berterusan dan saya rasa tengoklah macam kita akan membawa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan. Yang Berhormat selaku EXCO Pendidikan, setuju atau tidak ini style Seri Delima, setuju atau pun tidak dengan saya apabila ada perbezaan pendapat dalam parti itu yang melambangkan kematangan, keterbukaan Perdana Menteri. Sekiranya kita mengawal orang bagi pendapat kita nampak macam otokrasi, orang bagi pendapatan kita buang, kita *terminate*, kita itu dan parti tidak akan subur. Perbezaan pendapat itu adalah satu ciri melambangkan tamadun. Kena ada perbezaan pendapat baru boleh wujuk tamadun yang baik. Dan UMNO semua tahu mengamalkan demokrasi. Dalam proses ini dia biar, dia terima pendapat tapi dia kawal dari segi keputusan. Kalau keputusan itu baik *you* boleh cakap apa pun tak apa. Kalau ada keputusan baik, kita akan mempertahankan. Sebab itu dengan menuduh sebagai Perdana Menteri sebagai tidak boleh mengawal, saya ingat definisi tentang kefahaman itu, sahabat baik saya ini kurang paham, kurang jelas, kerana demokrasi itu kena ada perbezaan pendapat. Dan pendapat itu, kita terima dengan terbuka dan kita mendidik atas polisi yang mana kita rasa baik untuk negara.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Tidak menafikan hal demokrasi, kebebasan untuk ber *debate*, tapi kita mesti juga untuk bertanggungjawab. Kita tidak boleh ungkit apa-apa isu tanpa mengira jenis kependudukan di Malaysia. Merupakan *multiracial* dan *multi religious*. Saya tidak menafikan tetapi cuma ini balik kepada Seri Delima ikut kenapa, memang UMNO ini, dalam perbahasan saya mengakui perbahasan dalam perhimpunan UMNO ini. Ini saya tidak katakan perkara ini demokratik, saya tidak nafikan, tapi apabila kita sebutkan demokrasi dan *you* pertikaikan apa yang telah diterima, apa yang telah disedia ada, inilah yang jadi tidak boleh diterima disegmen-segmen di Malaysia. Saya ingat apa yang ditimbulkan oleh Seri Delima ini ialah kenapa Perdana Menteri, Perdana Menteri tidak boleh menafikan dia tidak boleh *caveat* soalan-soalan. Sebab mana-mana parti pun saya rasa ada *internal* demokrasilah, tapi isunya apabila *you* sentuh dengan inilah adakah ini ikut undang-undang, selaras dengan undang-undang dan saya rasa undang-undang Malaysia ini begitu ketat sekali. Akta Hasutan dan sebagainya. Jadi yang kena adalah biasanya pembangkang. Jadi mereka macam...(gangguan), habiskan ayat ini. Macam PERKASA macam apa ni *Bright Reilly*. Dia timbulkan, saya rasa, saya tidak mahu apa ni sebab apa-apa tetapi PERKASA ini semua, tapi nampaknya dia dua (2) jenis undang-undang di Malaysia. Seri Delima kena. Siapa lagi? Banyak kena? Tapi kenapa Anwar Ibrahim tak kena? Ini memang begitu jelas sekali. Ini bukan saya sebutkan, faktor-faktor lain sebutkan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Di Pulau Pinang yang saya tau Pemuda-pemuda UMNO pun kena, sebut sekalian lah. Pemuda UMNO kena juga sekali dengan Rayerkan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Dato' Speaker. Saya cuma nak maklumkan kat Air Putih tadi Perai menegur ejaan ini silap Sungai Aceh. Jadi, dia patut diambil tindakan segera. Ini mencemar bahasa kita sebagai seorang pensyarah, bekas profesor. Saya cuma nak tanya, apa pandangan Perai. Ketua Menteri takkan tak jaga bahasa?....(gangguan). Bahasa, bahasa. Minta maaf saya gagal untuk menjelaskan ejaan Sungai Aceh dipertikaikan oleh Perai. Dia pakar bahasa, jadi kita hormat pandangan dia, supaya kita pinda segera ejaan ini. Kalau tidak tercemar Dewan kita. Dato' Speaker, belum habis. Itu mukadimah.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya jelaskan tentang ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Dah setuju.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya jelaskan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Nanti mungkin....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya cuma ejा Aceh...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Hari Jumaat...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Ac, mungkin kata-kata buang 'h' itu. Aceh....(gangguan). Ini ejaan yang saya rasa terkinilah yang terima, tapi bukan di Malaysia tapi di Aceh sebenarnya, itu komen saya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila sambung dengan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya nak dapat pandangan daripada Perai. Setuju atau tidak Perai bahawa dalam parti masing-masing dalam DAP kah, PKR kah, PAS kah, UMNO dah disebut banyak kali sangat, MIC, MCA, memang tiap-tiap ahli ada pandangan yang berbeza. Pandangan yang berbeza menunjukkan suburnya pemikiran ahli-ahli parti, pandangan parti ini untuk menentukan satu keputusan. Akhirnya keputusan dibuat.

Termasuk dalam Dewan kita hari ini. Kita bagi pandangan masing-masing. Dan ini dialu-alukan oleh Air Putih. Kita tidak dikongkong oleh mana-mana pihak. Setuju atau tidak, pertama. Yang kedua, saya nampak hari ini Dato' Speaker, antara Perai dengan Seri Delima sudah satu pendapat. Dulu saya nampak macam sedikit masalah....(ketawa). Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sungai Acheh jangan cari pasai. Seri Delima mula nanti pedih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, habis. Perai ulas sedikit.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Ahli Sungai Acheh ini dia tanya soalan macam setuju atau tidak. Saya ingat kadang-kadang kita tidak boleh jawab macam tu. Saya tidak mahu jatuh dalam perangkap Ahli Sungai Acheh. Masalah adalah memang ada demokrasi. Demokrasi ini bukan setuju, demokrasi ini realiti. Apabila sebutkan demokrasi *you* tidak boleh bincang, sampai masa *you* mempersoalkan kedudukan, mempersoalkan agama, mempersoalkan bahasa. Semua yang telah diterima. Itu maksud saya. Terima kasih. Saya teruskan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit sahaja Yang Berhormat, terima kasih. Apa yang Sungai Acheh kurang faham adalah pertamanya begini, isu-isu yang akan dibahaskan dalam Persidangan Agong UMNO ini, sebenarnya tidak boleh dibahaskan kerana terdapat keputusan-keputusan mahkamah yang telah memutuskan bahawa walaupun sekadar mencadangkan sesuatu sekolah itu ditutup, sekolah vernakular ditutup merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan. Dalam kes PP lawan Mark Cording. Seorang ahli Parlimen yang mencadangkan perkara ini di Parlimen telah dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan. Yang Berhormat Bertam tau boleh lihat pada buku-buku jurnal undang-undang dan telah dikenakan sabitan dan telah hilang statusnya sebagai seorang Ahli Parlimen. Soalan rakyat jelata adalah apakah ahli-ahli UMNO lebih daripada Ahli Parlimen? Apakah Persidangan UMNO ini adalah lebih mempunyai kekebalan daripada Parlimen sehingga boleh membincangkan hal ini. Lebih-lebih lagi apabila Perdana Menteri Ketua Parti sendiri memberi komitmen bukan disini bukan di Persidangan DAP atau PKR atau PAS tetapi Persidangan MCA, rakan Barisan Nasional, bahawa sekolah-sekolah vanikular itu akan tetap kekal. Itu adalah persoalan yang saya rasa Sungai Acheh dan Teluk Bahang kurang faham. Menyatakan sesuatu di dalam Persidangan MCA, menyatakan sesuatu benda lain dalam Persidangan UMNO, menyatakan sesuatu di luar negara *moderation*. Disini ahli-ahli pembangkang dikenakan tindakan. Mengapa bercabang dua (2) lidah. Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat Perai.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Okey, pandangan Seri Delima...(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudahlah. Telok Bahang jika tidak ada berbeza dengan ini sudahlah. Biar Perai sambungkan perbahasan.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya teruskan. Yang Berhormat ADUN Seri Delima turut membangkitkan isu kebocoran soalan UPSR tahun ini. Seperti yang kita ambil maklum, dua (2) guru lelaki telah pun dihadapkan ke mahkamah seksyen Seremban pada 5hb. November yang lalu kerana didakwa terbabit dengan kebocoran kertas soalan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, (UPSR). Selain daripada itu seorang murid lelaki menghidap *dyslexia* pula menfaikan saman terhadap Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia dan kerajaan yang didakwa cuai dalam mengendalikan kertas peperiksaan UPSR tahun ini yang menyebabkan perlu menduduki semula ujian bagi beberapa ujian. Murid itu mendakwa sebagai penghidap *dyslexia*... (gangguan), dengan keperluan khas dia mengalami *stress*, tekanan yang tidak sepatutnya dan kekecewaan serta hilang motivasi untuk menduduki semula peperiksaan UPSR. Kebocoran kertas soalan ini menjelaskan hampir 470,000 ribu murid tahun enam yang terpaksa mengambil semula peperiksaan beberapa mata pelajaran.

Yang Berhormat Dato' di-Pertua, bajet bagi sekolah, Yang Berhormat ADUN Bertam telah memohon dalam perbahasannya supaya Kerajaan Negeri..... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Minta laluan

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

*Just finish this sentence*, menyediakan bajet yang mencukupi bagi menjalankan program di sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang.

### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Berkaitan kebocoran soalan-soalan malangnya tidak ada seorang pun daripada Kementerian Pelajaran didakwa tentang kebocoran. Kebocoran soalan mestilah dibocorkan dari atas turun ke bawah. Yang jadi mangsa ialah 2 orang Sekolah Tamil. Sekolah Kebangsaan banyak kebocoran berlaku Bahasa Inggeris, Sains, Matematik *but* tidak seseorang guru pun di dakwa. Apakah pandangan Perai adakah ini *selective prosecution*.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya jawab. Terima kasih Ahli Bagan Dalam. Ini memang kebocoran soalan ini tahun ini bukan kali pertama. Ada beberapa indisen. Tapi ini kali yang begitu serius dan merupakan satu krisis pendidikan negara kita. Memang polis telah menjalankan siasatan, saya tidak mempersoalkan siasatan Polis dan 2 guru Tamil telah didakwa akan dihadapkan mahkamah. Saya tidak mahu mempersoalkan semua cuma kalau mereka salah maka salahlah. Tapi apa yang saya rasa pendirian saya tentang isu, saya ada bagi komen tentang ini adalah ketelusan. Bagaimana ini boleh berlaku.

Mungkin saya rasa sebab kes ini kat mahkamah ini tidak didedahkan oleh Kementerian, saya rasa dua pegawai yang saya ingat mungkin tinggi telah di suspek tak silap, tapi cuma pada sayalah kenapa tidak ada ketelusan? bagaimana ini boleh berlaku? Stage mana berlaku dari “a ke z”, ini yang saya mau tanya, mungkin saya rasa ini bukan isu, sama ada ini *selective pro security* atau tidak Ahli dewan Ahli Bagan Dalam saya tidak boleh komen, tapi saya rasa perkara ini adalah serius pembocoran peperiksaan ini bermakna dalam lebih 57 tahun sistem pendidikan, sistem peperiksaan ini saya rasa tidak kukuh, dan ini saya rasa kita risau, kita rasa kesal, dan saya rasa Menteri Pendidikan mesti bertanggungjawab serta Timbalan Menteri mesti bertanggungjawab tapi saya belum dengar apa-apa komen mereka, kemungkinan kalau tanya mereka dia kata saya kita tak boleh komen sebab kes telah dibawa ke mahkamah sama ada ini benar atau tidak, tapi ini kes ini serius sebab ini sebenarnya menyusahkan beribu-ribu pelajar, ini menyusahkan ibu bapa, ini menjatuhkan moral apa ini pelajar-pelajar kita, itu saya rasa sangat-sangat kesal dan saya rasa kita mungkin lihat, mungkin pada masa akan datang sama ada pendakwaan ini adil atau tidak adil. Terima kasih.

**Ahli kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nehtaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ada soalan Yang Berhormat, soalan saya bila saya membahas adalah adakah apa-apa yang boleh dilakukan oleh Yang Berhormat sendiri untuk memastikan perkara ini tidak berlaku di Pulau Pinang, umpamanya seperti mengadakan mesyuarat dengan Pengarah Pendidikan, kakitangan Jabatan Pendidikan ataupun pihak-pihak pegawai-pegawai yang menguruskan kertas-kertas soalan mungkin mengadakan taklimat dan sebagainya untuk memastikan perkara ini tidak, walaupun saya faham bahawa ini peperiksaan ini dikelola oleh Kementerian Pendidikan, tapi kita rasa Kementerian Pendidikan tidak memberi perhatian yang serius kepada masalah ini yang berulang kali berlaku seperti Yang Berhormat katakan. Adakah apa-apa cadangan Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan untuk memastikan kebocoran ini tidak berlaku dengan cara-cara yang telah saya cadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Seri Delima, dan apa yang kita boleh buat di Pulau Pinang, mungkin kita boleh adakan perbincangan dengan pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan di Peringkat Pulau Pinang boleh saya rasa tak dak masalah mereka pun sudi, tapi mungkin masalah kita *limitasi* dari segi sebab pendidikan ini bukan di bawah kita, di bawah Kerajaan Pusat dan peranan kita adalah mungkin tak besar. Baru-baru ini kita tak boleh pergi sekolah, kita tak boleh masuk sekolah, jadi kita membantu banyak sekolah-sekolah vernakular tapi masalahnya kita tidak boleh dan mungkin, apabila kita tanya kita mau pergi sekolah untuk membantu pelajar-pelajar, mungkin kita tidak dapat ada apa-apa jawapan daripada guru besar-guru besar sekolah. Jadi inilah antara masalah yang kita hadapi tapi saya rasa kita sentiasa, baru-baru ini saya telah menulis surat kepada apa ini Pengarah Pendidikan ni bahawa tujuan Kerajaan Negeri adalah supaya memperbaiki hubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dari segi dalam bidang pendidikan sebab saya rasa bidang pendidikan yang saya rasa yang kita utamakan di Pulau Pinang dan kita membantu pelajar-pelajar bukan sahaja sekolah vernakular, tapi melalui biasiswa kecil kita bantu pelajar-pelajar di sekolah kebangsaan dan sebagainya. Jadi dari segi itu saya rasa tujuan kita merunding dan kita harap bahawa apa ni Kementerian Pelajaran dan khususnya Jabatan Pelajaran di peringkat Negeri Pulau Pinang akan

bekerjasama dengan kita, tapi apabila kita tanya kenapa kita tidak jemput kita bagi tandas kepada sekolah-sekolah, kita bagi peruntukan tiap-tiap pada sekolah, apabila kita tanya sama ada guru besar ini dia cakap benar, atau bohong saya pun tidak tau, mungkin saya pun tunggu jawapan surat daripada pengarah bahawa dia kata dia minta maaf sebab kita tak boleh jemput pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri sebab ini adalah satu *directive* daripada Kementerian Pelajaran saya tidak tahu ini betul atau tidak. Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Yang Berhormat Perai terima kasih memberi saya peluang untuk mencelah berkenaan dengan saranan ataupun pertanyaan oleh Seri Delima apakah tindakan yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu ataupun mencegah kebocoran ya. Saya sebenarnya berpendapat bahawa mencegah kebocoran bukan terletak pada kerajaan sahaja, baik Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri tapi yang melibatkan seluruh penduduk di dalam Malaysia. Sebab kebocoran adalah sesuatu yang tidak dirancang, zaman saya budak-budak dulu zaman yang tidak ada *smartphone*, tidak ada telefon, kebocoran berada dalam bentuk soalan ramalan, ya ada yang mendapat, sekolah yang dapat, tapi andai kata sekolah itu dapat, sekolah itu saja yang tahu sebab andai kata dapat malam sebelum peperiksaan ia tidak akan berjaya sampai ke sekolah lain dalam terdekat tapi dalam tahun 2015 ini, ini adalah zaman *android*, zaman smart phone ya, jadi ya sesiapa pun yang dapat soalan dia akan tersebar dalam tempoh tak sampai 5 minit, jadi ini bukanlah sesuatu yang kecil tetapi ini satu perkara yang cukup besar satu wabak perlu kita tangani bersama dan saya percaya ya, tindakan Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan undang-undang adalah permulaan untuk kita mencegah benda ini berterusan. Sebab kita ingin melahirkan modal insan yang berkualiti, kita tidak pernah menghalalkan soalan-soalan bocor, tetapi kita nak tengok ya, bahawa kejadian ini tidak berulang dan *alhamdulilah* ya dalam peperiksaan baru-baru ini selepas UPSR ya pendekatan yang kita tengok tidak ada lagi soalan bocor malah dalam SPM sekalipun dan saya harap ya apa yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dilihat secara positif ya, kepada kedua cikgu yang didakwa biarlah proses mahkamah yang menentukan mereka bersalah atau tidak, andai kata mereka tak bersalah kita harap mereka dibebaskan dan ya mencari punca ya, bagaimana kejadian ini berlaku harus diteruskan dan *we have to educate the people* ya mengatakan bahawa anak kita mendapat 5A, anak kita mendapat 5A, atau pun mendapat 10 A dalam SPM, andai kata ya, mereka dapat melalui proses penipuan mereka tidak akan berjaya berbanding dengan pelajar yang cuma mendapat 5A tetapi melalui proses yang sebenar. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya memang setuju dengan Yang Berhormat daripada Bertam, saya setuju tapi cumanya walaupun kita boleh salahkan kepada guru-guru, atau pun kakitangan pejabat, siapa-siapa lah yang memang ada yang ada peranan dalam ini sistem peperiksaan tapi saya rasa kerajaan mesti ada satu pendirian yang lebih tegas supaya ini dapat, siapa-siapa yang masuk, siapa-siapa yang diberi peranan untuk apa ni membuat soalan sebenar so jadi mestilah ambil *procedure, procedure*, dan *must be standard operating procedure* supaya ini perlu dibanteras sama sekali kalau mereka boleh bawa *handphone* memang betul, dia boleh ambil gambar, di samping itu dia boleh hantar beberapa tempat dengan teknologi moden tapi akhir sekali kerajaan saja bertanggungjawab, menteri yang bertanggungjawab, pegawai-pegawai

yang tinggi bertanggungjawab, supaya ini dapat dielakkan, ini tidak dapat apa ini menyusahkan apa ini, beribu-ribu ibubapa, pelajar-pelajar di seluruh negara ini memberikan satu bahawa sistem pendidikan ini tidak memberi keyakinan kepada sistem pendidikan. Okey, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nehtaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, sikit saja, saya tidak setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bertam, saya cuma risau sebagai seorang peguam sendiri dan Yang Berhormat Bertam pun seorang peguam saya tidak mahu dua guru-guru ini dijadikan *scapegoat* ....(dengan izin) dikalangan semua guru-guru yang ada, dikalangan semua pegawai-pegawai kementerian yang ada, mengapa hanya memilih dua guru ini untuk dituduh, dan pertuduhannya adalah kalau kita lihat daripada pertuduhan adalah kerana mereka mempunyai kertas-kertas soalan itu dalam *handphone* mereka.

Jadi maklumat yang kita ingin tahu adalah daripada mana diperolehi soalan-soalan tersebut, sepatutnya daripada fikiran saya saya bukan seorang menteri atau pun pegawai tinggi tapi sepatutnya satu siasatan dalaman diadakan, satu *inquiry* diadakan, dan guru-guru, atau pegawai-pegawai yang mencetak yang secara terus, yang secara langsung mengawal cetakan persoalan-persoalan itu, pembungkusan persoalan-persoalan itu, penghantaran persoalan-persoalan ke ...(dengan izin) *strongroom*, harus dipanggil dan disiasat, kita lihat menteri telah mengambil tindakan. Saya juga membela dua pegawai tinggi yang begitu dimalukan saya katakan, kalau waktu pagi mereka bertugas, dua pegawai tinggi seorang Datin dan Datuk, waktu pagi mereka bertugas menyelenggara penghantaran persoalan-persoalan tersebut. Waktu petang menteri mengumumkan mereka di minta untuk di *suspend* digantung tugasan mereka dan gambar mereka juga keluar dalam *New Straits Times*. Apa yang berlaku kepada mereka, mengapa mereka yang perlu menanggung beban pembocoran soalan-soalan UPSR, menteri sehingga hari ini tidak memberi sebarang penjelasan di Parlimen.

Saya di sini menyoalkan perkara ini kerana keluhan ribuan ibu bapa di luar hari-hari hantar mereka pergi tuisyen, balik, ada ibu bapa yang ambil cuti sehingga anak-anak mereka selesai kerana kita memberi penekanan kepada berapa A yang anak kita dapat, bukan macam dulu, dulu masa saya perkara ini satu A pun cukup, sekarang kita begitu mendesak anak-anak kita 5A, 6A, 7A nak masuk *Penang Free School*, nak masuk St. George, bila berlaku perkara ini ia menyebabkan masalah kepada ibu bapa dan juga murid-murid. Sebab itu, kita minta Kerajaan Persekutuan supaya lebih memberi perhatian jangan berkuat politik saja kita lihat di Pengkalan Kubur Menteri Pendidikan, Timbalan Perdana Menteri hari-hari turun, kita lihat gambar keluar dia, tu dia, dia sedang beri makan sini, beri makan sana, kertas UPSR bocor. Itu adalah pandangan saya.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Itu pandangan Seri Delima dan saya rasa saya sebenarnya menyokong sebab kita mesti ada prosedur, *Standard Operating Procedure* bagaimana kita mencegah apa ini perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan baru-baru ini. Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan setiap tahun kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Persendirian, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Mualigh memandangkan kebanyakan daripada sekolah tersebut adalah

dari kategori Sekolah Bantuan Modal. Pemberian ini bertujuan membantu sekolah-sekolah menyediakan persekitaran pendidikan yang berkualiti dan mengalakkan program pencapaian akademik dan sahsiah yang baik. Sejak bantuan kewangan ini dikemukakan pada tahun 2009, banyak kerja-kerja pembangunan dan menaiktaraf fasiliti telah dilaksanakan di sekolah-sekolah tersebut. Bantuan kewangan juga telah digunakan untuk melaksanakan program-program pendidikan dan motivasi pelajar. Sekolah-sekolah kebangsaan menerima bantuan penuh dari sekolah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan apabila diperlukan. Kerajaan Negeri sentiasa mengkaji dan akan mempertimbangkan bagi peningkatan bajet mengikut keperluan semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, *Penang Science Cafe (ESTEEM)* merujuk kepada persoalan yang Berhormat ADUN Penanti berkenaan lokasi Pusat Pembelajaran STEM dan ESTEEM, pembangunan Pusat Pembelajaran ini akan dilaksanakan di atas tanah Kerajaan Negeri Plot A, Mukim 10, Jalan Betek, Bukit Mertajam, di daerah Seberang Perai Tengah dengan keluasan sebanyak 4 ekar atas sumbangan *Corporate Social Responsibility (CSR)* oleh seorang ahli perniagaan. Selepas siap bina, bangunan tersebut akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi pembangunan pusat latihan di daerah-daerah lain, perbincangan masih dalam proses.

Khidmat tuisyen saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Paya Terubong atas cadangan untuk meningkatkan jurang ketara antara pencapaian sekolah dalam bandar dan sekolah luar bandar, dengan memberi insentif kepada graduan-graduan yang belum bekerja untuk memberi khidmat tuisyen khas secara percuma kepada pelajar sekolah luar bandar. Ini bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan Mathematik untuk pelajar di kawasan luar bandar. Namun Kerajaan Negeri turut melaksanakan beberapa inisiatif lain untuk membantu graduan-graduan yang belum bekerja ini dan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan Mathematik. Kerajaan Negeri juga akan turut mempertimbangkan untuk mengkaji dan menubuhkan pusat tuisyen komuniti yang membantu pelajar miskin seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat ADUN Sungai Pinang.

Yang Berhormat Dato', Bantuan kewangan bagi pelajar IPTS dan Politeknik. Yang Berhormat ADUN Penanti telah mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan bantuan kewangan kepada pelajar institut pengajian tinggi IPTS dan juga Politeknik. Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus *committed* melaksanakan Program Bantuan Wang Pendaftaran kepada pelajar-pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga beberapa IPTS yang bertaraf Universiti. Sehingga tahun 2010, kuota sebanyak 500 pemohon sahaja yang ditetapkan untuk menerima bantuan pendaftaran RM500.00 ini setiap tahun. Akan tetapi dari tahun 2011, Kerajaan Negeri telah meningkatkan kadar bantuan ke RM1,000.00 tanpa sebarang kuota terhadap bilangan pemohon. Kerajaan Negeri pada tahun 2012 telah turut mengumumkan pemberian bantuan pendaftaran RM1,000.00 kepada bakal-bakal mahasiswa-mahasiswi yang telah terpilih melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma.

Yang Berhormat Permatang Berangan juga telah membangkitkan persoalan berkenaan jenis bantuan kewangan yang disediakan untuk pelajar IPTS. Untuk makluman Yang Berhormat Penanti dan Yang Berhormat Permatang Berangan, beberapa IPTS bertaraf Universiti juga telah dimasukkan dalam senarai IPT yang layak untuk pemohon bantuan pendaftaran ini. Antaranya ialah Kolej Universiti Tunku

Abdul Rahman, Universiti AIMST dan Wawasan Open University. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk turut menghulurkan bantuan ini kepada pelajar-pelajar Politeknik Kerajaan pada masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Pelaksanaan Pendidikan Vokasional dari Jerman, merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pulau Betong bekenaan pelaksanaan Pendidikan Vokasional dari Jerman yang akan diaplikasikan di Pulau Pinang. Seperti yang diumumkan oleh Y.A.B Ketua Menteri dalam ucapan bajet 2015 Negeri Pulau Pinang pada minggu lepas, Kerajaan masih dalam perbincangan. Perbincangan sedang dijalankan dengan syarikat-syarikat seperti B. Braun untuk membawa Sistem Pendidikan Vokasional Negara Jerman ke Pulau Pinang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pulau Betong, Sistem Pendidikan Vokasional Negara Jerman ini akan melengkapkan pelajar lepasan sekolah Malaysia dengan kemahiran praktikal profesional yang komprehensif digandingkan dengan pengetahuan yang kukuh dalam pelbagai jenis proses perniagaan termasuk sumber manusia, perakaunan, pemasaran, logistik, perkhidmatan pelanggan dan kemahiran, seperti komunikasi, persempahan dan pengurusan konflik. Ini akan membolehkan perniagaan yang beroperasi di peringkat antarabangsa untuk menguasai cabaran-cabaran yang semakin meningkat dalam ekonomi global. Sistem ini juga dapat menangani kelemahan melantik graduan baru yang sering tidak terlatih untuk keperluan sektor swasta dan tidak mempunyai kemahiran praktikal yang berkaitan tetapi perlu dilatih selama beberapa bulan sebelum membayar mereka dengan gaji yang sebenarnya. Sebaliknya, sistem ini melibatkan kos yang jauh lebih rendah, membantu untuk mengelakkan keputusan pengambilan yang salah dan menawarkan industri satu pengaruh yang kuat ke atas kesesuaian dan kualiti latihan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih, sedarkan Yang Berhormat bahwasanya pihak Kementerian Pelajaran juga telah pun melihat betapa pentingnya untuk diberi galakan ataupun penekanan kepada sektor Vokasional ini, sebab itu hampir setiap negeri di seluruh negara ada sebuah Kolej, Sekolah Menengah Teknik atau Sekolah Vokasional dulu ditukar kepada Kolej Vokasional bermakna opsyen untuk memilih sama mana nak terus kepada akademik ataupun berkemahiran ini telah dibuka seawal tingkatan empat, supaya apabila mereka habis empat tahun di Vokasional ini berumur 16 tahun mereka dapat sijil kemahiran atau diploma. Ini sebenarnya benda yang patut kita lakukan lebih-lebih untuk mensasarkan Malaysia untuk mencapai negara maju 2020 dan apa yang dibuat Kerajaan Pulau Pinang akan *compliment* apa yang Kerajaan Pusat nak buat. Terima kasih.

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Ya Pulau Betong, saya memang MMK sumber Manusia ini memang ada satu kerjasama dengan Jabatan-jabatan Sumber Manusia khususnya bahagian latihan, untuk mengadakan program-program untuk apa ini peringkat akar umbi, kita telah menjalankan dua (2) program, satu (1) di Pulau Pinang di mana kita panggil JKPK biasa datang supaya mereka akan sampaikan mesej-mesej ini kepada pelajar-pelajar di kawasan itu dan kita buat di Seberang Perai lagi satu program di dalam modul program ini adalah di antara kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat khususnya di dalam bahagian latihan, di mana maklumat yang disampaikan kepada pengawal yang datang mereka sudi datang mereka bergembira datang kerana saya rasa dalam hal ini tak ada perbezaan politik. Ini cuma bagaimana kita akan latih bagaimana kita akan bagi peluang bagaimana kita akan sampaikan maklumat yang tidak dapat disampaikan kepada pelajar.

Di sini kita tidak fokuskan kepada, mereka tidak ada SPM pun tak kisah, macam PSDC, saya sebenarnya kita ada hubungan yang begitu baik dengan PSDC dan pengurus-pengurus yang sedia ada, Encik Mohd Ali ini, dia kata pandangan dia saya sangat setuju, dia kata Prof. tak payah dia orang ada SPM asalkan dia ada *attitude* itu cukup, sebab kita dapat banyak dikalangan pelajar banyak yang tak ada SPM, semua gagal SPM, mereka dapat satu pencapaian baik tak apa lah dia akan ikut aliran yang tertentu. Jadi saya memang fokuskan tapi walaupun saya rasa saya tidak ada banyak kuasa dalam bidang ini, tapi kalau tak ada cuma kita buat dengan kerjasama dengan Kerajaan Pusat mereka bergembira, mereka datang dari Kuala Lumpur, saya adakan program ini akan diperluaskan mungkin di semua peringkat di mana mereka di bagitahu orang-orang kampung, budak-budak kampung, budak-budak luar bandar di mana mereka ini tidak ada opsyen kita tak ada kauseling, *there no counseling*, apabila mereka lepasan sekolah dia tak ada kaunseling, so itu adalah cadangan untuk mewujudkan *counseling centre* di tempat-tempat yang sesuai. Dari segi itu saya rasa tapi memang saya setuju itu daripada Kerajaan Pusat mungkin Kerajaan Negeri. Lagi satu ialah penglibatan industri sendiri dalam latihan macam saya balik kepada PSDC ini, kita ini PSDC ini apabila mereka habis tiga tahun diploma syarikat-syarikat menunggu di Kolej untuk mengambil kerja dan mereka dapat gaji berapa RM1,800 dan tapi apabila dilatih pergi ke Singapura, gaji ini tiga (3) kali ganda. Kita hilang juga so jadi itu macam mana kita nak kawal itu jadi itulah Pulau Betong, ini *complimentary* kita perlu buat dan saya rasa sebab angka pekerja-pekerja mahir di Pulau Pinang ada 30%, peringkat National mungkin 20% tak cukup dan oleh kerana itu kita menghadapi masalah dengan pekerja asing. Sila.

## **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Perai. Sebenarnya bukan penglibatan dengan pusat dan Negeri manakala pihak Swasta juga perlu memberikan peranan sebab itu kita ada Kolej Vokasional Swasta (KVS) di mana yang diberi insentif oleh Kerajaan Pusat bagi memastikan kalau boleh semua habis sekolah tidak terus kerja, mereka akan dilatih lagi dalam kemahiran tertentu supaya mereka mempunyai kemahiran tertentu untuk membolehkan mereka mendapat pendapatan yang lebih tinggi dan tentunya kita perlu melakukan sesuatu supaya tidak ada terlalu banyak penghijrahan *graduan* kita daripada kolej-kolej ini ke negara lain kerana ini juga merugikan negeri Pulau Pinang dan Malaysia. Terima kasih.

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Kriteria Penempatan Pekerja asing di Penempatan Perkampungan Pekerja Asing. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Pengkalan Kota atas cadangan penentuan kriteria oleh majikan untuk menempatkan pekerja asing di perkampungan pekerja asing yang akan dibina nanti. Kerajaan Negeri bersama PDC akan berbincang dengan majikan-majikan sebelum penempatan pekerja asing ini dilaksanakan. Projek Pembangunan Asrama Pekerja Warga Asing dilihat sebagai satu projek pembangunan yang positif kepada pekerja asing di mana isu-isu penting seperti isu keselamatan, isu sosial, kebersihan dan kejutan budaya di kalangan pekerja-pekerja asing dapat ditangani dengan lebih sistematis.

Selain daripada itu, kepentingan pekerja asing turut dilindungi melalui Akta Kerja 1955 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Peruntukan di bawah akta tersebut memastikan pekerja-pekerja asing turut mendapat faedah, kemudahan dan hak yang sama dinikmati oleh pekerja tempatan. Mana-mana pihak majikan yang tidak mematuhi atau menafikan hak pekerja asing maka melalui akta ini majikan tersebut boleh dikenakan kompaun dan didakwa di mahkamah. Baru-baru ini ada lawatan daripada *State Department of America*, dia cuma kaji apakah status pekerja asing di khususnya di sektor E&E ini cuma tambahan sahaja ini berita terkini dan mereka akan memastikan supaya di mana akan letakkan Malaysia. Adakah Malaysia masih langgar undang-undang, undang-undang yang ditetapkan oleh AILO, telah ditetapkan oleh Badan-badan antarabangsa mereka boleh datang supaya boleh mengutip maklumat dan ini akan menutupkan, apakah faedah-faedah Malaysia akan terima khususnya daripada syarikat-syarikat, sebab ini khususnya untuk sektor E&E sahaja dia mahu tengok. Apakah kedudukan pekerja-pekerja asing adakah masih mereka pasport mereka dirampas. Adakah mereka ini pekerja ini sampai waktu malam pun sebagainya. Ini proses dilakukan saya berharap bahawa ini apa ini tidak membebankan apa ini Pulau Pinang dari sektor apa ini pengambilan pekerja dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Penaga yang ditujukan kepada saya mengenai pekerja-pekerja yang bekerja di Penang Institute. Untuk makluman Yang Berhormat pekerja-pekerja Penang Institute terdiri daripada pekerja profesional dan juga pekerja biasa. Antara profesion di peringkat profesional di Penang Institute ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Eksekutif, Fellow, Fellow Cemerlang, Pengurus Besar, Penganalisis, Perpustakawan, Pegawai Tadbir, Editor, Pegawai Komunikasi, Eksekutif Kewangan, Pengurus Sumber Manusia, Pereka Grafik, Pegawai Eksekutif, Pegawai Eksekutif Kanan, Penganalisis Kanan, Timbalan Editor dan Pembantu Editor.

Enakmen Kebebasan Maklumat. Merujuk kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Tengah berkenaan Enakmen Kebebasan Maklumat. Dewan Undangan Negeri pada 1 November 2010 telah meluluskan usul daripada YB. Timbalan Ketua Menteri iaitu saya bagi menyerahkan Rang Undang-uUndang Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 kepada satu Jawatankuasa Pilihan yang ditubuhkan di bawah Peraturan 75 dan Peraturan 102, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa Pilihan yang dilantik untuk menggubal Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 adalah terdiri daripada YB. Jagdeep Singh Deo, YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya, YB. Datuk Arif Shah, YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man, YB. Dato' Hajah

Jahara binti Hamid, YB. Tanasekharan dan YB. Ong Chin Wen. Penggubalan Enakmen tersebut turut mengambil pandangan 16 Pertubuhan Bukan Kerajaan yang hadir memberikan komitmen daripada 76 pertubuhan yang dijemput dan empat (4) Parti Politik di seluruh Negeri Pulau Pinang. Mesyuarat MMK yang bersidang pada 25 September 2014 menetapkan tarikh penguatkuasaan ditangguh dari 7 Oktober 2014 ke 9 November 2014. Namun dalam sesi ke-8 Pasukan Kerja Khas mesyuarat telah bersetuju agar tarikh kuatkuasa dianjak ke awal 1 Januari 2015 memandangkan hasil perbincangan pada sesi tersebut mendapat masih terdapat keperluan pindaan pada dua subsidiari dan garis-garis panduan yang disediakan.

Hab Pendidikan Sains dan Teknologi, Yang Berhormat ADUN Pulau Betong turut membangkitkan persoalan berkenaan Hab Pendidikan Sains Dan Teknologi. Kerajaan Negeri telah menggunakan pakai pendekatan serampang tiga mata dengan memberi peruntukan tahunan kepada sekolah-sekolah, menarik Universiti bertaraf dunia dan memperkenalkan pendidikan Vokasional dengan industri, serta membina Pusat Pembelajaran dan Kafe Sains bagi menekankan kepada sistem pengajaran STEM Sains, teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik. Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang, *Karpal Singh Penang Learning Centre* atau (KSPLC) telah dirasmikan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada 9 Mei 2014. Pusat ini merangkumi dua bangunan di atas tapak berikut, iaitu Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang dan Akademi Badminton Pulau Pinang.

Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang telah memberi tawaran kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (*Penang Youth Development Corporation* atau (PYDC) untuk menguruskan pusat pembelajaran tersebut. Pusat ini didermakan oleh *ECM-Libra Foundation* dan telah dibina dengan kos RM 5 juta. Ini merupakan satu (1) kejayaan perlaksanaan kerjasama awam swasta, PPP, *Public Private Partnership Enterprise*. Pulau Pinang mempunyai potensi untuk menjadi, menjadi satu kluster untuk pusat animasi di Malaysia pada masa hadapan. Di Pulau Pinang, kita mempunyai Universiti dan Kolej yang memenuhi keperluan dan melatih bakat multimedia kreatif dalam bidang seni animasi sentuhan 3D termasuk ilustrasi dan kesenian.

*George Town World Culture Heritage Enclave* telah dikenal pasti sebagai pusat perkembangan Multimedia kreatif dengan sejumlah 100,000 kaki persegi ruang pejabat yang dikenali sebagai *Creatiave Animation Triggers (CAT)* untuk memupuk kemunculan klaster pengetahuan baru ini. *Cluster CAT* ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti keupayaan dan kecekapan dalam industri kreatif di Pulau Pinang bagi menghasilkan perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan akhirnya menjadi hub global bagi maklumat dan perkhidmatan digital multimedia serta memacu keusahawanan dalam industri kreatif.

Kolej KDU, serta Universiti KDU akan ditubuhkan di atas tanah berkeluasan 30 ekar di Batu Kawan. Kerajaan Negeri melalui PDC telah menjual tanah kepada *Paramount Corporation Berhad (Paramount)*, iaitu syarikat induk *Paramount Property* dan Kumpulan Pendidikan KDU. Universiti Kolej KDU akan menawarkan kursus dalam bidang kejuruteraan, perakuanan, perniagaan, hospitaliti, kulinari dan perlancongan, komunikasi dan sistem maklumat. Kesemua kursus yang akan ditawarkan adalah bagi memenuhi permintaan industri sedia ada di Pulau Pinang.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sedang berusaha membangunakan Pulau Pinang sebagai hub pendidikan memalui penjualan tanah kepada PKT *Logistic* yang akan mewujudkan *Francais Hull University* yang akan menawarkan bidang seperti kejuruteraan elektrik dan elektronik serta mekanikal, pengajian perniagaan, perakuanan, pengajian logistik, sistem maklumat dan undang-undang. Bagi melestaikan hasrat pendidikan ke arah pendidikan bertaraf antarabangsa dan peningkatan taraf kesihatan, Kolej Pergigian Antarabangsa Pulau Pinang (PIDC) memperuntukan RM55 juta bagi membina bangunan kampus di Pulau Pinang. Di kawasan ADUN YB. Bagan Dalam. Setelah menempatkan kampus baru yang morden, bangunan baru ini akan dilengkapi dengan hospital pergigian, 200 kerusi, pusat sumber, kompleks auditorium, kemudahan rekreasi, makmal, bilik penyelidikan serta bilik fakulti dalam semua bidang kepakaran seperti *Ortodontik, Endodontology, Prostodonsia, Bedah Mulut, Periodontology, Pathology* mulut dan lain-lain. Dengan pembinaan kampus baru ini, PIDC akan dapat memainkan peranan yang lebih dinamik sebagai institusi pendidikan pergigian utama di rantau ini dan memartabatkan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan yang terkemuka. Jadi saya tidak mahu merumus sebab masa jadi dengan itu Yang Berhormat. Saya terus saya menyokong. Terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Perai. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat silakan ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian pengulungan. YB. Pantai Jerejak. Silakan.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

*Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. *Alhamdulillah,* bersyukur kita kepada *Allah Subhanahuwata'ala* kerana telah diberi kesempatan untuk bertemu dan berkumpul dalam Dewan yang mulia ini bagi menghadiri mesyuarat kedua penggal ke kedua Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas pada pagi yang mulai ini untuk membawa amanah dan harapan rakyat Pulau Pinang. Ucapan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah berjaya memimpin Kerajaan Negeri dengan merekodkan lebihan bajet setiap tahun dalam mengekalkan sistem pengurusan kewangan yang baik. Kejayaan lebihan bajet adalah kesimbungan pengurusan kewangan yang cemerlang sehingga Kerajaan Negeri menerima pujian daripada Ketua Audit Negara dalam mengurangkan bebanan hutang Kerajaan Negeri sebanyak 95% dan menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri tunggal di Malaysia yang menerima pujian daripada *Transparency International* kerana mengamalkan tadbir urus berlandaskan ketelusan, pengurusan integriti dan anti rasuah. Bagi mengekalkan prestasi dan merancakkan pembangunan negeri yang mampan pada tahun 2015, Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan kepada belanjawan berteraskan hasil. *Outcome Base Budgeting.*

Laporan Ketua Audit Negara yang telah memuji kemampuan Kerajaan Negeri dalam mengubah anggaran defisit RM262 juta dalam belanjawan 2013 kepada lebihan RM1.3 juta. Ini bermakna Kerajaan Negeri berjaya menguruskan rekod belanjawan lebihan ataupun *surplus* Oktober 11 untuk setiap tahun sejak 2008 sehingga kini. Secara tidak langsung dapat meningkatkan kepercayaan sokongan padu rakyat Pulau Pinang dan kakitangan awam kepada kepimpinan Kerajaan

Negeri Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Y.A.B Ketua Menteri berlandaskan prinsip cekap, *accountable*, dan telus.

Untuk tahun hadapan 2015, walaupun dijangkakan defisit makin naik. dengan prinsip yang sama juga kita mengharapkan untuk mendapatkan *surplus* di akhir hujung tahun. Ia juga menunjukan secara jelas data Negeri yang mengamalkan prinsip, bersih dan berhemah berupaya untuk menjana lebihan belanjawan yang sihat demi kemajuan dan kesihatan rakyat. Kami Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa menyokong dan berganding bahu bagi memastikan Negeri Pulau Pinang menjadi maju, pintar dan bertaraf antarabangsa pada tahun 2015. Justeru saya turut berkeyakinan konsep 3T yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat, Talent ataupun bakat, *Technology* dan *Tolerance* ataupun tolaransi akan menjadi Pulau Pinang *an oasis of tolerance, celebration of diversity and Mecca of talent in symbiosis with the people, city and government*. Pulau Pinang merupakan Negeri terbaik dari segi pelaburan langsung asing, *foreign direct investment-FDI* di Malaysia bagi tempoh 2008 hingga Julai 2014 berjumlah RM30.2 billion mengikut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). sejumblah RM4.6 billion, projek berasaskan pembuatan telah diluluskan untuk Negeri Pulau Pinang bagi tempoh Januari hingga Julai 2014. yang melebihi jumlah pelaburan keseluruhan pada tahun 2013 sebanyak RM3.91 billion. Ini membuktikan bahawa pelabur asing berminat untuk datang melabur di Pulau Pinang untuk mereka mahu berada dalam persekitaran yang mencerminkan falsafah korporat mereka. yang ini, bersih, efisyen, dan kompeten. Sama dengan urus tadbir CAT. Tahniah juga diucapkan kepada investment ini atas sumbangan dalam memaju Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang antara negeri yang terbaik dalam pelaburan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan bebanyak terima kasih tahniah kepada semua kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perbekalan dan usul anggaran pembangunan 2015 yang turut melibatkan formula pembangunan industri dan perdagangan antarabangsa, korperasi, Perhubungan Masyarakat, keusahawanan yang telah diamanahkan kepada saya. Perhubungan masyarakat. Sebagai wakil rakyat yang diamanahkan untuk memegang *portfolio* Perhubungan Masyarakat, saya ingin mengajak semua rakyat untuk bersatu padu tanpa mengira pangkat, darjah, keturunan bangsa agama mahupun fahaman politik. Di sini saya ingin menasihatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk diri saya supaya menjaga perpaduan. jaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat berbilang kaum di Pulau Pinang. saya berpegang kepada falsafah. Izinkan saya mengungkap surah Al-Hujurat Ayat 13, yang berbunyi (Bacaan Ayat Al-quran) yang bermaksud.

“Wahai manusia aku jadikan kamu lelaki dan wanita bersuku-suku, berbangsa-bangsa agar kamu kenal mengenal diantara satu sama lain.”

Struktur Pengurusan Jawatankuasa, Kemajuan dan Keselamatan Komuniti ataupun JKPK Negeri Pulau Pinang adalah diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan saya secara langsung bertanggungjawab dalam perhubungan masyarakat di peringkat negeri, jawatankuasa ini di bantu oleh Urus Setia Negeri di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, manakala di peringkat daerah ia dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dengan dibantu oleh jawatankuasa peringkat daerah. Pada awal tahun ini, kita menubuhkan satu unit perhubungan masyarakat yang membantu untuk mengemaskinikan pengurusan JKPK. mulai pertengahan tahun 2013, semua laporan telah dijana sepenuhnya melalui sistem e-

JKKK iaitu (web base). Melalui sistem ini yang telah dibangunkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (PTMKN), ia banyak membantu dalam merangsang dan menambahbaikan pemantauan ke atas JKKK. Ini secara langsung menjadikan pengurusan JKKK bertambah mantap melalui pemantauan secara penyeluruh baik di peringkat Negeri ataupun daerah. Mulai tahun hadapan PTMKN juga akan melancarkan modul e-JKKK untuk fasa kedua yang meliputi modul elaun dan latihan. melalui modul ini, pengurusan pembayaran elaun JKKK akan menjadi lebih sistematik lagi.

Untuk melahirkan jawatankuasa JKKK yang berpengetahuan tinggi, beberapa siri latihan telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun hadapan. Berterusan daripada apa yang telah kita lakukan pada tahun ini, antaranya adalah latihan untuk memperkasa Pengerusi JKKK melalui dengan penganjuran latihan dan kursus kepimpinan manakala untuk menjadikan setiausaha lebih efektif, beberapa siri latihan dan kursus kesetiausahaman juga telah dirangka. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli jawatankuasa di mana beberapa bentuk latihan dan kursus pengurusan program dan aktiviti telah dirangka. Oleh yang demikian, saya amat berkeyakinan bahawa pengetahuan kesemua Ahli Jawatankuasa JKKK mampu ditingkatkan. melalui siri-siri progam yang telah dirangkakan ini.

Justeru saya ini merakamkan jutaan terima kasih kepada Y.A.B Ketua Menteri kerana telah melalui ucapan bajet bertemakan. "Melabur dalam Pendidikan dan Menjana Kemajuan demi memenangi masa depan dan kesejahteraan rakyat" turut memberi pengiktirafan serta tidak melupakan sumbangan yang telah dibuat oleh JKKK terhadap keselamatan dan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Saya amat berbesar hati apabila elaun kehadiran mesyuarat yang telah dinaikan walaupun RM10.00 daripada RM30.00 kepada RM40.00, untuk AJK ia dapat membantu. Walaupun jumlah tidak sebesar mana ia bermakna kepada semua ahli JKKK kerana ia secara langsung dapat menampung kos minyak kenderaan untuk menghadiri mesyuarat yang diadakan. Pemberian ini amatlah di syukuri oleh ahli-ahli JKKK semua.

Berkaitan dengan soalan tambahan yang dibangkitkan oleh YB. ADUN Pulau Betong, berkenaan JKKK yang di tubuhkan dan berapa jumlah JKKK yang ditubuhkan, dan soalan daripada YB. ADUN Penanti berkenaan isu elaun JKKK yang di katakan terlalu sedikit. saya ingin memberi jawapan bahawa terdapat 290 buah JKKK yang telah dipersetujui dan dimuktamatkan pada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan sebanyak 200 daripada 290, 253 buah JKK iaitu (87%) yang mempunyai keahlian penuh, iaitu 15 orang dan 29 buah JKK 10% yang kurang daripada 15 iaitu dalam lingkungan 12, 13,14. Kesemua JKKK ini telah mempunyai ketetapan untuk mengadakan mesyuarat sebanyak sebulan sekali. Jadi isu-isu komuniti yang berkaitan dengan pengusiran setinggan atau penduduk sebanyak banyak diperkatakan. Apabila tuan-tuan tanah membuat pembangunan di atas tanah itu. Dalam konteks perhubungan masyarakat, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan menyelesaikan isu-isu berbangkit sebagimana yang telah dimaklumkan sebelum ini iaitu kita telah ada satu garis panduan pampasan 2014 menambah baik skim pampasan daripada 2003 sebelum ini.

Untuk soalan yang ditanyakan berapa ramai yang mencukup 15 sebenarnya daripada awal tahun kami *figure* tersebut amat rendah, tetapi apabila MMK dan melalui EXCO telah menggesa bahawa mana-mana yang cukup 15 kita tak akan. Kita tak kan berikan elaun mereka. Maka itu telah menunjukkan pendekatan yang

amat baik kalau bulan Februari dia ada 180, bulan April naik 219 kemudian bulan Mei 253 sehingga yang *latest* sebanyak 253 buah mencukupi 15. Jadi, saya telah memberitahu kepada semua JKKK, bukan hanya dalam *paper*, tetapi kami juga memantau mereka melalui pejabat-pejabat daerah untuk mereka aktif. Ini satu penambahbaikan yang baik. Malah pada bulan April tahun ini saya telah memanggil mana-mana JKKK yang bermasalah dan mengadakan satu penambahbaikan untuk sesi seminar dan mereka telah menunjukkan prestasi yang lebih baik selepas daripada itu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan, Pantai Jerejak. Adakah Yang Berhormat Pantai Jerejak tahu kenapa sukar untuk memenuhi kuota 15 orang padahal banyak sekarang ini memenuhi daripada 13 nak cukup 15 pun perkara kecil, tetapi sukar kerana masalah-masalah boleh dikongsi di sini, sebabnya bagi saya perkara JKKK di kampung amat mustahak sebenarnya.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas pertanyaan daripada Yang Berhormat Pulau Betong. Di bawah Pakatan Rakyat, sememangnya kita telah menambahkan jumlah JKKK, seperti yang saya sebut tadi ada 290, *almost double* ... (dengan izin) daripada yang hadir sebelum ini. Jadi jumlah itu agak ramai lebih kurang dalam 5,000 seluruh Pulau Pinang, salah satu faktor yang kita kenal pasti, ialah mungkin antaranya ialah peruntukan yang diberikan kepada mereka memang rendah. Iaitu setahun kita berikan RM1,000.00 sahaja. Kerana dengan JKKK yang ada, mereka akan bahawa, mereka ada inisiatif sendiri untuk mengadakan contohnya isu-isu penambahbaikan dan perhubungan dengan pimpinan setempat, itu yang kurang motivasi di kalangan mereka. Tapi ini kita telah kenal pasti dan kita telah membuat satu perbincangan bagaimana pada sesi hadapan yang mana mereka akan dilantik sekali lagi untuk sesi yang kehadapan dan perkara ini akan dititikberatkan. Saya teruskan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan. Maknanya, yang saya mohon supaya, sebab saya mohon usul saya kan ditolak. Yang 10 usul salah satu adalah memohon supaya elaun JKJKK itu dia agak lebih setara dengan kenaikan elaun yang telah berlaku pada Ahli Majlis sebab ahli majlis peranannya penting, tapi dia fokus pada taman-taman perumahan. Dan bagi kawasan-kawasan kampung seperti yang saya sebutkan dalam perbahasan tambahan itu, saya sebut yang kalau Ahli Majlis, elaun dia RM2,800 hingga RM3,000, peranan yang sama penting dengan sistem perparitan dan sistem jalan yang memang telah ada, di kampung tak ada, benda-benda itu tak ada, kita baru nak buat, jadi tugasnya sama penting dan mungkin lebih sukar, jadi saya harap, jika kenaikan Ahli Majlis itu boleh naik sebegitu rupa, kita rasanya perlu juga mengimbangi kenaikan elaun Ahli Majlis dan juga kenaikan elaun pengurus dan setiausaha dan memberi sagu hati setahun sekali ke pada AJK yang lain. Sebab saya kira kira, kalau kita naikkan RM1,000 pun, baru RM250,000 kan? Bukan? Sebulan ya? Okay. Tapi saya mohon dipertimbangkan lah.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih soalan pertanyaan daripada Penanti, struktur *set up* antara Ahli Majlis dengan JKKK ini adalah dua yang berbeza. Ahli Majlis ini, ataupun Ahli Majlis Kerajaan Tempatan, dia merupakan satu tanggungjawab yang lebih besar iaitu menggubal dasar, menilai ataupun melihat kepada dasar-dasar pembangunan di PBT masing-masing. Tapi, JKKK ini dia suatu tugas yang kita ambil sebagai *volunteer*, kita tidak anggap dia sebagai satu yang tetap kepada mereka. Jadi, kita nampak dari segi....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan ya. Sebab tanpa JKKK satu seorang ADUN dan seorang penghulu bagi Pejabat Daerah, apa nak kata, *impossible* ....(dengan izin) untuk menjaga kebajikan di kampung dan penduduk di kampung juga adalah pengundi.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Peruntukan bukan kepada JKKK. Peruntukan adalah daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga daripada Kerajaan Negeri dan mereka ini adalah saya nak katakan adalah agensi pelaksana daripada apa peruntukan-peruntukan yang diberikan melalui Kerajaan Negeri dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dilantik. Jadi, mereka bukan satu pekerjaan yang tetap, *they can come and go*, ....(dengan izin), walau bagaimanapun kita telah menaikkan elauan pengerusi dan setiausaha pada tahun lepas. Tapi saya tidak mengatakan tidak langsung kepada pandangan ini, untuk tahun depan kita telah mencadangkan untuk kenaikan elauan mesyuarat sebanyak RM10, daripada RM30 hingga RM40. Jadi, kita boleh lihat kembali tentang peranan-peranan mereka. Tetapi insentif-insentif lain, contoh dia, bagaimana kita nak memastikan motivasi di kalangan mereka, kita akan ada contoh dia, galakan-galakan seperti JKKK terbaik di tahun hadapan. Jadi, saya faham mereka merupakan yang di akar umbi yang melaksanakan segala perancangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dan juga..

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan, adakah Penanti selama ini tidak mendapat kerjasama daripada ahli majlis sehingga menyukarkan kerja Penanti di kawasan? Adakah Penanti semata-mata bergantung kepada JKKK sahaja? Padahal ahli majlis, ahli majlis MPSP ini merangkumi satu Seberang Perai, adakah Yang Berhormat Penanti tak mendapat kerjasama daripada mereka?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Tak perlu, biar EXCO jawab. YB. Penanti menyuarakan kehendak yang lebih baik lagi kerana keprihatinan beliau kepada JKKK itu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat, dia menggambarkan seolah-olah Ahli Majlis tidak pernah membantu dia. Sebab tu dia banyak bergantung kepada JKKK. Sebab itulah dia mahu supaya JKKK itu diberi imbuhan yang lebih supaya mereka dapat terus membantu Penanti.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan, jawapan juga dalam soalan Yang Berhormat Pulau Betong sebab Pulau Betong kata Ahli Majlis perlu berkhidmat kepada seluruh Seberang Perai. Seluruh Seberang Perai. Jadi, pendekatannya bukan kepada satu KADUN, taman-taman perumahan atau kampung. Berbanding dengan JKKK yang boleh fokus kepada satu kawasan secara khusus.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat Ahli majlis ramai, bukan seorang, ramai. Saya persoalkan adakah dia tidak menerima bantuan?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Kalau ramai pun seorang Ahli Majlis kalau tengok kawasan Seberang Perai pun.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Soalan saya kepada dia, adakah dia tidak mendapat kerjasama daripada ahli majlis?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya pastikan Ahli Majlis akan menyalurkan bantuan dan peruntukan dan aktiviti pada semua kawasan termasuk Penanti, dan tambahan pula dengan pentadbiran dan jentera Majlis Perbandaran juga, bukan sekadar Ahli Majlis sebagai seorang individu.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya ingin meneruskan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):**

Saya ada soalan, tak tahu apa ni, kawasan Pantai Jerejak akan sebab yang saya tahu, Briged Wanita juga telah dimasukkan di bawah JKKK kan? Dan mereka pun tidak menerima apa-apa elaun. Okay, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan. Yang Berhormat Pantai Jerejak, berkenaan dengan apa yang dinyatakan tadi, 15 orang baru mereka boleh mendapat pembayaran bulanan, sebenarnya, peranan JKKK tersebut untuk pastikan kebijakan kawasan adalah amat tinggi kebolehan mereka untuk organise dan sebagainya adalah amat tinggi. Pada pendapat saya, kita harus menekankan kualiti JKKK dan bukannya bilangan JKKK. Jika JKKK 10 orang ahli boleh berfungsi dengan amat baik sekali, saya memang tak faham mengapa mereka tidak boleh menerima bayaran. Saya rasa peraturan dimana kena ada 15 orang JKKK itu seharusnya boleh ada pengecualian ataupun 15 orang dalam satu komuniti itu sebenarnya sudah terlalu banyak dalam satu untuk menjalankan program. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih. Dua aspek yang kita nak memastikan keberkesanan kepada JKKK, bukan sahaja kuantiti, tapi dalam masa yang sama saya setuju tentang kualiti tersebut. Baik daripada aspek kualiti, kita mengharapkan setiap bulan mereka mestilah menghantar minit mesyuarat yang telah diperakukan oleh Jawatkuasa tersebut. Jadi, dari segi aspek kualiti sama ada mereka melakukan kerja ataupun tidak, jadi, kita mengambil kira jumlah dan juga pelaksanaan aktiviti di kawasan masing-masing satiap bulan. Sebab itu kalau hanya setakat pengurus dan setiausaha sahaja yang buat kerja, itu tidak mencukupi, kita masih memerlukan satu *teamwork* daripada 15 orang untuk melaksanakannya.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Namun, dalam situasi 15 orang, pun sama. Datang mesyuarat bukan 15 orang yang datang. Jadi, saya memang menekan bahawa rasa peraturan ini kena dipertimbangkan semula.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Ada beberapa kes yang mereka mengatakan mereka memohon yang kurang daripada 15, ada beberapa kelonggaran yang kita berikan kerana mereka memberikan bukti bahawa mereka melaksanakan program. Yang itu memang kita lakukan dan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Penjelasan. YB. Timbalan Ketua Menteri I, sejak bilakah implikasi untuk lantikan JKKK dikehendaki pemimpin-pemimpin untuk menandatangani. Tadi saya dengar Pantai Jerejak sebut kepada Penanti soalan JKKK adalah untuk tolong kan? Tolong kawasan ADUN kan?, macam mana pula tahun ini saya terima borang yang baru, borang saya ada dalam kereta, nanti saya boleh tunjuk, di mana pelantikan JKKK baru kenalah ada pemimpin parti untuk menandatangani. Pemimpin parti itu saya tak pasti adakah pemimpin parti masing-masing ataupun pemimpin parti dalam kawasan?, boleh minta tolong jelaskan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Sebelum saya menjawab soalan YB. Jawi, saya nak merujuk kembali tentang persoalan partisipasi Briged Wanita disebutkan. Sebenarnya, dalam kelima belas orang ahli JKKK ini, kita telah dalam MMK, saya telah memastikan bahawa minimum ada tiga (3) orang wanita di dalamnya. Ini nak memastikan bahawa minimum sekurang-kurangnya tiga (3) orang. Untuk memastikan bahawa di sana ada partisipasi daripada wanita. Dan dalam konteks inilah kita sedang merancang dengan EXCO Wanita, iaitu untuk mengambil kira bahawa Briged Wanita diserapkan melalui minimum tiga (3) orang yang berada dalam JKKK yang sedia ada. Ini untuk... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan, tapi Brigid Wanita selama ini macam di kawasan Penanti, saya ada 10 pasukan. Setiap pasukan ada 20 orang. Dia macam JKKK juga. Jadi, bila dia dimasukkan dan dia hanya dapat elauan mesyuarat untuk seorang. Yang saya tahu seorang sahaja wakilkan? Jadi, bagaimanakah wanita itu diperkasakan wanita.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya bagi wanita.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya mungkin saya boleh bantu sedikit ya. Yang Berhormat Penanti pun dalam Jawatankuasa Brigid Wanita. Saya rasa kita boleh bincang di situ macam mana kita nak memperkasakannya. Saya rasa dia pun tidak, ini Dewan pun tak bagi kuasa kepada ini, macam mana kita nak buatkan, jadi lebih baik....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Bincang di luar.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya rasa lebih baik kita berbincang di dalam jawatankuasa ya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya rasa kita dengan sabar menunggu Air Putih untuk berhujah lagi, so kalau nak detail-detail Brigid Wanita, JKKK ini saya ingat kita bincang di luar dulu lah. Saya setuju dengan Padang Lalang, kita proceed dengan....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya nak sentuh tentang Jawi tadi kerana dia ada kepentingan dalam perhubungan masyarakat mengapa dalam JKKK perlu ada komposisi ketiga-tiga parti didalamnya. Jadi sebab itu dalam penyediaan borang yang baru memang kita akan memasukkan untuk memastikan bahawa segala kuota yang diberikan dalam komposisi parti itu adalah dimasukkan didalamnya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta penjelasan, saya nak tanya sesetengah pemimpin parti ini adakah tanda tangan ADUN kawasan boleh diterima kerana saya hendak tukar Ahli-ahli JKKK tersebut tetapi saya *sign* dan saya hantar kepada Pejabat Daerah SPS tak laku.....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Tak apa Yang Berhormat, yang itu kita...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

ADUN Kawasan *sign* tak laku sebab itu tadi saya semak bisik-bisik dengan Pulau Tikus, Pulau Tikus dia bagi tahu *sign* terima. Adakah Pejabat Tanah SPS, saya sendiri hadir mesyuarat tersebut, saya tanya mengapa saya *sign* tak laku? Adakah Ahli JKKK itu dilantik untuk bantu saya, dia cakap tak apa ini tak pasti lagi pemimpin *sign*, sekarang saya tanya soalan ini pemimpin parti macam mana kategorikan sebagai pemimpin parti, adakah....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat ini urusan ini kita boleh selesaikan di luar Dewan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Ini tak selesai, *That why* saya punya Ahli JKKK kena tanggung.....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Tak apa kita akan tanggung...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat, sedikit saja, berkenaan berbincang tentang JKKK saya tertarik dengan apa yang telah dikatakan oleh Pulau Tikus, tujuannya adalah untuk memupuk perpaduan sesuatu kaum apabila kita lihat kalau ada sebaran tindakan-tindakan merobohkan bangunan dan sebagainya, adakah keperluan untuk mendapatkan persetujuan atau pun membincangkan hal ini dengan JKKK kerana ketika sekarang, ketika kita sedang bersidang sekarang saya difahamkan sebuah kuil Hindu dikawasan Machang Bubuk yang mungkin akan dirobohkan bila-bila masa selepas kita bersidang. Persoalan saya kepada Machang Bubuk adakah perkara ini telah dibincangkan sepatutnya dalam pengalaman saya, bila kita ingin merobohkan sesuatu bangunan atau gerai di kawasan saya pun, kalau kita hendak merobohkan gerai, kita bincangkan hal itu, pendapat-pendapat, adakah ia merupakan satu keperluan kerana JKKK merupakan organisasi yang mempunyai perhubungan dengan akar umbi, *direct* kepada kerajaan dan adakah ia merupakan satu keperluan dan mengapa tidak perkara itu didahulukan di Machang Bubuk saya ingin tanya....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Sebelum itu, berkenaan dengan isu ini, baru-baru ini baru kita terima satu sms. Ini adalah satu kuil hindu di Machang Bubuk, Taman Bentara ini adalah Ahli Kawasan Machang Bubuk mereka dapat apa ni perintah mahkamah dari segi *legal issue than* depa bawa lebih 100 gengstar pecah kuil Hindu baru-baru ini, sekarang ini, itu pemilik tanah, so jadi memang dia ada *order-court* tetapi beberapa kali saya dengar lah mungkin dua (2) tahun lepas saya ada pergi kuil itu dan saya faham bahawa walaupun mereka mahu runding dengan pemilik tanah tetapi dia tidak mahu dan dia bawa ke mahkamah, tetapi saya rasa ada caralah untuk selesaikan perkara ini dan saya rasa hairan kenapa JKKK saya rasa satu badan di peringkat bawahan, mungkin tahu dan mungkin saya rasa Ahli Machang Bubuk pun turut dapat cerita, saya rasa kita gembira di Pulau Pinang sampai sekarang satu kuil tidak dirobohkan. Saya rasa kalau kita nak pindahkan satu kuil, kita boleh pindah tak ada masalah, tapi kita mahu bincang dan gunakan budi bicara kalau kuil ini tidak dibenarkan kita pun boleh dan saya rasa Wakaf Hindu boleh uruskan perkara ini dan kita telah uruskan beberapa kuil kalau boleh, tetapi cara ini mahu pergi pecah kuil ini akan melukakan kuil orang hindu. Kita tak mahu buat macam ini berlaku tahun 2007 apabila mencetuskan Hindraf memecah kuil dan saya rasa ahli Machang Bubuk pun rasa Wakaf Hindu, kita Wakaf Hindu kalau kita mahu selesaikan Wakaf Hindu. Saya sebagai Pengurus bersedia untuk jumpa pemilik, saya rasa Ahli Machang Bubuk sampaikan kepada pemilik tanah dan kita tahu itu tanah hak dia punya mungkin kita akan cari jalan mungkin kita dapat tempat yang lain, tetapi jangan kita roboh kuil, ini tidak boleh dimaafkan kalau kuil itu sama ada *legal* itu bukan isu, bila *you* pecah kuil, *you* pecah tempat ibadat, kalau surau kah, kalau kuil kah, kalau gereja kah. Ini tidak boleh dimaafkan dan saya rasa, itulah saya harap bahawa Ahli Machang Bubuk ambil perkara ini serius dan saya rasa Yang di-Pertua ini saya rasa tidak boleh benarkan dan saya rasa kalau kuil ini, dia mahu keluarkan kita boleh runding dan cari tempat lain, tetapi tidak boleh roboh kuil, saya rasa kita akan pandang serius, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bolehkah satu tindakan diambil segera Yang Berhormat Perai dengan Pantai Jerejak dan Yang Berhormat Machang Bubuk...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila jawab sekarang Yang Berhormat Perai dan Yang Berhormat Machang Bubuk....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kerana kita tidak mahu selepas Dewan selesai nanti mungkin akan robohkan dan saya difahamkan keadaan genting sekarang kerana ada pihak Kerajaan Negeri yang wakil di sana dan pihak orang-orang yang ingin merobohkan, mungkin berlaku perselisihan faham dan pergaduhan, jadi saya minta kalau boleh satu tindakan diambil bersama-sama pegawai-pegawai berkenaan yang hadir untuk menyelesaikan masalah ini dengan segera...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Walaupun saya rasa ini walaupun bukan masalah perkauman tapi pemilik bahawa orang-orang Melayu pecahkan, ini saya rasa perlu di mereka diupah adakah mereka tanya adakah India atau Cina, dia kata dia bawa ramai Melayu dan upah orang Melayu dan sebagainya jadi ini perlu disegerakan, sebab saya tidak mahu ini satu cetusan kemarahan di kalangan orang, jadi ini *actually is legal issue*, tak mungkin terlibat ahli-ahli samseng, tapi diupah untuk, jadi saya dengar baru-baru ini kuil ini belum disentuh lagi, jadi saya harap Dewan ini pandang serius dan saya akan hantar pegawai daripada Wakaf Hindu supaya kita selamatkan kemudian kita runding dan selesaikan perkara ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta laluan...(gangguan), sedikit sahaja, sebab disebabkan isu ini saya juga baru latar belakang kuil ini dan saya tidak ada maklumat langsung, saya rasa sekiranya kita nak menangani isu ini kita memang memerlukan supaya semua maklumat-maklumat tersebut untuk kita tangani dan memang saya sudah ada minta Pegawai Seranta saya dan juga JKKK saya turun, untuk tengok keadaan di sana dan saya setuju dengan ahli kawasan Perai untuk mengadakan perbincangan dengan tuan tanah dan saya tak kenal tuan tanah itu siapa lagi untuk bincanga dengan pihak kuil untuk sama-sama mencari penyelesaian, *win win situation*....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Baik, inilah antara kepimpinan yang perlu kita tunjukkan dan keprihatinan JKKK dan juga Yang Berhormat seorang Cina dan saya seorang Melayu dan YB. Perai dari Hindu Endowment Board untuk bincangkan masalah ini. Ini perhubungan masyarakat yang saya selalu saya tekankan dan bawa ke meja perbincangan dan dapat selesaikan dengan caya yang baik. Saya teruskan. Ada soalan mengenai dewan JKKK sungai dua sebagai terbiar, untuk pengetahuan Ahli Dewan sekalian, kesemua dewan-dewan yang berada di bawah dalam kes ini adalah ada satu mempunyai empat (4) dewan yang telah dibina di atas keseluruhan tanah itu milik MPSP, walau bagaimanapun hanya dua (2) dewan yang berada dalam keadaan yang baik dan telah digunakan. Dua (2) lagi yang disebutkan masih kosong dan telah lama rosak dan sedang diambil perhatian oleh MPSP, dua (2) dewan tersebut dan diguna dengan baik ialah dewan komuniti India dan dewan Belia 4B. Di sini saya telah untuk ambil perhatian MPSP untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan. Dewan tersebut dibiarkan kosong kerana tidak ada mana-mana permohonan untuk menggunakan, JKKK ada, tapi JKKK juga ada dewan lain di kawasan situ juga. Jadi MPSP khuatir sekiranya dibaiki akan berlakunya aktiviti vandalisme oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kerana tidak ada pemantauan ke atas dewan tersebut walau bagaimanapun, sekiranya ada permohonan untuk menggunakan dewan itu MPSP bersedia membuat kerja-kerja pembaikan dewan itu, jadi tidak ada isu jadi JKKK tidak melakukan tugas mereka kerana perkara-perkara yang berkaitan sudah ada, sudah sedia maklum akan keadaan dewan tersebut, setelah dibaiki JKKK yang bertanggungjawabkan untuk menguruskan bersama Pejabat Daerah dan juga MPSP.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Pembangunan Keusahawanan. Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh YB. ADUN Pulau Betong berkenaan kriteria pemberian mikrokredit kepada penerima bagi meningkatkan produktiviti dan perkembangan projek pertanian mereka yang terlibat. Saya suka menjelaskan di sini bahawa pemberian skim mikrokredit dibuat oleh Kerajaan Negeri melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) dilancarkan 6 Oktober 2009 sehingga 30 September 2014 seramai 1,964 orang penerima telah mendapat manfaatnya dengan jumlah keseluruhan pinjaman sebanyak RM8.2 juta daripada jumlah penerima ini 1,089 atau pun 55.4% adalah merupakan peminjam wanita dan 25.7% atau pun 505 orang merupakan peminjam yang terdiri daripada golongan belia atau pun pemuda.

Jadi daripada data ini kita lihat bahawa golongan wanita melebihi 50% peminjam kepada PTSR ini dan golongan muda sukalah 25%, mereka adalah daripada pemuda dan juga belia. Kriteria pemilihan PTSR ini adalah warganegara 18 - 30 dia beza sikit dari pinjaman untuk petani muda, dia 40 ke bawah, yang ini peringkat awal PTSR dibuat asalnya apa yang diusahakan oleh MMK saya. Syarat peniaga di Pulau Pinang perlu ada tempat perniagaan, lesen perniagaan dan telah berniaga sekurangnya 6 bulan dan rekod pinjaman terdahulu yang bersih dan satu pinjaman saja untuk seisi rumah dan satu rakan kongsi dalam perniagaan. Setakat hari ini telah ada pinjaman kali keempat pengusaha tersebut, jadi menunjukkan satu usaha yang baik kerana hendak pinjam kali kedua, ketiga, keempat dia perlu menunjukkan prestasi yang terbaik. Jumlah kalau yang petani muda itu melalui skim yang sama kita hadkan peringkat awal RM5,000 kalau ada ada cadangan dalam perbincangan kita naikkan sebanyak RM10,000, tapi kita hadkan dulu yang petani muda itu adalah RM5,000, tetapi untuk yang asasnya memang kita berikan maksimum RM10,000 daripada minimum RM2,000.

Jadi Tabung Usahawan Petani Muda yang dilancarkan baru-baru ini merupakan inisiatif berterusan, Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan khususnya dalam bidang pertanian, selepas inisiatif pertama memperkenalkan yang telah saya sebutkan tadi. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap semua keperluan rakyat di Pulau Pinang tanpa mengira bangsa, politik dan kita semua bantu semua golongan secara adil dan saksama.

Berhubung soalan daripada Yang Berhormat Sungai Dua berkenaan Pusat Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Pusat IKS Pulau Pinang dan Perkampungan IKS. Adakah inisiatif Kerajaan Negeri termasuk IKS dalam sektor pertanian? Kerajaan Negeri melalui PDC secara dasarnya melalui usaha pinjaman PTSR kepada usahawan IKS sektor pertanian dalam bentuk pembayaran balik secara mudah. Pembangunan Penang SME Centre meliputi kilang empat (4) tingkat di Bayan Lepas yang Perkampungan IKS disebut (SME Village), yang ini lebih besar dari PTSR tadi. Di Batu Kawan juga menyediakan unit ruang perniagaan, kilang dan teres berkembar kepada usahawan dan dalam memproses hasil daripada sektor pertanian kepada produk tambah nilai dalam mempertingkatkan kualiti produk IKS dalam pasaran serta membantu meningkatkan ekonomi pengusaha IKS. Tawaran harga jualan dan kadar sewa yang berpatutan mampu membantu usahawan IKS memulakan pelaburan perniagaan dan perkembangan perniagaan setempat dengan kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati dalam Pusat IKS. Soalan betulis pun saya telah sebut berapa kaki persegi ada saya sebut, lebih murah daripada yang di luar sana. Program ini adalah dengan kerjasama Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar dan UPEN.

Soalan selanjutnya adalah daripada ADUN YB. Sungai Pinang yang menyarankan supaya Pusat IKS yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri tidak hanya tertumpu kepada kawasan luar bandar, tetapi juga termasuk di kawasan separa bandar. Saya turut bersetuju dengan cadangan ADUN YB. Sungai Pinang yang menyarankan supaya Pusat IKS yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri memang tidak hanya tertumpu kepada kawasan luar bandar sahaja tetapi juga termasuk kawasan separa bandar.

Industri dan Perdagangan dan Antarabangsa. Sebelum saya meneruakan dengan tajuk ini, saya ingin memaklumkan kelmarin ada satu insiden iaitu melibatkan kematian seorang *supervisor* yang keluar di dalam suratkhabar di sebuah syarikat multinasional terkenal. Saya telah mengarahkan supaya satu siasatan dibuat bagaimana ini boleh berlaku dan tindakan pembaikan. Isu-isu keselamatan ini merupakan isu-isu penting di dalam kilang-kilang dan saya telah turun padang ke tanah perkuburan tersebut dan memastikan berjumpa dengan majikan dan memastikan pampasan yang sewajarnya diberikan. Mereka telah bersetuju dengan pampasan yang berpatutan.

Merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh YB. Pinang Tunggal yang memohon penjelasan berkaitan jumlah unit SME yang belum terjual dan mempersoalkan sama ada InvestPenang mengadakan kajian yang terperinci ataupun *board study* terlebih dahulu tentang permintaan ataupun keperluan pasaran yang sebenar-benarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 11 November 2014, terdapat 13 unit daripada 44 unit SME yang masih belum dijual di Fasa 1, Perkampungan IKS Kawasan Perindustrian Batu Kawan yang dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Kerajaan Negeri melalui PDC telah membuat kajian terperinci terlebih dahulu mengenai pemasaran terutamanya untuk pelaksanaan projek baru SME Village di Batu Kawan. Kajian-kajian ini meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Strategi Pemasaran
- (ii) Harga Pasaran Secara Keseluruhan
- (iii) Permintaan Pelanggan
- (iv) Kehendak / Harapan pelanggan (Customer Expectation)
- (v) Perbandingan Di Antara Pemaju Swasta
- (vi) Kesesuaian Lokasi/Zon IKS
- (vii) Konsep sama ada pembangunan eko dan sebagainya.
- (viii) Aspek Pandangan Keseluruhan Hartanah Industri di Pulau Pinang
- (ix) Komposisi Projek

*These are some of the lists* yang memang kita buat. Berlandaskan maklumat dan cadangan oleh perunding, PDC telah merancang dan melaksanakan pembangunan SME Village di Batu Kawan secara strategik dengan kemudahan-kemudahan asas yang berkualiti serta *Service Centre* sebagai Pusat Serenti yang mempunyai komposisi, ada lapan seperti :

- (i) Foodcourt
- (ii) Pusat Bisnes
- (iii) Ruang Pameran
- (iv) Bilik Mesyuarat
- (v) Mini Market
- (vi) Surau
- (vii) Kawasan Rehat
- (viii) Tandas Awam

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad:**

Penjelasan. Sebenarnya YB. Pantai Jerejak, isu bengkel atau kilang untuk usahawan ini sebenarnya agak meruncing. Sebab apabila pihak Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat bertungkus lumus untuk membantu usahawan-usahan di desa, terutamanya dia kena *migrate* daripada buat dari dalam rumah ke luar dan dari kawasan tersebut mereka terpaksa berpindah ke kilang-kilang lebih besar. Tetapi hari ini mereka mengalami masalah kekangan tempat. Bolehkah Yang Berhormat melalui Kerajaan Negeri dan PDC perlu memperbanyakkan lagi bengkel-bengkel kecil ini untuk usahawan-usahawan IKS yang lebih pusingan mereka untuk yang lebih one million and below begitu, sebab ini saya rasa ini berdasarkan dari kajian saya memang satu keperluan yang mendesak dan saya juga berharap Yang Berhormat dapat menyokong program-program yang dibuat di atas tanah PERDA untuk membangunkan lagi bengkel-bengkel kecil untuk usahawan-usahawan kita. Terima kah.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas cadangan tersebut dan kita akan mengambil kira cadangan-cadangan tersebut. Saya ingin menjawab isu yang dikemukakan oleh ADUN YB. Jawi berkaitan cadangan untuk membangunkan kawasan industri baru di DUN Jawi menjadi kawasan perindustrian seperti mana kawasan perindustrian di Batu Kawan dan Bukit Minyak. Saya berpandangan bahawa Industri Kecil dan Sederhana sesuai untuk dibangunkan bukan sahaja di Batu Kawan tetapi juga melimpah ruah ke kawasan DUN Jawi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan Changkat, Byram sebagai salah satu kawasan perindustrian di kawasan itu. Dalam jawapan bertulis saya ada menyatakan rancangan meneroka 155 ekar tanah di kawasan selatan untuk kawasan industri ini. Dengan wujudnya kawasan industri baru ini akan memberikan lebih peluang pekerjaan kepada masyarakat khususnya penduduk setempat, pembangunan perumahan secara pesat dan kepadatan penduduk yang meningkat. Untuk maklumat Yang Berhormat, saya menyokong cadangan YB. Jawi untuk mewujudkan kawasan industri baru di DUN Jawi ini.

Merujuk pula kepada soalan yang dibangkitkan oleh YB. Penanti, adakah syarikat-syarikat yang sedang melabur menarik pelaburan keluar daripada melabur di Pulau Pinang ini merupakan syarikat-syarikat yang terlibat dalam pemasangan barang-barang sahaja atau yang terlibat dengan *design* atau syarikat *assembly* sahaja?

Kerajaan Negeri melalui InvestPenang telah dimaklumkan tentang penutupan sebuah kilang iaitu sebuah kilang multinasional bukan sahaja di Pulau Pinang, malah di kilang-kilang yang disebutkan di sini iaitu Kilang Fairchild bukan hanya di Pulau Pinang, malahan kilang-kilang Fairchild, dia bukan saja di Pulau Pinang tetapi keseluruhan memenang mengalami penurunan dari segi permintaan di Korea dan Amerika Syarikat juga akan diberhentikan operasi. Penutupan kilang ini adalah merupakan satu fenomena yang biasa, dia turun naik, ini merupakan strategi kilang tersebut bagi mengurangkan kompleksiti pembuatan. Kilang di Pulau Pinang yang terlibat merupakan kilang operasi pemasangan. Salah satu soalan yang dibangkitkan YB. Telok Bahang tentang kerisauan *retrenchment* atau pemberhentian kita ambil maklum. Fenomena ini adalah adalah fenomena global, mengikut *demand vs supply*. Jika satu industri kurang *demand*, maka ia akan merugikan bisnes, maka penutupan kilang tidak dapat dielakkan. Dalam masa yang sama ada industri atau teknologi baru yang wujud. Pekerja-pekerja yang diberhentikan dari kilang itu boleh di ambil atau diserap oleh permintaan yang baru ini. Suasana ini juga berlaku pada industri sokongan seperti logistik dan sebagainya . Jadi kalau kilang yang berlaku ini ianya bukan disebut atau diumumkan unuk pemberhentian dalam tempoh sebulan dua, tidak, sebenarnya dalam tempoh setahun. Saya difahamkan dalam tempoh enam (6) bulan atau setahun mereka membuat *exercise* ini.

Menjawab kepada soalan YB. Telok Ayer Tawar, mengenai adakah penurunan KDNK disebabkan oleh lawatan pelaburan hanya ke negeri-negeri tertentu sahaja? Mengapa tidak ada lawatan pelaburan ke negara yang telah sedia ada pelaburan di Pulau Pinang seperti Amerika Syarikat atau United Kingdom?

Untuk makluman Yang Berhormat, kalau dilihat dari segi data dan statistik, Singapura merupakan antara lima (5) buah negara yang mencatatkan pelaburan tertinggi sejak dari tahun 2011 dan 2013 sehingga Julai 2014, Singapura adalah merupakan negara pelabur tertinggi di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, lawatan pelaburan misi disebutkan ke Amerika Syarikat telah dilakukan pada Jun 2014.

Berhubung soalan yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Tikus. Apakah sumbangan dan peranan investPenang berbanding MIDA dalam strategi menarik pelaburan ke Negeri Pulau Pinang? Untuk maklumkan Yang Berhormat, bagi tahun ini mulai Januari sehingga Oktober 2014, 92% pertanyaan oleh pelabur telah terus dihubungkan kepada investPenang. Melalui usaha investPenang yang merangkumi misi promosi pelaburan, atau diperkenalkan oleh pelabur-pelabur yang berpotensi atau sedia ada, atau melalui agensi-agensi lain, dan lebihan 8% ialah melalui rujukan daripada MIDA. Maka para pelabur berhubung secara terus dengan investPenang kerana investPenang merupakan pusat *One Stop Centre*. Investors bila masuk mereka memang tidak boleh lari dari MIDA kerana *at the end of the day, ...*(dengan izin), *the manufacturing license* kena dapat dari MIDA juga. Jadi di sini ada kepentingan di antara MIDA dan investPenang adalah sesuatu yang kita tidak dapat elakkan. Ini dalam memberi perkhidmatan sokongan dan konsultasi dalam isu seperti

permohonan tanah, kajian kebolehlaksana atau *feasible study* serta usaha wajar atau *due diligence*. Jangka masa tipikal bagi evaluasi pemilihan tapak adalah dalam lingkungan tempoh antara sembilan (9) hingga 12 bulan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan Yang Berhormat. Adakah betul untuk mengatakan bahawa apabila MIDA mengumumkan pelaburan yang telah pun mereka bawa masuk ke Pulau Pinang, sebenarnya kesemua ini disebabkan oleh peranan investPenang ini?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang saya sebutkan tadi sememangnya kedua-dua ini memang aktif membawa pelabur, saya tidak nafikan mungkin dalam isu ini ada nampak mungkin tidak semua datang dari MIDA itu mungkin dicadangkan di Pulau Pinang. Di sinilah sebenarnya peranan ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Biarkan saya jelaskan sedikit. Mungkin kadangkala diumumkan MIDA menarik pelaburan ke Pulau Pinang atau MIDA berjaya membawa nama-nama besar ke Pulau Pinang tetapi sebenarnya ini telah dibolehkan atau daya tarikan Pulau Pinang ini bertambah besar disebabkan MIDA mendapat bantuan daripada investPenang. investPenang juga seharusnya diiktirafkan peranan mereka dalam menarik pelaburan-pelaburan ini ke Pulau Pinang.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya setuju dalam beberapa perkara iaitu peranan investPenang harus diiktiraf oleh MIDA. Saya teruskan. Antara strategi baru investPenang dalam menarik pelaburan baru adalah memfokuskan kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang terutama sektor pembuatan dan juga perkhidmatan. Ini kerana sumbangan KDNK sektor perkhidmatan telah meningkat dari 42% pada tahun 2008 kepada 47% pada tahun 2013. Maknanya daripada 42 ia naik kepada 47%. Sumbangan KDNK bagi sektor perkhidmatan ini disasarkan akan meningkat sehingga 50% dalam tempoh tiga (3) hingga (5) tahun yang akan datang. Fokus utama bagi sektor pembuatan melibatkan aktiviti penambahan nilai tinggi melalui proses yang dipacu oleh innovasi mengandungi kandungan teknikal yang tinggi serta elemen-elemen penyelidikan dan pembangunan R&D. Pada masa yang sama investPenang turut menggalakan Industri Kecil dan Sederhana untuk memperkuuhkan kedudukan dalam rantai bekalan.

Oleh yang demikian, investPenang akan turut berkerjasama dengan MIDA bagi menambahbaikan lagi pelaburan ke Negeri Pulau Pinang. Untuk sektor perkhidmatan pula, penekanan diberikan kepada bidang Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar atau *Shared Services and Outsourcing (SSO)* dan juga multimedia kreatif. Melalui sektor ini, dijangkakan bakal menambahkan dan mempelbagaikan peluang pekerjaan di Negeri Pulau Pinang. Peluang pekerjaan yang dijanakan ini pula adalah pekerjaan yang memberi pendapatan tinggi, berupaya menjadikan purata pendapatan bagi tenaga kerja berpengalaman dan berilmu tinggi di Negeri Pulau Pinang lebih daripada RM5,746.00. Ini peluang dalam purata pendapatan.

Kawasan di Bayan Baru juga akan dipromosikan sebagai sebuah bandar siber, Cybercity dan juga sebagai destinasi yang sesuai sebagai tempat untuk didiami, berkerja, belajar dan beriadah. InvestPenang juga akan berganding bahu bersama MDeC dalam mempromosikan sektor bidang Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar (SSO) yang saya sebutkan tadi. Jadi kalau dilihat peluang pekerjaan pada tahun 2012, 10,359 naik, 2013 naik sebanyak 14,515 dan 2014 setakat ini mencecah 13, walaupun agak sedikit tetapi dijangka akan melebihi dari tahun lepas dan dijangka seperti yang disebut dalam Ucapan Bajet sebanyak 20,000 peluang pekerjaan.

Merujuk kepada soalan cadangan yang dikemukakan oleh YB. Sungai Pinang berkaitan Hab *Business Process Outsourcing* (BPO) yang dirancang oleh Kerajaan Negeri haruslah mengutamakan dan memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan tersebut dan semestinya Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada warga tempatan berbanding warga asing. Projek *Business Process Outsourcing* (BPO) bakal menyediakan banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi yang berasaskan pengetahuan dibuka untuk penduduk di Pulau Pinang. Telah saya sebutkan tadi anggaran sebanyak 25,000 hingga 30,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi akan diwujudkan secara berperingkat dan peluang-peluang pekerjaan ini adalah terbuka untuk diisi oleh penduduk-penduduk tempatan yang berkelayakan.

Yang di-Pertua Dewan, sebelum saya mengakhir ucapan saya pada hari ini sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat ..... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon penjelasan, satu saja tanya pasal. Adakah PDC bercadang untuk membuka mikrokredit untuk pengusaha *homestay*, sebab pengusaha *homestay* sebagai contohnya di Penanti setiap bulan pelancong-pelancong dari luar negara akan datang ke Penanti di *homestay* Mengkuang Titi sebagai contohnya dan apabila mereka datang mereka dapat RM150.00 sehari ini adalah satu *business* walaupun *homestay* syarat dia tuan rumah mesti tinggal bersama di dalam rumah itu. Terimakasih.

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Setakat ini dalam senarai 1,964, memang tidak ada pengusaha *homestay* yang memohon kerana mikrokredit adalah jumlah yang kecil maksimum RM10,000, tapi saya tidaklah menghadkan untuk mereka meminjam mikrokredit ini tapi mereka boleh berurusan dengan PDC, dan tidak melebihi RM10,000, kalau sanggup RM10,000 dan ke bawah kita boleh uruskan perkara tersebut, baik terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat minta laluan, saya nak bangkitkan bahawa kerajaan seperti memberi fokus kepada pembuatan pelancongan, pembinaan, penubuhan halal hab ini adalah fokus kerajaan mungkin telah dikenal pasti sebagai strategik saya faham, namun pada pandangan saya usahawan- usahawan lain seperti sedikit *invisible in*

*the eyes of the government* misalnya mereka yang buka kafe, mereka yang buka jual baju, *financial services* kah, banyak lagi usahawan-usahawan dan saya berminat mengetahui strategi kerajaan untuk menyokong usahawan ini pelbagai bidang usahawan dan mereka juga memerlukan *layout and* mereka juga ingin tahu bahawa kerajaan tahu mereka di sana sedang bertungkus lumus dan memerlukan perhatian juga, terima kasih.

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Itu *feedback* yang maklumat yang baik, dalam MMK Pembangunan Usahawan ini kita mengenal pasti bahawa di luar sana *especially the private* peniaga-peniaga yang disebutkan tadi, sebagai sebuah kerajaan kita memang menggalakkan mereka untuk membesarakan perniagaan mereka kita memang tidak bersedia dengan memberikan seperti geran kerana di sana memang banyak institusi yang boleh membantu mereka, pihak kerajaan boleh memberikan motivasi dan banyak aktiviti dalam MMK saya, yang kita banyak memberi sokongan kepada industri-industri yang disebutkan tadi, jadi tapi memang tak ada *military gran* selain daripada *micro credit* yang sedia ada, jadi saya juga menggalakkan mereka untuk datang kepada kerjaan *especially* MMK saya untuk beri galakan untuk mereka terus berada dalam ruang Negeri Pulau Pinang ini, terima kasih.

Dengan itu saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat melibatkan diri dalam perbahasan memberikan buah fikiran mudah-mudahan kita dapat bersama-sama berkhidmat demi rakyat dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah. Saya juga ingin mengucap terima kasih kepada semua jabatan dan agensi Negeri yang telah bertungkus lumus dalam persidangan Dewan kali ini berjalan dengan lancar. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana telah bekerjasama dan memastikan Karnival Koperasi Dan Keusahawan yang berlangsung di Daerah SPT, di semua daerah mendapat sambutan yang menggalakkan. Saya menyeru kepada semua bersama-sama membantu meningkatkan ekonomi penduduk setempat dan menjana peluang pekerjaan kepada mereka semua, sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita mendengar Y.A.B. Ketua Menteri. Saya ingin memberi sedikit penjelasan bersabit dengan nama Sungai Acheh. Berdasarkan pendaftaran nama di laman web SPR, nama Sungai Acheh adalah betul. Sungai Acheh seperti mana yang telah kita lihat dalam teks, KADUN Sungai Acheh dan juga berdasarkan draf rancangan tempatan daerah SPS. Nama itu juga digunakan tadi saya *google* juga nama-nama yang digunakan Sungai Acheh, semuanya memakai Sungai Acheh seperti mana yang kita guna pakai termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Acheh, Masjid Sungai Acheh semua kita guna nama itu, cuma sedikit penjelasan untuk kita semua mungkin nanti sehari bila SPR menukar atau ejaan itu, maka kita akan ikutlah.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya tak pertikaikan semua itu, ini adalah nama formal yang telah digunakan, tak salah ... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya sudah jelaskan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Cuma saya, Ahli Sungai Aceh ni tak berapa peka dengan isu ini.... (gangguan), cumanya sebab ini Kampung Aceh, saya faham bahawa ini adalah penduduk Aceh datang sini, suatu masa ketika duduk nama ini beberapa tempat di Malaysia ada Kampung Aceh, Sungai Aceh dan sebagainya. Jadi saya terima kenyataan Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jadi saya rasa saya mahu timbul, cuma untuk pastikan bahawa nama ini betul dan kalau itulah pendirian SPR dan mungkin juga nama-nama lain, saya tidak ada apa-apa pun.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, persilakan Yang Berhormat Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah turut serta mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet Negeri 2015. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan yang diberikan dan saya akan cuba untuk menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan seberapa yang boleh, sekiranya ada sebarang yang perlukan penjelasan tentulah boleh meminta penjelasan yang lanjut daripada jabatan-jabatan yang berkenaan.

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri menyentuh tentang statistik yang telah saya bentangkan dalam Bajet 2015, Pulau Pinang memang menjadi destinasi pilihan pelabur di Malaysia. Walaupun pelbagai tohmahan dikeluarkan, jelas sepanjang 2008-2014 data yang diberikan oleh MIDA membuktikan kemampuan Kerajaan Negeri menarik pelaburan. Statistik MIDA pelaburan langsung iaitu *Domestic Direct Investment*, pada 2002 hingga 2007 ke Pulau Pinang adalah RM5.7 juta. Manakala setelah Kerajaan Negeri telah ditadbir oleh Pakatan Rakyat Pelaburan Langsung Domestik adalah RM13 juta iaitu peningkatan sebanyak 129% berbanding tempoh yang sama apabila ia di bawah pemerintahan Barisan Nasional.

Kalau kita lihat dari segi pencapaian pelaburan langsung asing atau *Foreign Direct Investment* pada tempoh 2002 hingga 2007, FDI adalah RM15.4 juta dan untuk tempoh masa pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat 2008 hingga 2013, tempoh enam (6) tahun yang sama. Jumlah FDI yang dicapai adalah RM27 juta iaitu juga satu peningkatan yang lebih tinggi kalau berbanding dengan tempoh Barisan Nasional dengan peningkatan sebanyak 75%. So untuk *Direct Domestic Investment* peningkatan ialah 129% untuk *Foreign Direct Investment* ialah 75%. Kalau kita lihat keseluruhan pelaburan FDI dan pelaburan domestik ditambah sekali maka untuk Kerajaan BN dari 2002 hingga 2007 keseluruhan pelaburan adalah RM21 juta.

Manakala untuk tempoh yang sama dibawah Kerajaan PR keseluruhan pelaburan yang berjaya adalah RM40 juta iaitu peningkatan sebanyak 90%. dan tentulah kita nak ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah membolehkan Kerajaan Negeri mencapai prestasi sedemikian tetapi kita masih belum berpuas hati dan sekiranya Kerajaan Negeri mendapat kerjasama penuh daripada Kerajaan Persekutuan nescaya jumlah pelaburan ini akan meningkat lagi.

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri amat positif pelaburan dan pelancongan akan berlipat kali ganda sekiranya Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan permohonan bagi penambahbaikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang termasuklah *runway* kedua (MRO) *Maintenance Repair And Overhaul* dan *integrated hab* kargo udara. Harganya hanya 1/3 daripada kos pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa yang baru. Sekirannya kos pembinaan baru adalah RM3.9 bilion seperti anggaran kos Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, yang diura-ura adalah jumlah tersebut, maka 1/3 dari kosnya, iaitu RM1.3 bilion adalah kos penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan saya rasa ini lebih efisyen. Kalau sekiranya apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dibina penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang harus dijalankan. Saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat boleh sama-sama menyokong usaha ini termasuk dari pihak pembangkang kerana ini adalah untuk kebaikan, bukan sahaja semua rakyat Pulau Pinang tapi untuk rakyat Malaysia.

Membina Modal Insan dan mengadakan sistem pendidikan yang bermutu merupakan cabaran untuk mengekalkan kemasukan pelaburan. Oleh itu Kerajaan Negeri berusaha memperkenalkan pendidikan berdasarkan pengetahuan dan kepakaran yang berkualiti seperti sistem vokasional negara Jerman yang terbaik di dunia.

Untuk pertanyaan Yang Berhormat apakah bentuk vokasional sistem negara Jerman. Saya ingin menjelaskan bahawa dalam usaha membawa sistem pendidikan vokasional Jerman ke Pulau Pinang melibatkan sistem persekolah di industri atau "dalam kilang" INSITU dan akan mengikuti sistem di Jerman melatih kepakaran tertentu mengikut kehendak pasaran semasa, perbicangan sedang dijalankan dan jika perancangan ini berjaya, sistem perintis ini akan menjadi yang pertama di Malaysia dan diharap mengubah paradigma kepada memperkasakan ilmu pengetahuan Sains dan Matematik yang kini ketinggalan berbanding dengan negara jiran. Iaitu dengan kata lain Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri pelajar-pelajar akan belajar dan dilatih pada masa yang sama mereka mempunyai peluang untuk bekerja, *so this is call, learn and work system* so itulah sistem yang dipakai, sekiranya ini berjaya saya rasa kita boleh lihat dalam internet apakah yang di jalankan di negara Jerman dan mengapa dari segi industri Jerman, dari segi teknologi Jerman, dari segi *machinery* khususnya *high precision machinery Germany*, ia adalah yang paling canggih di dunia melebih negara-negara lain sama ada Amerika Syarikat ataupun Jepun...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat Air Puteh, terima kasih sebenarnya memang kita bersetuju bahawa negara Jerman adalah sebuah negara yang memberi penumpuan kepada *vocational training* dan itu yang menyebabkan mereka maju dan sebagainya.

Cuma saya nak tahu di peringkat Kerajaan Negeri yang kena ikut, adakah satu institut, tempat, bangunan sebagai mana yang untuk digunakan bagi merealisasikan apa yang dihajatkan oleh Ketua Menteri itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih YB. Pulau Betong yang saya sebut tadi INSITU, INSITU ialah dalam kilang so mereka, kalau kita lihat apa yang dijalankan di negara Jerman, dia tak ada institut, atau sekolah sendiri terasing. Ia semua dalam kilang mereka. So kalau sebagai contoh Mercedes di BMZ, dia ada sekolah dalam kilang BMZ dalam kilang BMW, itu sistem negara Jerman, mereka tak ada satu sekolah yang terasing kerana mereka mahu itu pelatih-pelatih atau pun pelajar-pelajar terus ambil belajar untuk satu tempoh mereka akan mengaplikasikan pengetahuan mereka dengan mesin-mesin yang sedia ada, so saya rasa itu adalah penekanan kepada pengetahuan ataupun pengalaman serius apa yang kita sebut *applied learning* so. So di sini itulah sesuatu yang baru kalau dapat dilaksanakan, sekarang kita masih jalankan perbincangan kita harap dapat menjadi suatu realiti di Pulau Pinang kerana ada banyak kilang-kilang Jerman terunggul di Malaysia dan saya rasa ini pun akan membuka peluang kepada anak-anak di Negeri Pulau Pinang dan memang mereka pun tahu bahawa Pulau Pinang mempunyai sumber dan juga punca kepintaran kerana kita ada pengalaman selama 40 tahun dalam bidang elektronik.

Dato' Yang di-Pertua, umum mengetahui bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bertambah kukuh sejak enam (6) tahun yang lalu hasil daripada kawalan dalam perbelanjaan, amalan perbelanjaan berhemah dan usaha berterusan dalam menambah hasil Negeri. Kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pengurusan kewangan adalah tentang dalam laporan Ketua Audit Negara. Kerap kali bajet defisit mengenai isu yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang, namun berdasarkan kepada kecekapan pengurusan kewangan oleh Kerajaan Negeri dan kawalan-kawalan dalam perbelanjaan yang dibuat telah terbukti apabila lebihan belanjawan dicatat setiap tahun sebanyak secara keseluruhannya lebihan adalah RM453 juta sejak 2008 hingga 2013.

Sekiranya YB. Ketua Pembangkang ada bukti bahawa lebihan ini dimanipulasikan, sebenarnya bukan lebihan tapi defisit, kritiklah kalau boleh marahlah Ketua Audit Negara kerana Penyata Kewangan ini disahkan oleh Ketua Audit Negara. So jangan sebut bahawa kita manipulasikan, sebenarnya ia defisit tapi kita manipulasikan jadi lebihan. Tidak. Ini disahkan oleh Ketua Audit Negara. Saya harap kalau beliau membuat tuduhan sedemikian beliau juga membuat tuduhan yang sama ke atas Ketua Audit Negara. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih. Kita tidak mengatakan bahawa defisit itu atau pun lebihan itu bukan defisit. Sebenarnya kita mempersoal kenapa ada lebihan-lebihan tiap-tiap tahun, walhal dikatakan sebagai penjimatan kerana tak belanja habislah peruntukan yang telah diberi, tetapi sebenarnya bajet dan perbelanjaan Kerajaan Negeri meningkat setiap tahun dan peningkatan itu adalah peningkatan yang besar. Bukan peningkatan yang kecil sehingga bajet mengurus untuk 2015 adalah RM800 juta lebih. Jadi ini mungkin rakyat kurang faham atau pun kita di sini mungkin terkeliru juga, perlu diperjelaskan sebenarnya ia jumlah perbelanjaan yang bertambah walaupun adalah penjimatan setiap tahun. Terima kasih.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih. Saya rasa rakyat faham hanya Yang Berhormat tak faham. Kerana di sini tak akan Ketua Audit Negara tidak dapat mengesan kalau ada sesuatu yang tak kena dalam Penyata Kewangan, so perbelanjaan meningkat tapi pendapatan pun meningkat so saya rasa Yang Berhormat. Kalaulah nak buat itu tuduhan janganlah sebar fitnah sedemikian kerana kita sebenarnya ada mencatat lebihan dan seperti yang saya sebut tadi, penjimatan ini memang ada apabila kita jalankan tender terbuka secara kompetitif dan ini tidak boleh dimanipulasikan. Oleh itu saya sekali lagi meminta kalau Yang Berhormat nak gunakan Laporan Ketua Audit Negara sebagai satu bahan untuk mengkritik Kerajaan Negeri, teguran-teguran yang dibuat oleh Laporan Ketua Audit Negara maka saya rasa beliau juga kena menerima rumusan dan juga pengesahan yang dikeluarkan oleh Laporan Ketua Audit Negera. Jangan apabila ia memihak kepada Yang Berhormat ini digunakan, tapi apabila memihak kepada Kerajaan PR, ini dipertikaikan. Saya rasa ini kurang profesional oleh itu saya harap bahawa tentang Laporan Ketua Audit Negara kita bercakap berdasarkan fakta dan kalau ini dipertikaikan maka semua negeri punya Penyata Kewangan pun *you* pertikaikan termasuk Kerajaan Persekutuan, so saya harap marilah kita mengakui. Ini satu fakta bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memang mencatat lebihan setiap tahun tidak ada satu pun ada dalam defisit dan tidak ada sebarang manipulasi seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat. Saya tak mahu berikan kuliah kepada Yang Berhormat tentang kewangan kerana saya rasa memang Yang Berhormat bukanlah seorang *accountant* so itu saya harap bahawa dapat nasihat yang betul-betullah, mungkin dapat nasihat dari rakan-rakan atau budak-budak GERAKAN atau MCA ini mereka ini kurang tahu so payahlah saya nak jelaskan tentang Penyata Kewangan sedemikian. Puas hatilah.

YB. Telok Ayer Tawar telah bertanya tentang sejauh manakah kebergantungan Kerajaan Negeri pada hasil cukai tanah dan bukan hasil bukan cukai berkaitan tanah sebagai hasil Kerajaan Negeri. Hasil tersebut adalah sebanyak RM527.36 juta berbanding dengan hasil keseluruhan RM833.71 juta. Ini yang saya sebut tadi bahawa usaha Kerajaan Negeri untuk menjanakan pembangunan ekonomi telah pun menambahkan pendapatan dan penjimatan yang diperolehi daripada mengamalkan sistem tender terbuka telah membuka sumber-sumber pendapatan yang baru dan itulah sebabnya bila kita dapat lebihan seperti yang saya sebut tadi kita gunakan untuk kepentingan rakyat dengan menjalankan projek-projek yang memberi manfaat kepada rakyat.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang perbelanjaan mengurus yang meningkat setiap tahun dan di sini saya ingin sebut bahawa memang perbelanjaan mengurus meningkat. Pertambahan pembiayaan untuk program sosial dan kesejahteraan rakyat yang bermula pada tahun 2008 dengan antara lain bantuan pendidikan, bantuan kebajikan, bantuan pelajar miskin dan wang ehsan melalui *credible* dan seterusnya pada tahun 2010 ditambah dengan pemberian untuk warga emas, bantuan miskin tegar dan pada tahun-tahun berikutnya pemberian bantuan telah diperluaskan lagi kepada ibu tunggal, OKU, anak emas, ibu emas, pelajar emas, mahasiswa emas, pemandu teksi, penarik beca, nelayan, mikro kredit dan lain-lain lagi.

Dan sejak 2008 juga 12 Novemeber 2014 sejumlah RM287 juta telah dibelanjakan secara langsung kepada rakyat dan ini tak pernah dibuat sebelum ini oleh Kerajaan Negeri. Mana ada rakyat mendapat secara langsung RM280 juta secara wang tunai. Ini belum ambil kira projek-projek jalan dan perparitan yang dijalankan dan saya rasa itu menunjukkan bahawa kita ada lebihan kita kongsi sama-sama kongsi dengan rakyat dan itulah mengapa Pakatan Rakyat terus menjadi harapan rakyat di Pulau Pinang. Peruntukan yang disediakan bagi tujuan pembiayaan program bantuan sosial untuk tahun 2015 telah meningkat kepada RM116.94 juta dan ini satu jumlah yang agak besar. YB. Tanjong Bunga telah bertanya tentang, belum minta maaf. Ini baru YB. Pulau Betong, nanti Tanjong Bunga akan datang lagi.

YB. Pulau Betong telah bertanya berkaitan Bukit Bendera saya rasa itu ditunggu tunggukan oleh YB. Pulau Betong, saya ucapkan terima kasih, saya ucapkan terima kasih atas perhatian yang diberikan dan isu pengambilan kakitangan secara *Contract For Service* memang adalah atas kepakaran pengawai-pegawai tersebut. Perbadanan Bukit Bendera atau PBB adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Bukit Bendera di mana kita boleh atau kita berhak melantik dan mengambil pekerja atas apa-apa terma dan syarat yang PBB patut lakukan mengikut Seksyen 28 Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009 oleh itu sama ada seseorang yang mempunyai kepakaran yang diperlukan adalah atas pertimbangan di bawah Perbadanan Bukit Bendera di bawah Seksyen 14 (1) yang memperuntukkan kuasa kepada Perbadanan Bukit Bendera dalam melantik Pengurus Besar mengikut gred jawatan yang difikirkan sesuai. Saya rasa tengah hangat minta henti, tapi saya hormati petunjuk Speaker kerana hari ini solat, sembahyang so saya akan sambung selepas solat Jumaat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Air Puteh, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 3.00 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 3.00 petang.***

**Setiausaha:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhomat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula, dipersilakan Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong, sama ada seseorang yang berkelulusan SPM menjawat jawatan gred M44 ataupun gred 48, yang bergaji RM5,000.00 lebih dan atau RM6,000.00 lebih. Saya telah difahamkan bahawa tiada pegawai gred M44 dan gred M48 yang

dikatakan berkelulusan SPM sahaja telah diberikan jawatan tersebut. Namun, kita memandang serius dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pulau Betong. Oleh itu kita akan membuat siasatan lanjut dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menjalankan siasatan dan mengambil tindakan susulan sewajarnya. Isu.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tentang penjawatan ini. Saya nak minta Bagan Dalam selaku Pengurus PAC dalam Dewan ini, selain daripada jawatankuasa khas yang akan dibuat oleh Air Putih, Ketua Menteri, saya juga minta supaya isu ini diangkat untuk dibincangkan dalam PAC Meeting. Kerana saya melihat ada beberapa masalah di sini. Satu tentang perlantikan kontrak Force Service. Isu telah saya pun bangkitkan dalam penggal lepas dengan harapan terdapat perubahan dilaksanakan di sana. Dan hari ni saya bangkitkan lagi kerana kontrak Force Service ini adalah skim khas ataupun kaedah khas yang dibuat untuk mencari pakar-pakar tertentu sahaja untuk menjawat jawatan yang mungkin memerlukan kepakaran khas. Tetapi saya difahamkan dalam Perbadanan Bukit Bendera terdapat lebih daripada sepuluh (10) orang yang diambil dalam skim kontrak Force Service. Itu satu,

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, Perbadanan Bukit Bendera sebuah perbadanan di bawah Kerajaan Negeri dan ada kena mengena dengan Kerajaan Persekutuan. Sebab itulah kita ada tiga (3) wakil daripada Kerajaan Persekutuan yang hadir bersama sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Tentunya kesemua badan-badan berkanun ini mesti mengikut arahan-arahan yang telah telah pun dikeluarkan oleh sama ada JPA ataupun SPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan sebagainya. Mesti ada tata cara untuk memberi gaji kepada orang yang macam mana kelulusan yang macam mana gaji yang macam mana, itu mesti ada. Dan saya membuat itu bukan dakwaan yang serius, saya membuat teguran kerana saya mendapati ada sebegitu. Dan terima kasih kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah pun membuat keputusan untuk apa ni menjemput apa ni, untuk membuat sebuah jawatankuasa penyiasatan, dan saya juga ingin merakamkan kerisauan saya, jika terlalu ramai orang yang dilantik, melalui kaedah kontrak Force Service ini akan membawa kepada penyalahgunaan perlantikan yang mungkin menjurus kepada kronisme. Ini teguran saya dan saya akan buktikan mungkin nanti Bagan Dalam saya nak minta supaya dibawa dalam PAC Meeting untuk kita perhalusi perkara-perkara ini. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya, terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong, saya rasa memang terpulang kepada PAC untuk memutuskan apakah agenda yang ingin disiasat ataupun disemak oleh PAC dan saya rasa bukanlah untuk saya menjawab perkara yang dibangkitkan tadi. Tentang perkara kedua, perlu diingatkan bahawa bila kita sebut tentang kontrak Force Service saya ingin menolak dakwaan bahawa mewujud atau wujudnya kronisme dalam perlantikan kontrak Force Service kerana saya harap kalau ada bukti mungkin Yang Berhormat Pulau Betong boleh tunjuk kes-kes di mana dalam pemberian kontrak Force Service berlakunya kronisme, kerana memang Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang amat serius, kita tidak membenarkan ahli-ahli keluarga berurusan dengan Kerajaan Negeri. Dan tentulah sekiranya, ada keadaan sedemikian, kita bukan cakap tak boleh, tapi biaya diuruskan oleh JPA. So bila kontrak Force Service itu adalah berdasarkan kepakaran yang kita rasa

diperlukan, ataupun kerana *skill* ataupun kadar gaji yang diberikan tidak cukup menarik supaya kita dapat pegawai-pegawai yang berkemampuan menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. So di sini saya rasa apa yang saya ingin jaminkan ialah tidak ada sebarang kronisme. Tapi saya tidak menolak keadaan dimana berlaku ada ahli-ahli keluarga yang bekerja dalam satu tempat. Macam dekat MPPP dan MPSP. Saya rasa Yang Berhormat pun tahu ada ahli-ahli keluarga yang bekerja dalam satu tempat. Saya rasa ini telah berlaku begitu lama bukanlah masa Pakatan Rakyat sahaja. Di mana saya rasa dengan MPPP atau MPSP ada ahli-ahli keluarga dalam satu pertubuhan. Dan saya tak tahu sama ada ini dirujuk oleh Yang Berhormat Pulau Betong. Tapi sekiranya itu menjadi isu saya rasa ini boleh dibawa oleh atau boleh disiasat oleh PAC.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya hanya merujuk kepada kes Perbadanan Bukit Bendera dan bukan kes lain.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kalau begitu saya ingin menyatakan di sini bahawa tidak wujud, sejauh yang saya tahu, kronisme. Tidak ada ahli-ahli keluarga, ahli lembaga pengarah yang bekerja di Perbadanan Bukit Bendera. Tapi sama ada ada hubung kait di antara ahli-ahli pengurusan ataupun ahli pentadbiran, saya rasa ini kita akan semak, seperti yang didakwa oleh YB Pulau Betong, kita akan semak dan kita akan minta ia dilaporkan dalam siasatan yang sama.

Tentang isu Pengurus Besar PBB yang juga Konsultan kepada PBB. Now, ini berlaku apabila beliau dilantik sebagai Konsultan, tetapi sebelum beliau di lantik sebagai Pengurus Besar, beliau dilantik sebagai Konsultan dan ini adalah berdasarkan kontrak melalui 1 Oktober 2012 dan tamat pada 30 September 2014 iaitu sebelum beliau dilantik sebagai Pengurus Besar yang bermula dari Ogos 2013. Pengurus Besar PBB telah tidak lagi menjalankan kerja-kerja sebagai Konsultan, dan apa-apa bayaran yang terlebih bayar akan dikembalikan. Persoalan berkenaan kawasan Pentadbiran....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan. Yang Berhormat berkata bahwasanya dia telah pun dilantik ke jawatan Pengurus Besar PBB pada 2013, okey, dan dia telah pun dilantik sebagai konsultan daripada Oktober 2012 sehingga September 2014. Ini bermakna dalam 2013, 2014 itu dia telah menerima gaji dua (2) daripada Konsultan dan juga sebagai Pengurus Besar. Dan ini tidak boleh berlaku. Seorang penjawat awam menerima dua gaji sebagai apa ni, pengurus besar dan juga sebagai konsultan. Ini tidak boleh berlaku. Dan saya rasa ini benda yang sepatutnya perlu dielakkan pada awal lagi jika sekiranya penerimaan dan penjawatan itu dibuat secara teratur mengikut tata cara yang biasa diamalkan oleh apa ni perkhidmatan awam.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itulah sebabnya kita minta bahawa kalau ada sebarang bayaran lebih ia harus dikembalikan. Dan di sini saya rasa itu yang tidak diketahui oleh saya sebagai Pengurus kerana memang kita tidak berurusan dengan perkara-perkara sedemikian...(gangguan), tapi apabila, berikan saya habis dulu, bila perkara ini dilaporkan maka tentulah pembayaran lebih ini haruslah dikembalikan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya menerima baik apa ni jawapan Air Putih yang mereka yang telah pun menerima harus mengembalikan, tetapi saya rasa kalau jika sekiranya ada, ada pentadbiran yang cekap yang telus, mereka ini tidak akan berlaku dan ini bermakna terdapat kepincangan di awal perlantikan kerana tidak menurut prosedur-prosedur yang telah pun ditetapkan oleh jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itulah sebab kita hendak jalankan siasatan untuk melihat dimana kalau ada kelemahan sedemikian di mana ia berlaku. Persoalan berkenaan kawasan pentadbiran Perbadanan Bukit Bendera belum diwartakan. Ini adalah sesuatu perkara yang memang telah berlanjutan lama. Proses untuk menetapkan kawasan pentadbiran telah dimulakan sejak tahun 2011. Cadangan pelan kawasan pentadbiran telah disediakan tetapi atas nasihat Penasihat Undang-Undang Negeri. Draf pelan bagi tujuan perwataan perlu dipinda bagi memenuhi kehendak perwartaan. Aspek teknikal berhubung draf pelan sedang dimuktamadkan bagi membolehkan perwartaan selaras dengan Seksyen 6 Enakmen dilaksanakan. Berkenaan isu audit dan peraukaunan ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, saya nak sikit lagi juga, berkenaan dengan, minta maaf lah. Sebab ini saya buat *research* yang agak detail dan ini bukan diperoleh budak-budak mana, Yang Berhormat, bukan budak DAP, bukan GERAKAN, bukan budak BN, saya buat sendiri, sebab tu saya amat saya nak memperhalusi yang ini. Dan juga saya minta sebab masa dah berlalu panjang 2011, 2012, 2013, dan saya rasa bagaimana kita nak mentadbir sebuah Perbadanan jika sempadannya tidak dikenal pasti. Sepatutnya sebaik kita menggazetkan enakmen itu, sempadannya juga harus diwartakan. Ini satu perkara yang serius daripada segi pentadbiran, kerana kita perlu tahu, had kita di mana. Dan saya minta supaya disegerakan dan tidak dibiarkan perkara ini berlanjutan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Okey, saya pun sedar tentang perkara ini. Tapi kerana ia melibatkan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri pada masa itu, maka kita kena mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Tapi saya yakin dengan Penasihat Undang-undang Negeri yang baru dan pihak Kerajaan Negeri telah meminta bantuan dan juga bahawa beliau boleh memberikan keprihatinan ke atas isu ini, saya percaya perkara ini dapatlah dibereskan dengan secepat mungkin.

Dato' Yang di-Pertua, berkenaan isu audit dan perakaunan, semakan dan penelitian-penelitian kepada teguran-teguran ini sedang dijalankan dan tindakan-tindakan pembetulan akan dibuat sewajarnya. Pihak pentadbiran Setiausaha Kerajaan juga sedang berusaha membantu pihak pengurusan PBB dengan mengadakan rundingan serta telah menghantarkan pasukan Audit Dalaman. Pada awal bulan Oktober lepas untuk membuat pengauditan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebenarnya tiada perbezaan mengenai isu baki bank dalam Penyata Kewangan PBB berbanding dengan Penyata Bank. Apa yang berlaku adalah semasa pemeriksaan Audit dijalankan, pengesahan bank belum lagi diperolehi. Pada masa ini pengesahan bank berkenaan telah pun diterima.

Berhubung dengan pencerobohan dengan tanah kerajaan di atas Bukit Bendera, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pejabat Tanah dan Daerah, Timur Laut untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi perkara ini. Turut dibangkit ialah mengenai komponen selenggaraan, menggunakan produk buatan Negara China. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa tiada alat gantian yang dibeli daripada Negara China di bawah Pengurus Besar sekarang. Semua alat gantian adalah mengikut spesifikasi dan mengikut kontrak penyelenggaraan. Perkara ini juga akan diperiksa dalam siasatan yang saya sebut tadi. Sekiranya Yang Berhormat ada apa-apa bukti tentu kita harap Yang Berhormat pun boleh memberikan itu maklumat supaya kita dapat kesan, kerana saya pun rasa berhati-hati kerana kita tak mahu gunakan alat-alat ganti yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Air Putih, saya menghargai jika sekiranya Yang Berhormat serius tentang perkara ini, kerana ini melibatkan keselamatan penumpang-penumpang kerana pendapatan Bukit Bendera, saya difahamkan setahun mencecah RM13 juta satu (1) tahun. Ini merupakan satu tarikan dan satu pendapatan yang cukup tinggi, maka kita nak pastikan yang mesin itu ataupun gerabak kereta itu berjalan dengan sempurna dan juga saya minta ni *very serious* YB. Bagan Dalam dengan saya cakap, kita perlu memanggil kepada PAC untuk meneliti setelitinya perkara ini. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Memang untuk Bukit Bendera kita dijangka akan menarik lebih daripada 1.3 juta penumpang. Tentulah isu-isu keselamatan akan diberikan keutamaan dan mengikut laporan yang diterima ialah dari segi *count time* adalah lebih kurang kalau berbanding dengan tahun lepas. Tapi perkara ini kita akan buat bukan sahaja *check* tapi *double check*. Kalau perlu kita perlu *triple check* ini memang sesuatu dengan berkaitan dengan keselamatan di mana saya rasa ia menjadi tumpuan oleh semua....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Dan saya akan *counter check*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sila, kita pun mengalu-alukan Yang Berhormat untuk *counter check*, boleh *counter check* tapi jangan *body check*. Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Berkaitan dengan perkara lain itu tindakan tuan tanah menggunakan perintah mahkamah mengusir penduduk. Kerajaan Negeri serius dalam penghidupan kampung tradisional dan membela nasib penduduk yang terlibat. Walau pun telah terdapat beberapa kes di mana Mahkamah Tinggi membuat keputusan yang memihak kepada pemilik tanah. Kerajaan Negeri telah pun mengambil inisiatif bagi membantu penduduk antaranya Kerajaan Negeri telah menjadi perantara perundingan di antara pemilik tanah dan penduduk yang terlibat.

Kerajaan Negeri juga telah memberi keutamaan kepada penduduk yang terlibat untuk dipertimbangkan tawaran rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik di bawah Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar baru untuk pembangunan swasta dengan menolak sebarang permohonan kebenaran pembangunan atau pun *development order* yang diduduki oleh setinggan. Kerajaan BN sebelum ini menerusi MPPP dan MPSP akan memberikan kebenaran pembangunan. Sungguhpun masih ada setinggan dan masalah setinggan belum diselesaikan. Tapi di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat kita telah mengarahkan bahawa *development order* tidak boleh diluluskan selagi masalah setinggan belum diselesaikan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Air Putih. Saya juga ingin memohon, meminta pengesahan daripada YB. Air Putih tentang apa yang telah disebutkan oleh YB. Datok Keramat tentang keseriusan Kerajaan Negeri untuk memastikan yang pampasan sewajarnya diberikan kepada setinggan sebelum sebarang kebenaran merancang diberikan. Itu termasuklah cadangan satu berganti satu dan atau pun lebih daripada itu atau kurang daripada itu. Ini akan menimbulkan rasa selesa dan senang hati di kalangan masyarakat Pulau Pinang terutamanya yang tinggal di kampung-kampung. Sebab hari ini bagi mereka yang, terutama mereka yang mempunyai rumah sendiri. Kalau penyewa mungkin ada kaedah yang lain tetapi mereka yang mempunyai rumah sendiri haruslah kalau boleh dikuatkuasakan supaya pemaju satu (1) ganti satu (1). Ini lebih menjamin ketenteraman mereka yang sekarang ini berada di tanah-tanah yang terjual itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Biar saya jawab dulu. Tentang cadang sedemikian, itu memang dasar Kerajaan Negeri untuk tanah milikan Kerajaan Negeri...(gangguan) biar saya habiskan dulu, tetapi untuk tanah milikan swasta apabila mereka tidak membuat sebarang permohonan, mereka pergi terus ke mahkamah. Tak akan Kerajaan Negeri boleh engkar perintah mahkamah yang dikeluarkan. So sebab itu kalau perkara setinggan tidak diselesaikan dengan baik maka kita tidak akan keluarkan

*development order*, tetapi mereka berhak juga untuk memohon perintah mahkamah untuk mengusir penduduk-penduduk. Ini diluar kawalan Kerajaan Negeri. Ini diluar kawalan Kerajaan Negeri.....(gangguan), saya habis dulu. Oleh itu saya berharap Yang Berhormat boleh faham dalam keadaan sedemikian. Kita hanya boleh membuat keputusan untuk memastikan penduduk dapatlah rumah alternatif sekiranya ia di dalam kawasan atau di dalam tanah kerajaan. Apa yang kita kadang-kadang rasa kesal ialah apabila ada perkara yang berkaitan dengan agensi kerajaan. Macam dekat JKP dan PERDA yang selalu disebut oleh Yang Berhormat sebelum ini. Ia mengandungi masalah setinggan atau masalah setinggan masih belum selesai. Bila kita minta ianya diselesaikan dulu. Ia digunakan sebagai satu isu untuk menyerang Kerajaan Negeri sengaja tak mahu berikan kelulusan. Kita berharap perkara ini tidak dijadikan isu.

Satu lagi ialah tentang kes macam Tanjung Tokong. Kes Tanjung Tokong melibatkan UDA iaitu agensi Kerajaan Persekutuan. Kita pun rasa sedihlah bahawa dalam kes sedemikian apabila ia melibatkan Kerajaan Persekutuan entah macam mana Kerajaan Negeri pula dipersalahkan. Lebih-lebih lagi sebelum ini Y.A.B. Perdana Menteri sendiri datang untuk memberi jaminan untuk diselesaikan. Kita pun mahu perkara mencapai satu penyelesaian yang baik kerana kalau boleh dapat *win-win situation*. Di satu pihak mahu kampung warisan, tapi di satu pihak lain ialah penduduk kampung mahu satu keadaan yang lebih selesa. Ini telah ditawarkan oleh pihak Melayu daripada asalnya tiada kampung warisan di bawah Pengurus UDA sebelum ini iaitu YB. Nor Jasran, Ahli Parlimen Kawasan Pulai telah memberikan kampung warisan. Tapi masih ada penduduk yang tidak bersetuju atau pun kurang berpuas hati.

Bila kita buat tinjauan, kita perhatikan bahawa mereka terdiri dari satu kumpulan yang tak sampai 5% daripada penduduk. Macam mana? Ini yang saya nak dapat pandangan Yang Berhormat di sebelah sana, macam mana? Kalau kita lihat dalam keadaan sedemikian, 1,000 keluarga, 95% semua setuju atau 98% mungkin mahu setuju, tinggal satu (1), dua (2) peratus ini. Adakah kita akan terikat dengan satu (1), dua (2) peratus ini dan menolak sama sekali tuntutan daripada 98% penduduk. Bila kita menolak kerana kita nak jaga 2% kita akan dituduh, didakwa bahawa kita tak mahu penduduk kampung hidup dengan lebih selesa, anti Melayu dan sana sini. Bila kita mahu mengambil kira tuntutan 98% penduduk datang pula yang pro kampung warisan. Ini nak hapuskan kampung warisan Melayu. So dalam keadaan sedemikian kita tersepit di tengah-tengah. Bila kita nak bantu penduduk kampung tersebut tanpa kira latar belakang, supaya perkara yang telah menghantui kawasan itu selama lebih 30, 40 tahun dapat satu penyelesaian.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Air Putih. Tanjung Tokong setahu saya telah pun dibuat perundingan dan ditawarkan satu ganti satu kepada semua penduduk. Yang sekumpulan kecil ini adalah mereka-mereka yang sebenarnya pro PR dulu lagi. Sebab saya kenal kepala mereka dan saya tahu siapa mereka, okey. Tak apa. Kita cakap tentang isu pampasan. Begitu juga isu di Sungai Nibong di kawasan Pantai Jerejak. Saya sendiri turun berbincang dengan mereka, offer satu ganti satu. Ini yang diamalkan oleh kita selama ini. Sebab itu saya kata walau pun Kerajaan Negeri mengambil pendekatan begitu bagi tawar rumah-rumah atas tanah Kerajaan Negeri. Saya minta satu tahap lagi supaya pihak Kerajaan Negeri memaklumkan kepada pemaju-pemaju ini adalah polisi kita yang terbaik. Sebab memang mudah bagi

pemaju untuk masuk ke mahkamah ambil *court order*. Bila bagi *court order* memang sukarlah untuk Kerajaan Negeri nak lawan *court order*. Sebab itu kita harus mengambil pendekatan awal memaklum kepada semua pemaju sila uruskan begini disebabkan masalah tanah yang mahal, rumah yang mahal maka pendekatan Kerajaan Negeri adalah supaya setiap rumah yang di tanah itu diganti, satu ganti satu oleh setiap pemaju perumahan. Jadi semua orang tahu dah, *this is ruling* dan semua kena ikut dan tentulah pemaju dah tau apa kena buat dan orang-orang kampung juga tau apa yang mereka akan dapat. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tentulah saya rasa untuk mengatakan bahawa kumpulan ini Pro PR, saya rasa tidak menjadi pengiraan apabila kita nak cari jalan penyelesaian. Sungguhpun Yang Berhormat melabelkan mereka ini Pro PR, saya rasa ini tidak tepat kerana mereka pun telah pun mengkritik Kerajaan Negeri bahawa dalam aspek kampung warisan ini tidak dilaksanakan. Sungguhpun kita tahu bahawa untuk mewartakan kampung warisan adalah dibawah kuasa Kerajaan Pusat bukanlah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Tentang apa yang disebut Yang Berhormat bahawa kita boleh tetapkan dasar sedemikian untuk tanah milikan Kerajaan Negeri, tapi untuk tanah milikan swasta selagi mereka tak mahu ambil peduli, mereka boleh terus pergi ke mahkamah. Seperti yang saya sebutkan tadi, kalau penyelesaian bukanlah diterima oleh para penduduk maka kita tidak akan keluarkan *development order*. Kalau kita tak boleh melebihi perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh kerana kita adalah sebuah kerajaan yang mendaulatkan undang-undang. Dari segi....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Amat Berhormat, kita semua sedar itu adalah strategi baru yang digunakan oleh *developer*. Mereka akan menyuruh tuan tanah keluarkan orang yang tinggal di tuan tanah itu selepas itu mereka akan beli tanah tersebut. Saya ingin mencadangkan sekiranya boleh, Kerajaan Negeri mempunyai Pejabat Daerah dan banyak kakitangan yang boleh kita lihat tuan tanah yang mana sudah ada rumah setinggan di atas situ boleh kita keluarkan apa-apa garis panduan memaklumkan awal. Ini adalah tanah yang telah bersejarah ada tanah-tanah berikut, sekiranya telah dijual diambil oleh kumpulan pemaju maka *social obligation* terletak kepada pemaju atau pun tuan tanah, sebagai cadangan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa kita terikat dengan undang-undang. Selagi ia terletak dengan tanah swasta dia terus pohon perintah mahkamah, kita tak boleh buat apa-apa. Saya rasa itu satu hakikat undang-undang yang kita kena terima. Satu lagi ialah berkaitan dengan kampung warisan. Seperti yang saya sebut tadi ia memang terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Suka tak suka, mahu tak mahu, warisan adalah di bawah *federal list*, iaitu senarai persekutuan. Dalam perkara ini Kerajaan Negeri telah menulis surat tentang kampung-kampung warisan tersebut. Macam kes yang selalu dibangkit oleh YB. Machang Bubuk, di Permatang Tok Suboh. Pemaju dan pemilik tanah, saya rasa YB. Machang Bubuk telah bercerita panjang lebar tentang masalah penduduk kampung itu. Kita tahu siapa *lawyer*. Dia memihak siapa? Dia memihak

BN. So kalau yang ada pemaju seperti dia lebih besar daripada Kerajaan Negeri. So dalam kes sedemikian saya rasa kita tau la, mereka lebih arif tentang undang-undang. Mereka tau dia tak peduli langsung sama Kerajaan Negeri. Apa Kerajaan Negeri boleh buat, dia hanya ikut sahaja. So kita boleh nyatakan yang kuasa yang kita ada hanya tak keluarkan *development order*. Macam saya cakap hari tu, macam saya cakap 1MDB. Kita tau 1MDB yang menjadi sasaran popular mantan Perdana Menteri kerana hutang berpuluhan bilion untuk buat bisnes, sampai dia punya *operating profit* pun tak cukup bayar *interest*, tak cukup untuk bayar faedah. Penyata Kewangan yang terkini rugi RM770 juta lebih, sampai mantan Perdana Menteri, mantan Menteri Kewangan tak habis-habis hentam orang MDB sebagai satu ancaman kepada sistem kewangan kita kerana buat bisnes bukan bergantung kepada kepada pinjaman. Mana ada satu syarikat yang boleh buat bisnes semata-mata bergantung kepada pinjaman. Kalau ini berlaku kita bukan sahaja hutang sekeliling pinggang tetapi akhirnya yang bayar bukan orang MDB tetapi rakyat Malaysia. Mereka beli Air Itam Air State, kawasan saya kawasan Air Itam 234 ekar. Apa kita boleh buat kalau dia tidak ambil peduli 1MDB. Siapa belakang IMDB? Semua tahu siapa belakang 1MDB. Kalau dia hendak bertindak pergi mahkamah yang kita boleh buat ialah *development order* so itu adalah di peringkat undang-undang tapi kita tetap tidak akan luluskan kerana dari segi pembelian RM1.38 bilion tanpa *development order* ia tetap akan rugi. So bila cakap, Kerajaan Negeri akan bagi tahu kepada mereka yang hendak usir secara paksa, kita lawan tetap lawan dan bagi tahu mereka Kerajaan Negeri lawan tetap lawan untuk pemaju dia rugi tetap rugi. Itu yang kita boleh tangkap sama mereka. So itu keadaan demikian.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya habis dulu Yang Berhormat. Nanti sabar sikit. Macam dekat perumahan pun serupa kalau dia pergi mahkamah kita kena hormati perintah mahkamah, macam dekat Kampung Buah Pala pun serupa. Kita terpaksa hormati perintah mahkamah, tapi kalau kita tidak mahu berikan *development order*, itu di mana kita boleh cari penyelesaian tapi kalau pemaju bukan pemaju swasta yang biasa, kalau dia ada pengaruh yang besar di belakang dia tidak ambil peduli macam Permatang Tok Suboh saya ingat sampai sekarang tidak mahu ambil perhatian langsung, jumpa dengan ADUN atau pun pihak Kerajaan Negeri. Apa kita boleh buat? Kita hanya tidak mahu bagi *development order*. Akhirnya mungkin dia rasa tidak mengapa kita boleh tunggu tiga (3) tahun, empat (4) tahun kerana kita tahu kalau Pakatan Rakyat tumbang Barisan Nasional boleh menang boleh balik. Dia boleh dapat balik *development order* itu sebab kita cakap akhirnya kita kena minta rakyat Negeri Pulau Pinang pastikan Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat supaya rakyat Pulau Pinang boleh terus hidup. Itu hakikatnya kalau kita lihat apa yang berlaku dekat Kampung Terang, Balik Pulau apa jadi? Rakan-rakan UMNO sekarang jadi broker tanah, orang Melayu dihalau pelbagai tohmahan dilemparkan ke atas saya di atas kejayaan Pakatan Rakyat halau orang Melayu di Balik Pulau tanya Pulau Betong, tanya Bayan Lepas? Apa sudah jadi? Siapa yang jual tanah orang Melayu? Siapa jadi broker? Saya tidak payah sebut nama pun tahu. Timbalan, semasa itu timbalan pengurus sekarang apa? Musa sekarang apa? Setiausaha? Mereka baru hendak cakap.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tidak tanya pun.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Musa Sheikh Fadzir....(gangguan). Kadang-kadang saya pun tidak mahu malukan Yang Berhormat tetapi yang itu Omar Fauza dan Musa. Ini dua orang pandai jadi broker. Dua bulan setengah boleh untung RM5 juta, so di sini kita kena terima hakikat apabila ada individu-individu, syarikat-syarikat saya hendak cakap terus teras di sini Omar Fauza, Musa okey dia untung RM5 juta, tapi kalau berbanding dengan 1MDB jauh berbeza 1MDB.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Boleh saya bangun.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Boleh, sila.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tanah di Kampung Terang itu sekarang siapa pemaju? SP Setia. Siapa pemaju sekarang dan apa yang dia akan buat dengan tanah itu? Rumah kos rendah. Betul? Rumah kos rendah Yang Berhormat betul? Kenapa dia buat rumah kos rendah di situ kerana mungkin saya rasa kuota yang tidak boleh buat dia pindahkan ke situ saya rasa, so itu dibuat umbut kuasa ke atas situ dan tanah dibeli oleh tuan pemaju yang besar yang saya difahamkan. Memang saya pun bantah sebenarnya, saya bantah, tapi itu saya difahamkan maka saya menerima penjelasan yang dibuat oleh pihak-pihak yang terbabit. Begitu juga dengan pihak 1NBB kalau Yang Berhormat marah kami semua kata kami semua adakah kami terlibat? Kami langsung tidak tahu siapa pun tidak tahu dibuat di mana? Di kawasan Air Putih, di kawasan Air Itam. Kenapa tidak buat di kawasan lain? Ini disebutkan tentang untung dapatkan pengundi dan sebagainya ini akan menguntungkan Air Putih. Saya kalau tidak setuju dan saya juga berjumpa dengan pemilik tanah itu di China, dia pemilik tanah besar di China untuk buat pembangunan di sana dia untung besar saya rasa so rasa 1NBB ambil peringatan yang ini, kalau Air Putih tidak setuju beri hendak *development order* tanah itu jual balik pada orang lain. Jangan datang pada Negeri Pulau Pinang ini setuju macam itu? Kalau itu diberi amaran keras kami tidak akan memberikan kelulusan. Jadi kenapa 1NBB hendak buat lagi di sini? Ini sepatut pindah keluar kerana memang pakatan tidak akan bagi kelulusan itu. Walau bagaimana pun Air Putih jangan terlalu *confident* yang penggal depan Air Putih masih berada di situ. Mungkin berada di sana dan sebagainya, kita tidak tahu banyak kemungkinan yang boleh berlaku. Jangan terlalu angkuh sangat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya tidak angkuh, seperti yang saya sebutkan tadi mereka yakin bahawa mereka boleh menang. Itu sebab mereka telah buat pembelian sedemikian. Kalau Yang Berhormat masih ingat apa yang berlaku pilihan raya besar yang lepas. Siapa

yang mencurahkan wang dalam kawasan pilihan raya saya, sampai membeli undi secara terang-terang. Semua yang ada kaitan dengan 1MDB mengapa mereka tidak berminat dengan Pulau Betong? Mengapa?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Datang buat di Pulau Betong.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Mengapa mereka tidak berminat dengan

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya alu-alukan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Mengapa mereka tidak berminat dengan Pulau Betong?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tanya mereka yang itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ingat Yang Berhormat tahu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tanya mereka di sana jangan di sini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kerana.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*No answer.*

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kerana....(gangguan)

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kami tidak beritahu yang kami di sini semua tidak terlibat dengan 1MDB.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya percaya Yang Berhormat kalau Yang Berhormat sebut Yang Berhormat tidak tahu saya percaya. Saya rela *give you the benefit* tapi hakikatnya sekarang apabila Yang Berhormat Pulau Betong tahu apakah Yang Berhormat Pulau Betong buat untuk persoalkan 1MDB. Ada persoalkan 1MDB tidak? Ada tanya mengapa ambil hutang sebegini besar untuk buat pelaburan sedemikian? Adakah tanya 1NBB siapakah orang sebenarnya di belakang 1MDB. Ada tanya 1MDB macam wang yang begitu banyak boleh dicurahkan dalam kawasan KADUN Air Putih. Biar.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Boleh beri saya laluan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya habis dulu.....(gangguan) Ini tengah ucap ini hendak tutup apa ini. Biar saya habis dulu, saya tentu akan bagi jalan so saya rasa itu isu-isu yang penting dan bila tadi cakap tidak tahu langsung, boleh saya terima tidak tahu langsung, tapi persoalkan baik Omar Fauza baik Musa, macam mana ini boleh buat di dalam dua bulan setengah untung RM5 juta. Wah, mana pergi RM5 juta ini yang dia buat untung. Ini isu masa itu tidak tahu saya percaya, kalau sudah tahu sudah tentu dapat sebahagianlah tapi tidak tahu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tarik balik Yang berhormat tarik balik.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya cakap kalau tahu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey Yang Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya baru cakap tidak tahu itu sebab saya cakap tidak tahu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau ada andaian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Putih pun tidak sebut secara jelas.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang berhormat kata kalau Pulau Betong ada bahagian

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Duduk dulu dan dengar saya cakap. Sudah cakap sebelum ini bahawa saya percaya Pulau Betong tidak tahu. Ini ialah *listen this is my line or reasoning*, saya cakap sebelum ini sebelum saya sebut kalau saya sudah cakap saya percaya semua ADUN tidak tahu. Saya percaya *give her verify although*, saya percaya YB. Pulau Betong tidak tahu kalau tahu itu lain tapi saya cakap bahawa YB. Pulau Betong tidak tahu, itulah sebabnya saya tanya mengapa apabila sekarang kita tahu persoalkan apa sudah jadi kerana ini isu besar. Ini isu yang melibatkan penduduk dan saya hendak tanya Yang Berhormat Pulau Betong kalau kita cakap andaian, andaian lagi 1NBB buat apa yang dia buat apa pemaju-pemaju dan tuan punya tanah buat dekat kawasan lain. Kawasan saya sendiri macam mana? Bolehkah kita paksa? Tiada, apa kuasa yang kita ada ialah kita tidak benarkan *development order*, kita cakap awal-awal, kita tidak benarkan, yang lain-lain apa kita boleh buat kerana kita terpaksa hormati perintah mahkamah. Saya ingat Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun tahu. So itu sebab kita lawan awal-awal, kita cakap kita tidak akan keluarkan *development order*, ini lebih baik daripada apa yang berlaku dalam kes-kes lain, Kampung Buah Pala jelas sekali, semua semua *development order* telah dikeluarkan, sampai saya tidak perlu *sign* satu dokumen pun dan hanya apabila mereka dapat perintah mahkamah kerana mereka mahu jalankan pembangunan kita dapat memaksa mereka membuat satu penyelesaian yang diterima oleh para penduduk. Itu saja. Masih lagi.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Air Putih, penjelasan. Saya hendak nyatakan di sini bahwasanya saya dan Ketua Pembangkang kami telah pun berkunjung ke pejabat MDB minta penjelasan dan telah pun kami katakan bahawa kami tidak bersetuju. Kami tidak bersetuju so ini rekod bahwasanya kami di sini tidak pernah pun bersetuju dengan pembangunan di kawasan Air Putih itu. Jangan libatkan kami semua yang di luar kawalan kami.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya sudah cakap saya tahu, ada tidak tahu saya awal-awal saya cakap, tak akan ini boleh baca lagi hansard, awal-awal lagi saya sudah cakap Yang Berhormat, *slow, slow* sikit.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat pusing sana, pusing sini, tala sini, mana boleh macam itu sebab saya mendengar di sini di dalam Dewan ini bukan saya di tempat lain, saya berada di sini mendengar tengok riak muka Yang Berhormat, mulut Yang Berhormat, gelagat Yang Berhormat, saya tahu apa Yang Berhormat cakap.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang berhormat tengok muka saya tapi ingat orang lain. Itu masalah... (gangguan), Saya rasa kita boleh rujuk pegawai hansard esok Yang Berhormat tahu bahawa awal-awal yang pertama saya sudah cakap saya percaya *give you benefit* ada, saya percaya Yang Berhormat semua di sana tidak tahu dan lepas ini saya tanya sekarang tahu bolehkah persoalkan. Mengapa tidak perlu persoalkan tentang projek ini? Itu yang saya hendak sebut di sini tapi biar saya habis ungkapan ini dulu, biar saya akan bagi Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya rasa dalam perkara ini kita harus memainkan peranan masing-masing. Permatang Tok Subuh. Saya rasa Yang Berhormat Pulau Betong kalau hendak jadi champion baik tunjukkan *your champion spirit*. Tanya kepada mereka yang terlibat dalam masalah kampung Permatang Tok Subuh bawa mereka kita runding bersama dengan ADUN Machang Bubuk itu lawyer BN kita boleh bagi nama kepada Yang Berhormat Pulau Betong nanti.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tidak tahu apa-apa tentang Permatang Tok Subuh ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sekarang hendak tidak mahu bantu tadi cakap boleh bantu sekarang tidak mahu bantu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tidak tahu tentang kes ini macam mana saya hendak bantu Yang Berhormat *at least* saya, saya kena duduk dengar apa masalahnya saya tidak tahu sungguh.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta laluan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Okey, sila Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Ketua Menteri dan juga Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Berkenaan dengan isu di Permatang tersebut sebenarnya saya telah bangkitkan sejak sidang Dewan yang lepas dan memang perkara ini telah kita, kes ini sudah pihak tuan tanah dengan kerjasama oleh peguam yang kita percaya mereka ada dari pihak BN telah masuk ke Mahkamah Sesyen Butterworth dan juga telah mendapat *recon position* dan Mahkamah Sesyen juga telah memutuskan *recon position* itu diberikan kepada tuan tanah iaitu *this thing class* dan apa yang lebih malangnya bagi penduduk-penduduk di Permatang Tok Subuh ini yang mereka telah tinggal di sana lebih daripada 20 tahun saya rasa Ketua Bahagian UMNO BN yang juga terlibat dalam Permatang Tok Subuh saya rasa dia pun tahu tentang perkara ini, semasa

pilihan raya umum yang lepas dia pun sendiri ada masuk ke dalam kampung tersebut dan isu ini memang sudah sampai ke Mahkamah Sesyen dan disebabkan keputusan mahkamah yang tidak berpihak kepada 26 keluarga orang-orang Melayu yang telah lama tinggal di sana, maka sekarang pihak pejabat Ahli Parlimen Bukit Mertajam YB. Steven Sim dan juga ADUN kawasan saya, kita telah masukkan bersama-sama dengan penduduk telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi dan kes itu akan di dengar pada tak salah saya 26 November bulan ini. Saya menjemputlah Pulau Betong, Telok Ayer Tawar marilah kita bersama-sama pergi ke mahkamah untuk berbicara dengan peguam-peguam daripada *distinct class*, supaya boleh meminta mereka untuk sekurang-kurangnya memberi satu rumah kepada penduduk yang sudah lama tinggal di sana dan masalah seperti apa yang Air Putih kata tadi iaitu kita sekarang tak buat apa-apa permohonan, mereka hanya nak dapatkan perintah mahkamah untuk halau 26 keluarga ini. Ini yang sangat zalim bagi saya dan ini adalah hakikat yang kita berdepan hari ini dan saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri untuk adakan dasar itu tanpa *development order* boleh dibagikan kepada tuan tanah tersebut. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Machang Bubuk, kita kena, saya rasa yakin atas keikhlasan yang ditunjukkan di Yang Berhormat Pulau Betong tadi, saya percaya beliau akan berbincang kemudian mungkin Yang Berhormat Machang Bubuk boleh berikan maklumat kepada Yang Berhormat Pulau Betong dan kita boleh bersama-sama selesaikan masalah ini dan dengan menggunakan pengaruh yang sedia ada dengan Yang Berhormat Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat Air Putih, saya nak beri penjelasan sikap saya, kawasan Pantai Jerejak ada dua kes, ada masalah dengan penduduk. Saya daripada awal saya terlibat sebab saya tidak mahu separuh jalan ataupun dihujungnya apabila ada masalah baru nak bagitau, saya tak mahu. Sebab ada dengan pengalaman saya, kepakaran saya dalam bangunan saya tahu. Sebab itu saya cuba menyelesaikan masalah. Tapi Tok Subuh ini tolong jangan libatkan saya sebab saya tak tahu menahu daripada awal jadi saya tak nak libatkan diri. Tetapi kalau kes-kes lain sebenarnya yang contoh-contoh yang diperingkat permulaan sebab itu dalam Dewan ini saya bangkit, saya minta hal ini, sebab ini perkara yang *serius* dan ia berterusan berlaku satu demi satu. Sebab itu saya minta perhatian. Jangan libatkan saya dengan benda-benda yang di luar kawalan saya. Saya minta maaf yang itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa, terima kasihlah Yang Berhormat Pulau Betong tapi kalau boleh bantu bantu sampai habislah. Jangan kerana kita sebut kerana itu peguam ada latar belakang BN, Yang Berhormat Pulau Betong sudah cakap minta maaf sana, minta maaf sini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya, ini sebelah ini peguam, sapa lagi peguam, itu peguam, ini peguam dan mereka tak akan, mereka beretika untuk berfungsi sebagai peguam.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya tak sebut mereka. Saya sebut Yang Berhormat Pulau Betong kerana Yang Berhormat Pulau Betong...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu sebab kata *lawyer* menyebelahi BN, ini apa ini Yang Berhormat... (gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini *lawyer* BN lah. Kalau....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*Common* lah, ini pun *lawyer* BN, itu *lawyer* BN, tapi janganlah mencemarkan apa ini memperkotak-katikkan kewibawaan peguam. Saya tak kena Yang Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita boleh rujuk sana Machang Bubuk nanti boleh bincang dengan Yang Berhormat Pulau Betong dan tentulah dengan pengaruh yang ada, dengan *contact* yang ada kita boleh bincang cari satu penyelesaian. Itulah yang kita harapkan. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Ayer Putih. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya saya nak bagi tahu cara Air Putih cakap ni *lawyer* semua tak boleh cari makanlah. Kenapa kenal pasti *lawyer* ni *lawyer* BN, ni *lawyer* DAP, ni *lawyer* PKR. *Lawyer* mana pun akan mewakili anak guam dia, *client* dia. Ni *lawyer* besar ada sini. Bekas *lawyer* besar. Jadi adalah *prejudice* kepada peguam kesemuanya kalau menyatakan bahawa kalau dia mewakili sesuatu syarikat atau parti, dia akan memprejudisikan pihak yang lagi satu. Dia menjaga kepentingan *client* dia, dan tak ada salah daripada itu. Jadi dalam kes Tok Subuh pun tentu sekalilah *lawyer* syarikat itu akan membela dia, akan berusaha sedaya upaya. Dan kalau pihak Kerajaan Negeri melalui ADUN kawasan dah bantu penduduk untuk mencari peguam membuat rayuan, baguslah teruskan. Saya juga nak bangkitkan tentang 1MDB.

Saya nampak Air Putih dah rasa lega, dah lepas geram daripada 1MDB ini. Memang dok cerita dalam *press conference* dalam surat khabar, Buletin, semua dah keluar. Hari ini dah keluar dalam Dewan Undangan Negeri. Okey puas hati. Saya boleh bagi tahu dalam Dewan yang mulia ini, kami 10 orang ini bukan wakil MDB. Kita bukan posmen dan kita bukan wakil mereka. Kita pun tak tahu apa perancangan 1MDB tak tahu betul. Bukan saja YB. Pulau Betong, semua 10 orang kita tak tahu apa rancangan 1MDB. Tapi bila dah terbaca dalam surat khabar dan juga mendengar rentetan yang dibawa oleh Air Putih, juga masalah-masalah lain yang kita dengar diperingkat kebangsaan penglibatan 1MDB.

Saya buat membuat rombongan pergi cari 1MDB, saya kata tololng perjelaskan kepada kami apa perancangan 1MDB di kawasan Air Putih itu. Kenapa Air Putih. Kalau duit banyak bawa ke kawasan kami. Ini yang saya cakap. Tok sah kacau Air Putih. Mengapa pergi Air Putih. Sekarang dah kata dia dapat yang bagus, Air Putih dah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan meluluskan projek 1MDB, bagus tak payah lulus. Teruskan. Jangan bantal....(ketawa).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Biar Speaker minta teruskan. Air Putih sila teruskan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat tadi nampaknya juga lepas geram sikit...(ketawa). Baik yang ini yang dua perkara di sini yang disebut. Saya tak pernah sebut bahawa *lawyer* itu salah, saya tak pernah sebut *lawyer* tak boleh cari makan, kalau rujuk hansard saya tak pernah sebut macam itu. Saya yang cakap bahawa *lawyer* ini adalah *lawyer* BN, *lawyer* itu dia memperbelakannya tak salah, tapi bila kita nak runding, tak muh runding langsung, itu sebab kita minta kerana dia *lawyer* BN ada pengaruh. Bersama dengan YB. Machang Bubuk bincang dengan mereka, tolonglah. Kita boleh bincang, kita boleh runding, itu sahaja. Kalau itu pun tak mau tolong, saya rasa tak kan hanya kerana dia *lawyer* BN pun sudah agak keberatan, janganlah macam tu. Ini yang pertama. Saya percaya kerana Yang Berhormat Pulau Betong menyatakan beliau ikhlas, tunjuklah ikhlas dengan bantu habis-habis.

Yang kedua, tentang itu 1MDB, saya telah menyatakan bahawa kita hanya akan meluluskan projek-projek yang berkaitan dengan rumah mampu milik dan rumah itu kos sederhana rendah yang mereka telah umumkan dan tidak lebih daripada itu dengan syarat masalah penduduk yang duduk dalam kawasan itu, mestilah dibela. Itu sama dengan masalah di kawasan-kawasan lain. So, saya rasa itu yang saya nyatakan. Dan sekiranya Yang Berhormat menyatakan telah pergi ke 1MDB untuk dapatkan penjelasan, saya pun nak tahu apakah rumusan, apakah jawapan yang dia berikan? Kerana sehingga ini kita tak tahu, apakah jawapan yang diberikan oleh 1MDB. Saya lihat di sini macam ADUN-ADUN pembangkang tak tahu apa yang dijalankan oleh Pusat. Bukan sahaja, Yang Berhormat tak tahu, tak tahu? RMF itu kawasan dekat Telok Ayer Tawar pun tak tahu, semua tak tahu, lebih baik jadi Yang Berhormat tak tahu. Kerana saya rasa itu luar biasa, semua tak tahu apa dah jadi. So di sini saya rasa kalau kes demikian, saya nak cadangkan *think outside the box*. Marilah kita kerjasama, kerjasama tanya dengan Kerajaan Pusat, boleh tak? Ini *I put forward all this front*. Kita kerjasama, tanya itu Kerajaan Pusat kita mula dengan 1MDB apa yang berlaku. Kerana Yang Berhormat sudah pergi, kita aturkan. Dia tanya apa yang mereka sebenarnya hendak rancang, mananya datang wang, apa yang dia nak buat. Boleh? Okey baik. So, itu saya rasa itu satu rumusan yang baik. Itu sebab ikhlas. Kita sama-sama ikhlas. Harap Yang Berhormat Pulau Betong boleh ikhlas juga, YB. Machang Bubuk cari sama Yang Berhormat Pulau Betong nanti, sebelum balik cari dia betul-betul. Kebanyakan kes pengambilan... (gangguan). Saya nak teruskan. Kebanyakan kes pengambilan tanah oleh Pakatan Rakyat hanya mengambil tanah untuk tujuan awam termasuk buat kali pertama ambil tanah milikan bukan Melayu, dan bukan Islam untuk tujuan perkuburan orang Islam. Isu warisan adalah dalam tangan Kerajaan Persekutuan dan bukan Kerajaan Negeri. Dan sungguh pun kita telah menulis banyak kali surat tetapi sehingga sekarang tidak ada sebarang tindakan susulan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Mengenai isu pengurangan stok tanah.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Warisan habis dah? Saya cakap panjang tentang warisan, ada lagi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Belum lagi habis.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tadi sebut warisan tadi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini sekadar sahaja, kerana ini semua berkaitan dengan tanah, lepas ini kita akan sebut lagi. Mengenai isu pengurangan stok tanah kerajaan yang dikatakan telah berkurangan daripada 12% pada tahun 2008 kepada 6% tahun 2013 adalah tidak benar. Definisi tanah kerajaan ialah tanah-tanah yang tidak mempunyai hak milik. Dalam tempoh 2008 hingga 2013 Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah-tanah kepada pihak individu dan agensi-agensi kerajaan termasuk agensi Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri telah meluluskan banyak lot-lot tanah kepada Kerajaan Persekutuan untuk tapak-tapak sekolah yang sedia ada. Sebelum ini tapak-tapak tanah termasuk termasuk dalam senarai tanah kerajaan kerana tidak mempunyai hak milik. Tanah-tanah kerajaan yang tersenarai pada tahun 2008 termasuk juga tanah-tanah yang menjadi tanah kerajaan akibat proses pengambilan balik tanah di bawa akta pengambilan balik tanah.

Bagi tempoh 2008 ke 2013 banyak daripada stok tanah-tanah tersebut yang dipegang oleh kerajaan sebagai *custodian* telah dilupuskan kepada agensi-agensi kerajaan yang membiayai kos pengambilan tanah. Ingin dijelaskan bahawa sejak tahun 2008 tidak ada pelupusan mana-mana tanah Kerajaan Negeri yang asal kepada pihak swasta dalam saiz yang besar. Pelupusan yang telah dibuat hanyalah melibatkan tanah-tanah terpencil, dan tanah-tanah kediaman di perkampungan baru. Kepada mereka yang mendakwa Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya bergantung kepada penjualan tanah untuk menjana hasil, ianya adalah tidak benar sama sekali. Di bawah pemerintahan kerajaan BN dulu, BN telah menjual 35 kali ganda lebih tanah berbanding daripada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Namun hasil yang diterima adalah lebih kurang. Barisan Nasional telah menjual sekurang-kurangnya 3,661 ekar tanah dengan memperolehi RM1.06 billion. Manakala Kerajaan Negeri hanya dengan menjual 104 ekar tanah dapat memperolehi hasil pulangan yang lebih tinggi iaitu 1.1 billion ringgit.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta penjelasan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Bagi saya habis dulu, nanti saya bagi. Dan ini adalah keupayaan Kerajaan Negeri menerima pulangan yang lebih besar sungguh pun hanya seluas 104 ekar berbanding 3,661 ekar tanah oleh Barisan Nasional. Jelas menunjukkan Kerajaan

Negeri memang memakai sistem tender terbuka dan tidak bergantung kepada penjualan tanah Kerajaan Negeri untuk meraih pulangan hasil. Perlu diingatkan wang ini daripada penjualan 1.1 billion daripada penjualan 104 ekar tanah adalah untuk menjalankan projek perumahan mampu milik. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Air Putih. Dato' Speaker saya rasa kalau nak membandingkan biarlah membandingkan epal dengan epal, limau dengan limau. Memang pokoknya penjualan tanah, pemberian milik tanah tetapi yang dibandingkan keluasan dan nilai adalah berapa puluh tahun dahulu dengan sekarang. Kalau kata jadi jumlah yang dikatakan itu adalah dalam lingkungan masa lebih daripada 35 tahun saya ingat. Dan sekarang dalam masa 7 tahun dan nilai itu tidaklah boleh dibandingkan dengan nilai sekarang.

Kita boleh melihat bahawa tambakan tanah yang dibuat di Tanjung Pinang misalnya Bayan Mutiara dan sebagainya caj, saya tak ada maklumat di sini, caj yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri bayaran yang dibuat adalah berdasarkan kebenaran untuk menambak, bukan jual tanah jadi syarikat yang menambak itu kena menggunakan kos sendiri untuk menambak dan dikenakan syarat-syarat tambahan, kena menyerah sepuluh peratus tanah balik yang telah ditambah kepada Kerajaan Negeri ya, dan kena membina Rumah Mampu Milik dan sebagainya. Ini tak diambil kira dari segi nilai, patutnya dinilaikan samalah dan sebahagian daripada tanah yang diserahkan balik itu juga, telah diberi kepada konsortium dia ini dengan sekarang dinilai lebih daripada saya ingat, berapa juta ringgit berjumlah RM300 juta dan sebagainya. Jadi ini adalah suatu perbandingan yang tidak tepat lah kalau dibuat sebegitu jadi kalau dibandingkan dengan jumlah 7 tahun ini jumlah tanah yang telah dijual dengan nilainya dengan 35 tahun dengan syarat-syarat dahulu adalah tidak saksamalah kalau dibuat perbandingan macam itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Pulangan yang diterima adalah 35 kali ganda lebih besar, sekiranya Yang Berhormat cakap dalam 10 tahun ini harga tanah naik 35 kali ganda saya tak tahu la, kalau itu adalah itu tuntutan atau perbandingan yang dibuat oleh Yang Berhormat, so tak kan nak naik 35 kali ganda, tapi saya memang bersetuju kalau kita sebut kita kena buat perbandingan yang setara *apple to apple, orange juice to orange juice*, (dengan izin), saya memang setuju, baik marilah kita buat, durian dengan durian, manggis dengan manggis. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Maksud saya satu saja *point* yang saya bangkitkan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Biar saya habis dulu....(gangguan), saya habis dulu...(gangguan). jangan apa ini don't *interup my trip of talk please*.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tak pa bagi laluan kemudian terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya akan bagi, saya akan bagi, jangan bimbang, macam kita lihat Tanjung Tokong 980 ekar, apakah harga yang di jual pada masa itu, Yang Berhormat pun tahu kan? apakah harga yang dijual pada masa itu? RM1.00 sekaki persegi, masa itu pun tak ada satu ringgit sekaki persegi, tak apa, kira sebut tentang Lebuh Raya Jelutong yang baru ini berapa dijual RM20.00 sekaki persegi, Batu kawan masa itu berapa dijual RM3.24, Abad Naluri, Butterworth Riston berapa RM8.40, so itu kalau kita bandingkan harga pada masa itu jauh berbeza pada harga pasaran pada masa itu, mengapa kerana ia tidak dijalankan secara tander terbuka, bukan seperti sekarang, ia dijalankan secara tander terbuka. Okey, kita cakap tentang Bayan Mutiara, dan ini saya nak jawab tentang apa yang disebut oleh Telok Bahang saya jawab sekali gus untuk cakap tentang harga yang kita jual....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Bayan Mutiara...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Bukan itu tentang harga, nanti saya akan bagi. Kita bagi dengan harga saya sebut tanah Bayan Mutiara okey kita jual dengan tander terbuka 240 kaki persegi, sedangkan kita tahu pada masa itu bila kita buat secara tander terbuka seperti yang disebut Yang Berhormat Ketua Pembangkang betul. daripada 103.5 ekar, 35 ekar adalah laut yang dia kena tambak, tapi pada masa yang sama dia tambak dengan kos dia, dia kena bayar kita pula RM240 tak lari punya, sama ada dia tanggung kos sendiri dia pun kena bayar RM240 sekaki persegi, so bermakna kos untuk tambakan lain mungkin mencecah RM300. Sama dengan pembelian tanah yang sedia ada dan ini dibuat secara tander terbuka, sungguhpun harga tanah pada masa itu, hanya berapa, hanya RM65 hingga RM83.60 mengikut JPPH (Jabatan Penilaian dan juga Perkhidmatan Harta) itu mengikut Jabatan Kerajaan Negeri, tapi sungguh pun penilaian harga adalah pada tahap yang begitu rendah, kita tetapkan harga rizab RM200.00 yang menang tander RM240.00, harga yang paling tinggi. Dan di sini kita tidak lihat macam mana ini menjadi isu bila ia merupakan tander secara terbuka dan Yang Berhormat sebut tadi, bahawa oh, dia kena buat itu Rumah Mampu Milik itu syarat ini tetapkan dikekalkan, tak lari langsung, kena juga buat Rumah Mampu Milik, so mengapa ada perbezaan kalau kita nak pastikan dia setara, lihat harga setiap kaki persegi, dan kalau kita banding harga setiap kaki persegi pada masa itu, tak kan Tanjung Tokong masa itu RM1.00 sekaki persegi, tak mungkin, tak akan Jelutong, Jelutong RM20.00 sekaki persegi, tak mungkin, so itulah yang saya sebut disini jelas.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Minta laluan baik, bagi, boleh.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ya, memang tidak ada perbandingan yang setara di sini, RM1.00 adalah untuk kebenaran untuk menambun, menambak, bukan tanah itu sekaki persegi, bukan jual tanah pada dia sekaki seringgit *the right to reclaim* ... (dengan izin).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*You know what is the right of reclaim that we charge to Bayan Mutiara RM240 per square fit, that is the right to reclaim let me ask you what is right to reclaim you datang, this is not one Ringgit per square fit, tak mungkin.....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

*No, no. I'm not depending them but this is the facts ini faktanya, dia orang kena serah balik sepuluh peratus tanah itu, yang telah ditambun, itu antara syarat-syarat yang dikenakan, dan Abad Naluri pengambilan dibuat dengan harga 34 sen sekaki persegi pada masa tu, iala itu di Batu Kawan dibuat pengambilan dengan kos 34 sen sekaki persegi, jadi mana boleh kita nak compare, nak buat perbandingan dengan sekarang.*

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Bagi saya laluan saya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya habis ni saya akan bagi. Saya sebut tentang itu, tentu lah, okey lah, Yang Berhormat cakap *you are not defend what is tandem but you have just timing the facts*. Saya pun *state the facts*. Masa itu bukanlah satu ringgit sekaki persegi, lebih daripada itu mengapa tidak kutip lebih daripada itu, kerana tidak ada tander terbuka, itu saja. Ini bagi kepada pihak-pihak tertentu *kronisme* seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Pulau Betong. Saya sebut di sini ialah tentang Abad Naluri, betul 34 sen tahun 90-an, bila ia diambil, tapi sehingga sekarang masa ia dijual adakah itu harga pasaran? Itu juga menjadi isu, dia tahu siapa itu Abad Naluri masa itu, siapa itu pemilik Patrick Lim, Patrick Lim, dia, iala, *you senyap*, saya pula kena, orang lain untung, saya pula kena, janganlah macam tu, so di sini kita lihat, adakah itu harga pasaran, bukan, bukanlah harga pasaran, so, itu yang kita mempertikaikan. Ya, Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, saya menyentuh Bayan Mutiara, sebab apa, saya nak tanya Yang Berhormat mengenai harga sebelum jual beli, apa ni, Bayan Mutiara itu, dalam ucapan saya, sudah ada Yang Berhormat sedar atau pun tidak sedar, sudah ada satu *transaction* berlaku *undercipy land* yang pada harga RM420 saya tanya soalan itu, dan kita tau Jabatan Penilaian ini bukan *mandatory* untuk kita ikut, kalau prinsip tender *which ever higher*, so dalam proses ini kita macam saya konflik, nak kata kita jual mahal, pemaju akan buat rumah mahal, kalau terlampau rendah sangat, so, isu

ini apabila kita nampak peluang untuk Kerajaan Negeri mendapat sejumlah duit yang besar dan boleh digunakan untuk PDC seperti mohon pemilik ke apa, kalau lah betul-betul kita tahu *transaction* itu, itulah persoalan saya. Jabatan Penilaian hanya bukan satu perkara yang wajib kita ikut, dan persoalan saya adakah Kerajaan Negeri atau PDC sedar adanya *transaction* awal sebelum pembelian itu. Itu yang persoalan saya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Telok Bahang, kita buat tander terbuka, tander terbuka bermakna semua boleh buat bidaan, ini disiarkan dalam surat khabar, ini telah dihebahkan secara meluas dalam internet pun ada, so, sekarang kalau pihak yang nak buat bidaan ini bukan jumlah kecil RM1.1 Million so yang berpembida yang menawarkan harga yang paling tinggi dia dapat so, itulah maksud tander terbuka, kalau nak tahu apa yang berlaku sebelum itu, saya rasa itu sejarah, yang penting ialah tander terbuka semua boleh masuk bergantung kepada sesiapa yang menawarkan harga paling tinggi. Tak kira mereka siapa.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, dalam kita beri tander semestinya kita ada *base line*, kita akan bagi *base line*, okey dalam *base line* ini, kita soalan dia, sudah ada *transaction* 400 lebih kaki persegi, persoalan saya adakah kita tidak tahu ada *transaction* begitu, dan menjadikan tingginya *base line* kita.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa Yang Berhormat tadi tak dengar apa yang saya sebut tadi, kita bergantung kepada JPPH yang buat itu penilaian RM65.00 hingga RM83.60, ini ialah akhir tahun 2009, so bila kita buat pada tahun 2010 kita tetapkan harga *reserve* jauh lebih tinggi daripada RM83 iaitu RM200.00 kerana kita tetapkan *reserve* jauh lebih tinggi, ada orang cakap wah, macam mana ada harga setinggi ini tapi akhirnya yang menang bida tertinggi ialah RM240.00 kaki persegi, so, di sini memang jelas, so dari aspek harga JPPH 83.00, kita tetapkan harga *reserve* RM200.00 iaitu jauh lebih tinggi daripada RM83.00, bila kita dapat RM240.00. So semua itu ikut...(gangguan)

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Sikit ja, sikit ja kalau Yang Berhormat letak *condition* yang macam itu, sebagai persoalan luar daripada apa ni konteks tander itu, Yang Berhormat sendiri sedar tak ada berlaku *transaction city land* itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini bukan kali pertama ia disebutkan, ini ialah selepas bukan pada masa yang sama bila tander dijalankan ialah 2010, so saya harap kita lihat tempoh masa ini dijalankan kita sekali lagi tak boleh *compare apple with oranges* lah nanti itu Yang Berhormat Padang Kota cakap *durian with mangoes teen*.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan. Saya rasa tadi dalam hujahan Ketua Pembangkang pun memberi justifikasi 10% dari tanah-tanah yang direkrain kena bagi ke *state* dan sebagainya membina LMC dan sebagainya sekatan-sekatan dalam mana-mana penjualan. Itu pun secara lansung sudah menjawab kemusyikilan Telok Bahang yang menanya mengapa RM240.00 berbanding dengan 440. Sebab kos sebenar bukan RM240 saja, termasuk *recognition cost* tak masuk lagi lain-lain syarat-syarat tak masuk lagi. Dalam kes *city land mark* pun ada *planning order, development order* berbanding dengan tanah kosong itulah kalau lihat dari segi itu pada masa itu saya tak ada dalam PDC, mungkin PDC putuskan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ucapkan terima kasih la yang terlibat adalah EXCO Kerajaan Tempatan yang tahu kalau tanah yang ada *development order* tentu harga dia lebih tinggi betul dak? Yang Berhormat Pulau Betong setuju mengangguk angguk kepala, so setuju so disini ialah tanpa *development order* so saya rasa jangan la.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat sat sat, Yang Berhormat, ini saya tak puas hati, betul tapi pembeli tanah itu tahu dia berurusan dengan Kerajaan Negeri mesti boleh dapat *development order* tak dak masalah pun.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*No, its not get this. If with layout and development order ,saya ingt you kena dapat nasihat dan kuliah daripada Yang Berhormat Pulau Betung lah, no this one with development order or without development order* yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Chow, Yang Berhormat Padang Kota ialah *with development order* sedangkan ini ialah kena pohon. So di sini saya rasa perkara ini telah dijelaskan dengan begitu terang sekali berkali kali dan saya tak ingin berulang lagi.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Pengkalan Kota, berkenaan pembangunan di tanah lapang atau tanah kosong berhampiran Flat Seri Saujana Lebuh Macallum. Cadangan asal di atas lot berkeluasan 1.8 ekar ini yang telah diluluskan adalah pembangunan 12 unit komersial 3 dengan 4 tingkat dengan hak milik individu. Projek ini walau bagaimanapun telah dikaji semula sebagai pembangunan bercampur yang mengandungi unit-unit perumahan mampu milik dengan harga jualan tidak melebihi dari 400,000 ribu ringgit serta unit-unit komersial. Pelan konsep dan pelan kebenaran merancang untuk projek ini sedang disediakan oleh pihak perunding.

Yang Berhormat Telok Bahang tanya tentang hasil lawatan rombongan Kerajaan Negeri ke negara Asia Timur terutamanya Hong Kong, Taiwan, Korea Selatan dan Jepun, untuk makluman Yang Berhormat lawatan ke Negara Asia Timur bukan hanya untuk menarik pelaburan dari negara tersebut sahaja, tetapi juga daripada *multinational corporation* yang antara lain juga merupakan syarikat dari Negara Amerika Syarikat yang bertapak di negara-negara tersebut. Jika kita lihat dari sudut kos lawatan yang telah tahun 2008 hingga 2013 kos lawatan oleh pemimpin-

pemimpin Pakatan Rakyat adalah sebanyak RM2.8 juta untuk enam (6) tahun tersebut, kita bandingkan dengan enam (6) tahun sebelum ini 2002 hingga 2007 di mana masa itu kos lebih rendah, tapi sungguhpun kos lebih rendah, kos lawatan ini ialah RM5.2 juta iaitu 90% lagi tinggi daripada apa yang ditanggung di bawah pimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Sungguhpun kita lihat dari aspek kos lawatan jauh lebih rendah, rendah 90% tetapi hasil menarik pelaburan adalah lebih tinggi 90% kerana dalam tempoh itu jumlah pelaburan ialah RM21 billion di antara 2002 hingga 2007 tetapi untuk 2008 hingga 2013 jumlah pelaburan ialah RM40 billion 90% lebih tinggi dengan kos lawatan 90% lebih rendah, so mana ialah lebih berbaloi *which government give you bank for the bucks?* ....(dengan izin) tentulah kita tahu jawapannya. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Persoalan saya begini, saya tengok daripada soalan Yang Berhormat bagi lawatan Yang Berhormat banyak kepada negeri yang tidak ada teknologi seperti Amerika, timbulnya persoalan saya bila saya tengok Seagate buat *investment* di sini lebih kurang RM1 billion lebih dan kita semua tau syarikat-syarikat multinational yang masuk di China mereka akan buat *Sales Marketing Office* mereka di Hong Kong, itu marketing punya *office* bukan HQ yang akan membuat *investment*. Macam kes Seagate spesific saya bagi Seagate *headquarters* dia di Cupertino California dia punya *Head Office* di situ dia punya *Marketing Office* di Hong Kong apa persoalan saya Amerika adalah rakan dagang yang pertama yang besar sekali, kalau kita mengunjungi *Sales Office* bukanlah kita boleh dapat keputusan *outtran* itu persoalan saya. Kenapa tidak *visit* di negara dagang yang besar di pejabat dia? Kalau Yang Berhormat punya jawapan kepada saya setakat ini adalah *Sales Office*, *Marketing Office* dan pintu masuk untuk *China Market*, macam Seagate dia buat produk untuk Lenovo ataupun untuk HP itu produk untuk market, persoalan saya kenapa saya nak bagi Yang Berhormat jalan jauh lagi pergi Amerika sana ada teknologi, sana ada *Head Office*, sana boleh bawa banyak meniaga untuk Pulau Pinang untuk kita semua, tak kanlah ini pun nampak macam kita *stress marah* ini satu cadangan Yang Berhormat, saya tidak ada niat pun, saya bagitahu dengan keikhlasan, dengan kebenaran, dengan tulus niat untuk rakyat Pulau Pinang supaya semua kita boleh ada *sustaining power on day*. (gangguan) kadang-kadang perlu jua Yang Berhormat, Yang Berhormat ceramah kita tak bising pun? Sekali sekali bagilah CM dengar saya punya ceramah, bukan boleh dengar selalu pun.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Nanti saya minta CM pertimbangkan sebagai delegasilah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya tengok itu Yang Berhormat memang hari ini ada *Umm* sikitlah, itu sebab pakai tali pinggang pun warna bersihlah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ini saya kena jawab.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tali leher, bukan tali pinggang. Saya betulkan tali leher pun warna bersih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Memang bersihlah tak kotor. Sudah sudah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ini lambang negara, lambang Raja, ini lambang raja negara, ini rukun negara warna dia....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, sudah kita biar Air Putih hujah....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa itu, saya memang menerima dengan baik cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Telok Bahang tapi saya harap Yang Berhormat Telok Bahang boleh faham struktur itu Industri Elektronik dan Struktur Peniagaan sekarang berubah mereka sungguhpun *Head Office* dekat itu Cupertino ataupun San Jose ataupun Santa Clara mereka bukan selalu dekat situ mereka sekarang mengembara menjelajah di seluruh negara, tengok itu *Dell Computers*, saya pergi *Dell Computers* tak dapat jumpa Michael Dell tapi akhirnya saya jumpa Michael Dell dekat mana dekat Malaysia. Dekat Malaysia pergi dia punya ibu pejabat tapi tak dapat jumpa dia, jumpa dia kat Kuala Lumpur dan kita kena faham sekarang, kita kena faham aliran bakat-bakat, aliran teknologi, aliran *outsourcing*.

Saya rasa itu yang penting dan itu sebabnya kita lihat mengapa kita pergi negara yang dekat-dekat, negara jauh-jauh mahal, kita letih juga, so kalau boleh pergi dekat-dekat dengan lebih murah mengapa tidaknya dan kita boleh lihat dari segi kesan hasilnya memang berbaloi. Seperti yang saya sebut sungguhpun kos kita turun 90% berbanding enam (6) tahun sebelum ini di bawah kerajaan lama, tapi ini jumlah pelaburan naik 90% berbanding dengan yang dulu, so saya rasa itu adalah *efficiency* yang akan dipuji oleh mana-mana pihak, so di sini satu contoh Sandisk, saya rasa semua tahu San disk, Sandisk adalah nombor satu dari segi *fresh memory*, kalau kita lihat *camera* you nak you punya *memory card* you semua gunakan sand disk Sandisk, Sandisk lah Sandisk ini nombor satu, ini syarikat 7 billion, 8 billion *US Dollar*. Bila kita berunding untuk mereka datang Pulau Pinang tak pergi Amerika Syarikat mana pergi China Shanghai kerana mereka dekat sana dan mereka boleh buat keputusan dekat sana jadi takkan nak pergi jauh-jauh bila dekat-dekat kita boleh cari dan itulah sebabnya akhirnya berjaya juga mereka datang ke sini, sama juga dengan syarikat-syarikat agensi lain serupa juga dan saya harap bahawa sungguhpun saya tau Yang Berhormat ikhlas tapi percayalah Kerajaan Negeri, we have the results to prove our success ... (dengan izin) Dato' Yang di-Pertua, *less cost* so bila kita sebut tentang *less cost*..

Saya nak rujuk kepada dakwaan bahawa Pulau Pinang mempunyai sara hidup kos sara hidup yang paling tinggi di Malaysia saya tak tahu di mana itu kajian yang dibuat oleh Ketua Pembangkang sehingga menyatakan kos sara hidup yang paling tinggi di Malaysia Pulau Pinang, nombor dua Bintulu, nombor tiga Kertih Terengganu siapa percaya? Bahawa semua tempat ini lebih rendah, lebih tinggi berbanding Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Saya rasa sukar untuk menyakin rakyat Malaysia pun bahawa kos sara hidup tempat-tempat ini lebih tinggi daripada Kuala Lumpur dan Johor Bahru dan saya juga telah *check* dengan itu Buletin Mutiara ataupun Penang Institute kita tak keluarkan kajian sedemikian, so saya tidak tahu tak apalah kita faham mungkin salah baca ini saya tak salahkan Yang Berhormat, tapi saya berharap Yang Berhormat boleh dapat sumber yang lebih tepatlah jangan cakap ini daripada Penang Institute boleh. Saya telah semak tak ada langsung Penang Institute cakap tak ada Buletin Mutiara pun cakap tak ada, so saya tak tau mana datangnya sumber fakta-fakta daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang *and to say that, sometime* kena berhati-hati kerana kalau bergantung dengan fakta yang tidak tepat akhirnya kita akan buat keputusan yang salah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan, terima kasih Air Putih, saya nak tanya Air Putihlah Pulau Pinang ini apa yang tak naik, bukan sahaja harga tanah naik, harga rumah naik tetapi kos-kos lain juga meningkat, kos *to do business* untuk meniaga di Pulau Pinang dah naik, sewa gerai dah naik kos untuk berurus dengan Pejabat-pejabat Tanah pun dah naik, air naik, kos *development charges* naik saya tak tau *the list is long*, jadi di sini semua menambahkan kos untuk kehidupan di Pulau Pinang dan saya rasa tekanan darah pun naik tanya Doktor di luar Yang Berhormat, dia pun takut nak *check* darah-darah kita dalam ini yang pergi semua tinggi-tinggi belaka. Jadi itulah YB. Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih, saya rasa ada dua perkara di sini, satu ialah kita menolak sama sekali dakwaan Yang Berhormat yang menyatakan kos sara hidup paling tinggi di Malaysia adalah Pulau Pinang, tetapi sekarang pula Yang Berhormat Ketua Pembangkang sudah pusing menyatakan oo semua naik, tetapi sekarang tak berani *defend* bahawa yang paling tinggi di Malaysia adalah Pulau Pinang bila kita semak memang tak ada dan tentu kita tak nafi bahawa kos sara hidup naik, tapi takkan di hanya Pulau Pinang naik sahaja? Di Kuala Lumpur tak naik kah? di Johor Bahru tak naik kah? Semua ada naik juga kerana mengapa naik, harga gula naik, harga elektrik naik, harga minyak naik, sungguhpun harga minyak sedunia turun kepada 80US Dollar se tong kan? 77 lagi dasyat tapi harga dunia turun harga petrol di Malaysia naik....(gangguan) terima kasih Yang Berhormat daripada Perai, zaman barang naik, so di sini kita nak tanya bila semua naik petrol naik, gula naik, elektrik naik premium motor insurans moto pun naik, apa pun tak naik, ada apa tak naik? Gaji mungkin la tetapi yang penting ialah bahawa kita cuba lihat macam mana untuk mengurangkan beban kepada rakyat dan di sini memang kalau kita lihat kos sara hidup mengikut aspek *is done* yang telah tertera di dalam internet kos sara hidup di Pulau Pinang adalah 6% lebih rendah daripada Kuala Lumpur dan juga menyatakan bahawa kos makanan di Pulau Pinang adalah 6% lebih rendah juga kalau berbanding tempat-tempat lain, so di sini saya sekali lagi meminta kita hendak maklumat dan data-data yang betul. Kalau Yang Berhormat boleh memberikan data-data yang betul jangan menyatakan ia datang dari Penang Institute atau datang daripada Buletin Mutiara

memang ia memang bukan daripada Penang Institute atau Buletin Mutiara dan kita harap bahawa kita boleh melihat sejauh manakah kos sara hidup yang naik ini boleh mengurangkan kesan atau impak negatif kepada rakyat.

Di sini saya ingin berkongsikan beberapa angka tentang inisiatif BR1M di mana BR1M yang berjumlah RM37.50 sen kepada RM54.20 sen setiap bulan memang tidak mampu menampung kesinambungan hidup golongan berpendapatan rendah tiada sebarang bentuk bantuan hidup diberikan kepada golongan pertengahan lebih-lebih selepas kenaikan harga barang-barang asas dan selepas pelaksanaan GST keadaan akan bertambah buruk di mana dijangkakan setiap isi rumah terpaksa membelanjakan tambah RM708.00 setahun akibat kenaikan harga minyak oleh kerana GST. So saya rasa itu adalah satu hakikat yang harus juga diberikan perhatian dan saya ingin ucap terima kasih kepada YB. Machang Bubuk, YB. Jawi, YB. Seri Delima yang telah menyokong usul tergempar pagi tadi untuk meminta GST, pelaksanaan GST di tangguhkan sehingga kita capai status Negara Maju. So, saya rasa ia juga harus disokong oleh pihak pembangkang. So kalau sebut tentang kos sara hidup. Inilah masanya untuk menunjukkan anda benar-benar ikhlas. Tapi bisu seribu bahasa. Bisu seribu bahasa. Tak ada balasan. Oh, YB. Telok Bahang nak sokong boleh. Bukan, sokong usul tadi. Pagi tadi untuk menolak pelaksanaan GST.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Oh, tidak, menyokong supaya dilaksana.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sokong naik kos sara hiduplah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tidak. Itu *very subjective*. Boleh *debate* lagi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak apalah. Boleh *debate* dengan orang kampung lah. Bila GST dilaksanakan kos sara hidup naik. *Debate* dengan orang kampung. Tak apa kalau harga barang naik. Tak apa. (gangguan). YB. Batu Uban, YB. Paya Terubung, YB. Air Itam, YB. Bagan Dalam, YB. Bukit Tengah, YB. Jawi, YB. Penanti dan YB. Machang Bubuk yang telah memohon penambahan wang bantuan untuk rakyat Puau Pinang termasuk pengangkutan dan juga kos perubatan. Di sini saya ingin menyatakan bahawa sungguhpun kita ingin, tetapi memang Kerajaan Negeri, kurang mampu. Ini adalah kerana terdapat pelbagai bantuan emas yang kita telah hulurkan kepada golongan sasar yang amat memerlukan. Saya rasa YB. Kebun Bunga sudah menyatakan secara panjang lebar tentang golongan sasar ini. Memang dengan cara yang sungguh menarik sekali. Saya ucapkan syabas kepada beliau.

Dan di antara program yang di jalankan ialah Program Warga Emas, Anak Emas, Bantuan IPT, Pelajar Emas serta Bantuan Sekolah. Para huffaz, AES, Bantuan Pukat Nelayan, Pemandu Teksi dan Penarik Beca yang saya sebut tadi mencecah perbelanjaan sebanyak RM287 juta sejak 2008. Bagi tahun 2015,

sebanyak RM117 juta. Kalau kita nak lanjutkan atau perluaskan bantuan ini kepada perubatan atau pengangkutan saya bimbang mungkin bukan saja kita akan mengalami belanjawan defisit yang besar. Tapi mungkin akan bankarp. So, ini saya terus terang kita akan cuba sedaya upaya dan pada masa yang sama dalam perubatan, Kerajaan Negeri telah pun tubuhkan Pusat *Dialysis* CAT. Dan kita bukan nak mendabik dada. Tapi memang kita harus berasa bangga kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang menubuhkan pusat *dialysis* untuk golongan tidak berada. Dan dengan perasaan yang sungguh bermurah hati kita tubuhkan yang pertama di mana? Bukan di kawasan Pakatan Rakyat. Balik Pulau. Kawasan siapa?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kawasan Speaker. Kawasan mantan Speaker....(ketawa), betul tak? Sebab Speaker yang beria-ia benar nak buat di situ.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Speaker orang mana. Orang PKR?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Orang PKR.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak apalah kalau YB. Pulau Betong mati-mati pun tak mahu akui. (gangguan)

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Betul itu hakikatnya. Orang di situ minggu lepas....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

So saya rasa di sini, terpulang kepada penduduk dan pesakit tentu tahu keikhlasan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, berkaitan dengan *Wet World Wild* yang dibangkitkan. Saya ingin menyatakan bahawa *Wet World Wild* dihentikan operasi. Kerana kelangkapan rosak akibat pukulan angin dan ombak laut yang kuat. Pihak pengajur menyatakan bahawa mereka akan menghentikan operasi dan akan membuat keputusan seterusnya kemudian. Saya ingin tegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri tidak mengalami sebarang kerugian, sekali lagi ada fitnah jahat yang menyatakan Kerajaan Negeri melabur dan mengalami kerugian RM300,000 atau RM3 juta. Ini adalah satu pembohongan semata-mata untuk kepentingan politik sendiri. Syarikat pun tak rugi. *Only World Group Holding* adalah sebuah syarikat yang akan disenaraikan dalam Bursa Malaysia dan penyenaraian rasmi ialah pada 18

Disember tahun ini. Pelaksanaan projek pengubahaian dan penaiktarafan KOMTAR adalah dijalankan melalui anak syarikat Kumpulan OWG iaitu *Magnificent Empire Sdn. Bhd.* (MESB) dengan pelaburan awal sebanyak RM40 juta. Tempoh 30 bulan diberikan untuk OWG menyiapkan keseluruhan komponen dalam projek ini dan tempoh tersebut juga merupakan *rent-free period*, berdasarkan *time line* asal dalam perjanjian, tempoh tersebut ialah dari 19 Disember 2012 sehingga 18 Jun 2015.

OWG mengemukakan cadangan untuk menambah satu lagi aras di atas helipad iaitu atau yang akan dikenali sebagai aras 66. Cadangan ini telah diluluskan oleh pihak PDC. Berdasarkan status terkini. Dewan *Bankuet* yang merupakan komponen fasa 1 projek telah siap secara fizikal pada bulan Mei 2014. Kini kerja rekabentuk dalaman sedang dilaksanakan dan di harap siap pada akhir tahun ini ataupun awal tahun depan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Air Putih. Berkenaan dengan *Wet World Wild* saya mendengar *youtube* melihat dan melihat dalam *youtube*. *Press conference* yang dibuat oleh Y.A.B Ketua Menteri bersama-sama dengan pemiliknya. Disebut RM300,000 *total investment* RM3 million. Kemudian Y.A.B Ketua Menteri sambung RM3 million *times* 5, RM15 million. Itu yang saya dengarlah okay. Itu angka-angka yang saya tak pasti sebab itu saya *check* dengan dalam internet balik. Kita *try communicate* dengan pihak *supplier* itu. Kos dia lebih kurang 65 ribu poun sajalah, 65 ribu euro lebih kurang RM300,000 itu satu set, so kalau 5 set bermakna 5 set lebih kurang RM1.5 million. Itu *figure* yang saya dapatlah untuk mengesahkan betul apa *investment* sampai RM3 milion *times* 5, RM15 milion.

Saya *check* balik yang itu dan saya kata projek itu memanglah berharga tidak tinggi sangat dan harganya seperti dalam *press conference* dalam *youtube* itu. So persoalannya adalah orang ini telah *invest* di *Wet World Wild*. Susah nak sebutlah. Kenapa dia bagi nama ni tak tau. WWW, *Wet World Wild*. Kalau dia nak melabur RM15 juta. RM15 juta satu jumlah yang amat tinggi, tak kan dia tidak membuat kajian terlebih dahulu sebelum nak laksanakannya dan disebut sebagai *The Asia First Open Sea Water Park*.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dengan begitu bangganya mengumumkan kita akan mengadakan ini. Bagus, tetapi selepas lapan (8) bulan terpaksa di mansuhkan. Persoalannya dia meletakkan di situ dan saya dapati ia berkait dengan apa yang dibuat di KOMTAR. Orang yang sama juga. Seolah ada pertalian projek itu dengan projek KOMTAR. Saya bukan nak berniat jahat tetapi saya rasa ada pertalian dia juga yang buat *Wet World Wild* dan dia juga diberikan kontrak untuk buat di KOMTAR itu. So persoalannya saya nak tahu apa yang akan berlaku selepas ini? Adakah di KOMTAR akan berhenti terus selepas gagal lapan (8) bulan yang pertama atau dia akan meneruskan lagi projek untuk menjadikan Batu Ferringgi sebagai *Asia First Open Sea Water Park*. Terima kasih

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya dengar dengan penuh sabar. Soalan yang dibuat oleh YB. Pulau Betong. Sama juga dengan yang di buat oleh budak-budak GERAKAN dalam siding akhbar. Ini macam main *tape* saja. *Repeat the tape*. So, di sini.....(gangguan)

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya ada di situ Yang Amat Berhormat...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Biar saya habis dulu. So, di sini saya rasa YB. Pulau Betong telah diberikan maklumat yang kurang tepatlah. Tapi walau macam manapun tak apa, yang penting ialah apakah risiko dan apakah kehilangan untuk Kerajaan Negeri. Kita tak melabur satu sen pun. Mereka melabur dan sebagai peniagaan saya ingat YB. Pulau Betong pun tahu kena ambil dan kena hadapi risiko untung rugi biasa dalam perniagaan. Tapi yang paling penting ialah tidak ada sebarang Kerugian untuk kepentingan awam, so di mana laibiliti atau di mana tanggungan untuk Kerajaan Negeri. Itu yang saya tak faham. Biar saya habis dulu...(gangguan). Contoh di KOMTAR, sekiranya ia tidak menjadi dan dia masih berjalan saya rasa, saya pun tak faham kenapa ada berapa laporan yang membuat dakwaan-dakwaan tersebut bahawa ia sudah gagal dan sebagainya,. Sekiranya tidak berjalan, sekiranya dekat itu KOMTAR itu tak berjalan ataupun terhenti apa kerugian untuk kita. Kita dapat benda-benda yang sudah pasang di sana, itu sudah tentu menjadi milikan Kerajaan Negeri.

Di sini saya harap YB. Pulau Betong. Apakah *what is your moral purpose?* Adakah hanya untuk hentam keromo saja bila Kerajaan Negeri tidak ada kerugian, bila kita tak ada kehilangan. Mengapa nak di ungkit-ungkit ni. Kita harap bahawa projek ini boleh berjaya. Tapi kalau ia tidak berjaya maka itu apa ini, syarikat ini terpaksa menganggung kerugian dan apabila ia tidak berjaya macam WWW tidak ada sebarang kerugian untuk Kerajaan Negeri dan mereka menyatakan ia henti buat sementara waktu kerana mereka nak menilai dekat kawasan mana-mana dan sekarang detak KOMTAR ia masih berjalan dan tentu kita harapkan ia berjaya, tetapi kalau tidak pun atau membawa sebarang kerugian kepada Kerajaan Negeri. So, saya hendak tanya...(gangguan) tanyalah betul-betul. Apakah soalan yang hendak ditanya kepada Kerajaan Negeri yang kita kena bertanggungjawab. Yang akan mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat, saya pun tergejut Yang Berhormat. Sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, kalau setiap pelaburan yang dia masuk di sini, kalau mereka berjaya, ooo.. kita berjaya. Tapi kalau mereka rugi, Kerajaan Negeri tak rugi, dimana kebertanggungjawapan untuk membantu urusan-urusan misalnya membuat *bussiness* di sini. Rugi hampa punya pasal, kalau untung, ini adalah Kejayaan Negeri Pulau Pinang. Satu. Yang kedua kalau kata nak *spend* lagi projek yang ada tiga (3) atau empat (4) fasa, lima (5) fasa lagi, saya nak tahu apakah ini akan di teruskan. Kemudian, kalau Yang berhormat kata tidak ada kena tanggung risiko kalau mereka membuat KOMTAR. KOMTAR adalah bangunan *according* mereka telah membuat apa ni *announcement, one world group plan to raise 50 million for IPO and RM30 million* akan digunakan mereka akan digunakan KOMTAR. Yang Berhormat kata kalau gagal, ia tidak menimbul risiko kepada Kerajaan Negeri.

Itu satu perkara yang cukup mengejutkan saya. Sebab apa, sebab mereka telah mula pembinaan, menyentuh bumbung-bumbung, bumbung KOMTAR dan *level* 60 dan tiga (3) lantai yang lain. Kalau mereka berhenti separuh jalan. Itu merupakan mala petaka kepada kita. Sebab mereka kalau diberhentikan *halfway*. So

jadi persoalan saya memastikan mereka ini mempunyai kewangan yang cukup untuk menguruskan projek dari mula hingga selesai dan mereka tak boleh gagal. Kalau mereka gagal *half way* atau pun macam mana. Ini akan menimbulkan mala petaka kepada kita Yang Berhormat Air Putih. So pertanggungjawaban sebenarnya kepada kita untuk memastikan yang mereka ini betul-betul *financially capable* dan *technical capable* untuk menguruskan projek ini Yang Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya masih belum tangkap apakah soalan pokok daripada Yang Berhormat Pulau Betong, sekarang ialah WWW bila dia gagal. Kerajaan Negeri tak hadapai sebarang kerugian. So apakah masalahnya. Ini yang pertama. Yang Berhormat sebut tadi tak bertanggungjawab kerana kalau dia rugi itu dia punya pasal. Kalau untung, itu Kerajaan angkat. Mana untung Kerajaan angkat, untung dia dapat juga.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bukan angkat untung dia. Kejayaan dia tu. Ini yang Kerajaan ini. Saya tak kata angkat untung. Ini produk pelancongan kita.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Baik, so di sini jelaslah itulah *business*. Ada untung, ada rugi. Itulah risiko bidang perniagaan. Takkan Yang Berhormat pun tak faham... (gangguan), duduk dulu, bagi saya habis dulu. Yang Berhormat boleh tanya lagi. So, saya rasa di sini tidak ada sebarang kehilangan oleh kerajaan. Saya memang tak faham. Kalau kita sebut tentang projek-projek dekat Kerajaan Pusat pula banyak projek, rugi takkan nak saya sebut berbilion-bilion ringgit punya projek yang rugi. Kalau ini diusulkan oleh Pihak Swasta, kita tak salahkan Kerajaan Pusat. So, di sini saya rasa tak ada isu. Yang nombor dua (2), OWG kerana ia melibatkan KOMTAR. Kalau dia gagal, apa yang berlaku pembinaan yang buat separuh-separuh mungkin akan membawa kemudarat atau bahaya kepada KOMTAR. Itu maksud Yang Berhormatkan. Takkan Yang Berhormat tak tahu, ada Konsultan untuk memastikan ia selamat. Dan siapa Konsultan yang diangkat, Arup Engineering. Kalau dia buat apa-apa, dia mesti memastikan yang struktur itu masih selamat kerana *Consultant Engineering* ialah Arup Engineering takkan Yang Berhormat yang jadi *surveyor* begitu lama tak kenal siapa Arup Engineering. So di sini.....(gangguan), bagi saya habis dulu, saya belum habis lagi. So kalau Yang Berhormat nak bawa isu yang serius, itu saya setuju macam MDB isu serius kita tanganinya. Tapi ini saya rasa bukan isu remeh temeh pun. Ini bukan isu langsung.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, apabila *Wet World Wild* membuat projek di sana, berapa ramai pelancong yang datang. Berapa ramai usahawan-usahawan kecil mencari makan. Apabila mereka gagal, bila mana pelancongan pun gagal sebahagian daripadanya dan juga Kerajaan Negeri juga gagal. Sebab itu saya kata Kerajaan Negeri tak boleh melepas tangan kata kalau rugi, dia, bukan Kerajaan Negeri. Tak boleh macam itu sebab dia melibatkan persekitaran, perekonomian di kawasan sekeliling. Yang saya cakap pasal KOMTAR ini, kalau dia *financially capable* takut separuh jalan, konsultan Arup Engineering ni memang yang hebat. Tetapi nak memastikan kesinambungan kerja itu bukannya mudah, bukan YB. Air Putih. Sebab

itu saya pastikan. Saya menegur kerana saya mahukan supaya mereka ini adalah pemaju yang betul-betul *financially capable* dan juga *technical capable*. Itu maksud saya itu dan bila saya melihat mereka baru nak baru nak cari duit untuk buat KOMTAR itu dan kenyataan akhbar itu yang merisaukan saya. Dan kalau Yang Berhormat kata mereka tak ada masalah, ada duit dan sebagainya itu terpulang pada Yang Berhormat, ini teguran saya hasil pemerhatian saya pada dua (2) projek ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

WWW saya difahamkan tidak ada sebarang aduan oleh mana-mana pihak, orang ramai terhadap itu projek ini dihentikan kerana kalau ada apa-apa yang telah pun dilangsaikan dengan keseluruhannya oleh Syarikat OWG ini utama sebab itu WWW tidak menjadi isu langsung. So tak ada sebarang aduan diterima oleh pihak Kerajaan Negeri. Yang kedua tentang itu keupayaan kewangan, sama ada mereka mampu atau tidak untuk menjalankan projek, mereka terbitkan saham untuk mendapat dana dan kalau mereka boleh diterima dan diluluskan kebenaran untuk disenaraikan dalam Bursa Malaysia tentu mereka ada keupayaan. Sekiranya ia masih dipertikaikan oleh YB. Pulau Betong adakah YB. Pulau Betong juga mempertikaikan Bursa Malaysia kerana Bursa Malaysia yang meluluskan dan berikan kebenaran mereka untuk disenaraikan. So saya rasa ini memang tak ada isu langsunglah. So tentang perkara ini saya rasa kita tunggu dan lihat, sama ada projek KOMTAR ini dapat dijalankan secara berjaya dan saya rasa ia macam1MDB, dia tak ada wang, dia terbitkan bon berpuluhan billion. Sekurang-kurangnya OWG ada dana daripada perniagaan. So kalau Bursa Malaysia anggap ia memang berkeupayaan dan sehingga boleh disenarikan takkan Bursa Malaysia sebegitu bodoh untuk meluluskan sebuah syarikat yang begitu teruk sedemikian. So saya pun tak mahu panjang lebar tentang isu ini kerana ini bukan isu langsung.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat *concern* saya, saya mahukan KOMTAR itu, kalau dia dulu gemilang, ikon Negeri Pulau Pinang dia akan *continue* macam tu. Itu saja yang saya punya *concern*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Baik, saya rasa harapan Yang Berhormat pun adalah komitmen kita dan kalau sekiranya ia berjaya saya akan menjemput YB. Pulau Betong untuk sama-sama meraikannya. Boleh?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Jangan *delay* macam mana berlaku pada kancil *carpark*, *delay* dan *delay*, kita mahu tepat pada waktunya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Bukan, itu *delay* kerana berlaku beberapa isu berkaitan dengan syarikat itu. Tapi kita ikut itu surat perjanjian. Ikut surat perjanjian. Itu sahaja. So tentang Pasukan Peronda Sukarela. Sebelum saya teruskan ucapan saya, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' saya ingin meminta izin untuk meluluskan satu usul selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan

Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 14 November 2014, Jumaat dilanjutkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan masa persidangan hari ini 14 November 2014, Jumaat dilanjutkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya". Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan tidak "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Ahli-ahli Pembangkang:**

"Tidak."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Ya," lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih. Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh YB. Seri Delima, Kerajaan Negeri telah pun menghantar semua nama 9,000 Ahli PPS kepada PDRM pada 8 September 2014 untuk semakan dan membantu siasatan Pihak Berkuasa demi membuktikan Ahli-ahli PPS tidak mempunyai rekod jenayah lampau seperti yang didakwa. Selain itu, pada 5 September 2014 Kerajaan Negeri telah pun berjumpa dan berbincang bersama Pengarah ROS Negeri Pulau Pinang dan turut hadir bersama pegawai dari Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Pusat.

Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh ROS akan menyiasat tuduhan ini dan membuka kertas siasatan. Untuk memudahkan siasatan ini pada 10 Oktober 2014, Kerajaan Negeri telah memberikan semua maklumat berkaitan PPS seperti mana yang diminta oleh pihak ROS melalui persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan, melalui kertas MMK 1036/2014 sehubung PPS telah dilabel sebagai pertubuhan haram dan tidak dibenarkan operasi. Kerajaan Negeri tetap komited untuk memastikan keselamatan awam lebih selamat dan terjamin. Dan di sini seperti yang kita sebut tadi bahawa ahli-ahli PPS seramai 158 ditahan sebelum siasatan dijalankan.

Kerajaan Negeri akan memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi untuk semakan kehakiman bagi mendapatkan deklarasi untuk membatalkan kenyataan Menteri Dalam Negeri kerana bertindak dengan niat jahat dan secara *mala fide* telah mengisyiharkan unit PPS sebuah organisasi haram. PPS telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri empat (4) tahun yang lalu tanpa sebarang masalah dan telah bekerjasama dengan pihak Polis selama empat (4) tahun dengan saya rasa penuh baik, dengan sungguh baik. Sejak 1 September 2014 semua Ahli PPS telah diminta untuk menghentikan semua aktiviti yang berkaitan dengan kepolisan komuniti dan perkhidmatan menyelamat kecemasan.

Berkaitan YB. Bertam membangkitkan isu Kolam Teratai di Taman Botani yang tidak diselenggara dengan baik, untuk makluman Yang Berhormat, penyelenggaraan kolam di Dataran Teratai Taman Botani adalah diuruskan mengikut jadual oleh Jabatan Taman Botani. Penyelenggaraan terakhir adalah pada 20 Jun 2014. Di antara punca berlakunya kemerosotan Taman Teratai adalah kerana tindakan individu yang tidak bertanggungjawab melepaskan kura-kura ke dalam kolam dan menjelaskan tumbesaran pokok teratai tersebut. Lanjutan itu, pendekatan kesedaran orang awam dan pemasangan papan tanda larangan telah ditempatkan dikawasan kolam teratai. Dalam pada itu Jabatan Taman Botani telah membina kotak tanaman bagi setiap pokok teratai untuk tujuan penyesuaian persekitaran. Pembajaan secara *slow release fertilizer* dengan kekerapan dua (2) kali sebulan menggunakan baja organik turut dilaksanakan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri faham bahawa sungguhpun pengurusan kewangan adalah baik dan bersih, ekonomi berkembang, kekurangan pekerja dan persekitaran negeri yang kian hijau, bersih, selamat dan sihat maka ia tidak mencukupi selagi cabaran-cabaran tersebut tidak diatasi. Kita masih perlu bekerja keras untuk meningkatkan lagi infrastruktur awam, pengawal seliaan serta kemampuan rakyat menerima perkhidmatan kerajaan yang baik, menikmati kemudahan rumah mampu milik dan pengangkutan awam. Di sini saya juga ingin menolak dakwaan YB. Ketua Pembangkang kerana baru diberikan perhatian tentang dakwaan bahawa Kerajaan Negeri ada meluluskan projek PDC membina rumah dekat Bayan Mutiara D'Residence yang berharga RM3 juta. Saya ingin memaklumkan kepada YB. Ketua Pembangkang bahawa PDC memang membina rumah yang berharga RM3 juta di Bayan Mutiara tetapi projek ini diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional bukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Air Putih. Kalau projek Padang Chempedak dahulu yang mana diberi kunci tahun 2008, Ahli Datok Keramat menyatakan bahawa bila mengambil alih kerajaan kita ambil alih kesemua. Jadi atas prinsip yang sama kalau ambil alih PDC apa pun projek yang PDC kerajaan sekarang kena dipertanggungjawabkan. Kunci diserah pada 2010 untuk projek D'Residence. Jadi ini adalah rekod pembangunan yang dibuat oleh PDC dan juga membayangkan atau *reflect* kepada apakah pembangunan-pembangunan yang dibuat oleh PDC. Sama juga dengan projek-projek di Batu kawan yang melebihi tahap *ceiling cost* rumah mampu milik yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

## **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tidak, kita tidak melebihi tahap kos yang ditetapkan. Sekarang kita tidak, so di bawah pendekatan kerajaan baru memang tidak. Dan itulah sebabnya saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa CEO Tadbir diluluskan pada 21 Mei 2007 semasa Yang Berhormat masih menjadi seorang Ahli EXCO. Kalau nak cakap siapa yang meluluskan projek ini memang jawapannya ialah Yang Berhormat sendiri sebagai ahli pentadbiran pada masa itu. Ialah tapi Ahli EXCO takkan tak ada *collective responsibility*. So di sini saya rasa kalau nak tanya perkara ini tanya diri sendiri kerana memang Kerajaan Negeri tidak terbabit dalam perkara tersebut.

Justeru itu Kerajaan Negeri akan terus memperbanyakkan peluang perniagaan, pekerjaan dan pendidikan dengan memberikan kebebasan untuk setiap orang mencapai potensinya serta melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Pendekatan urus tadbir akan berasaskan objektif serampang dua (2) mata dan bergantung kepada sektor swasta untuk menjadi penggerak ekonomi serta memberikan peluang yang sama kepada semua yang rela bersungguh-sungguh dengan mencorakkan *maximum governance, minimum government*. Kerajaan Negeri sedar bahawa Pulau Pinang disekat oleh ketiadaan sumber asli dan terpaksa bergantung kepada sumber manusia. Oleh itu, tanpa sumber-sumber asli tersebut untuk menjadi pemangkin ekonomi dan kerjasama daripada Kerajaan Pusat yang kurang menentu maka Kerajaan Negeri akan bersandarkan sektor swasta untuk menjadi jentera ekonomi Pulau Pinang.

Pada masa yang sama sektor pembuatan dan perkhidmatan memerlukan daya kreativiti, daya inovasi, daya kepakaran dan daya keusahawanan, untuk menjaminkan segala daya tenaga ini dapat diwujudkan, maka sistem urus tadbir adalah penting. Dengan *maximum governance, minimum government*, Pulau Pinang dapat menjaminkan masa depan yang maju dan saksama kepada semua. Saya ingin menarik perhatian lagi kepada acara *Penang International Science Fair* yang akan berlangsung di Stadium SPICE esok selama dua (2) hari yang menepati aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya bertaraf antarabangsa dan pintar. Pada masa yang sama, satu usahasama di kalangan pelukis tempatan dan antarabangsa termasuk Ernest Zacharevic, akan mempamerkan seni lukisan di Hin Bus Art Depot di Jalan Gurdwara dan Yang Berhormat Komtar telah pun mengadakan sidang akhbar tentang program tersebut. Dan ini dianjurkan oleh *Urban Nation* daripada Berlin. Satu Pusat Seni berasal daripada Berlin dan kita berasa bangga bahawa Pulau Pinang dianggap tempat yang sesuai untuk pelukis-pelukis antarabangsa daripada Eropah dan Berlin untuk menjadi sini sebagai satu tapak pelukis-pelukis berkumpul dan mempamerkan hasil-hasil mereka. Sinaran sedemikian, semoga kita dapatlah "see the music, hear the dance" di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mempercayai bahawa keutuhan struktur ini yang berteraskan penyampaian perkhidmatan dan suasana yang mengizinkan dapat mematahkan usaha ekstremis yang menggugat keselamatan masyarakat dan ketenteraman awam sama ada yang hendak membakar *bible*, atau pihak yang hendak menceroboh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, fitnah memfitnah atau kritik mengkritik Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai anti bukan Islam kerana banyak menambahkan kewangan untuk peruntukan Hal Ehwal Islam. Akhirnya, marilah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya belum sentuh lagi tentang warisan. Saya ada soalan tentang warisan. Tak jawab pun soalan saya. Tentang warisan. Saya tak mahu ulang balik soalan saya. Tadi ni, daripada ucapan saya masa berhujah, masa berbahas, saya timbul isu warisan. George Town.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Adakah berkaitan dengan itu semakan yang mereka akan buat pada tahun depan?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Semakan yang akan dibuat pada tahun depan, kemudian perlantikan pesuruhjaya warisan yang masih belum dilantik lagi *because* bidang kuasa dia banyak di situ.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa kita telah, okey baik terima kasih. Okey, saya nak jelaskan yang ringkas bahawa akta enakmen warisan tidak dapat dikuatkuasakan kerana perlu meluluskan peraturan-peraturan. Dan perkara ini berada dalam pejabat Penasihat Undang-Undang dan kita telah meminta Penasihat Undang-Undang yang baru untuk membantu menyempurnakannya dan apabila ia disempurnakan maka tentulah ia akan dikuatkuasakan dan saya ingin menegaskan bahawa akhirnya kita hanya membuat secara panduan kerana kuasa masih berada di tangan Kerajaan Persekutuan, so kita hanya nak gunakan ini sebagai satu panduan untuk menyenaraikan mana adalah warisan supaya kita dapat nasihatkan Kerajaan Tempatan untuk berhati-hati sebelum meluluskan *development order* dan tentang itu pesuruhjaya kita pun telah buat lantikan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Dah buat lantikan bila tu?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Pesuruhjaya Negeri.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Pessuruhjaya Warisan Negeri?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, yang juga Pengurus Besar di GWI.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tanya itu bukan sebab apa, 2009, Enakmen diluluskan pada 2009, hari ini dah masuk masa dah panjang dah....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya faham.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tapi masih belum bergerak lagi, dan kalau telah pun dilantik, saya tidak tahu, sebab saya baca surat khabar, tidak ada lantikan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya faham, saya faham. So, masalah ini ialah peraturan-peraturan. Kalau kita tidak ada *subsidiaries substation*, ia tidak lengkap. So, kita mesti ada *subsidiaries substation* dan masalah perundangan ini adalah satu masalah teknikal yang harus diatasi dan saya pun sama-sama berasa kurang puas hati, tapi apa boleh buat, itu adalah keperluan undang-undang. Dan saya telah meminta Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang yang baru Dato' untuk menyempurnakannya. Saya rasa, kami rasa ini dapat disempurnakan dalam masa yang singkat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Serius seperti yang saya katakan adalah pemilihan bangunan-bangunan yang hendak diwartakan sebagai bangunan warisan di bawah Enakmen ini. Sebab sampai ke hari ini senarai-senarai bangunan itu belum disahkan sebab itu melibatkan perobohan pasar Balik Pulau yang berumur 100 tahun ke atas dan sebagainya. So, senarai-senarai bangunan dan tempat-tempat yang perlu digazetkan....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang bangunan itu pasar lama, itu tidak di....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu sebahagiannya, dan saya difahamkan dalam Enakmen itu ada kita akan menyenaraikan...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, akan disenaraikan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

So, bila lagi nak senaraikan yang itu, sebab saya rasa benda ini dah, masa terlalu panjang, tetapi masih tak nampak pergerakannya dan apabila....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya faham.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Apabila *next year* ada *review* oleh UNESCO, dia akan menimbulkan masalah kepada status kita.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Review oleh UNESCO tidak akan membabitkan perkara ini. Kerana saya rasa kita telah memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh UNESCO dan biasanya kalau mereka kurang puas hati, mereka akan hantar apa yang kita sebut sebagai *exception reporting*. So, tidak ada sebarang *exception reporting* yang dihantarkan kepada pihak kami. Tapi saya juga sama-sama kurang puas hati tentang kelambatan yang berlaku. Tapi, suka tak suka ia adalah satu keperluan teknikal undang-undang yang mesti dipatuhi kerana tanpa peraturan-peraturan kecil ini, ia tidak sempurna. Dan kita kena menerima nasihat daripada Dato' Penasihat Undang-Undang bahawa ia mesti dilengkapkan dulu, sebelum boleh dikuatkuasakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang saya utarakan bukan sebab apa kerana Enakmen Perbadanan Bukit Bendera yang kita buat sungguh-sungguh dalam Dewan ini, tapi tidak dilaksanakan dengan sempurna, begitu juga Enakmen warisan pun sama juga, sebab itu saya minta keseriusan, apabila kita bentangkan didalam Dewan ini, diluluskan rang undang-undang itu sebagai enakmen, kita minta diteruskan pelaksanaannya dan bukannya ditangguh dan diberikan masa yang begitu panjang dengan masa teknikal dan sebagainya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya harap Pulau Betong kalau boleh kita minta daripada pihak Peguam Negara untuk hantar pegawai-pegawai yang mencukupi. Kerana sekarang takkan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri seorang dua kena buat semua kerja, so, kalau boleh kita kurang pegawai-pegawai untuk menjalankan kerja-kerja berat sedemikian. So, saya rasa itu satu hakikat yang kita kena hadapi. Dan dalam aspek ini Kerajaan Negeri cuba membantu, tapi ia memang satu kekurangan apabila kita ada banyak perkara berkaitan dengan undang-undang untuk diluluskan. So, marilah rakyat Pulau Pinang yang budiman. Kita berganding bahu untuk anak-anak kita. Kita bersatu untuk masa depan mereka dan kita bertekad mengekalkan keamanan dan keharmonian agar mereka boleh hidup dengan bermaruah. Sekian, Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, Air Putih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi penggulungan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2015 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2015 telah pun tamat. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang telah pun menyertai sesi penggulungan yang telah pun mengangkat masa tidak

kurang daripada 17 jam dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2015 dibacakan bagi kali yang kedua, Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara diterima.

**Setiausaha:**

"Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu'."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Kedua. Rang Undang-undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Perbekalan."

**Setiausaha:**

Jadual.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Kepala B.01 - Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan – RM140,920,440."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM140,920,440 untuk kepala B.01 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual? "

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Kepala B.02 - Pejabat Tanah Dan Galian – RM9,487,090."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM9,487,090 sahaja untuk kepala B.02 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.03 - Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut - RM 7,157,844.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,157,844 sahaja untuk kepala B.03 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.04 - Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya – RM6,589,830.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,589,830 sahaja untuk kepala B.04 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.05 - Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara – RM7,742,320.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,742,320 sahaja untuk kepala B.05 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.06 - Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah – RM7,295,790.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,295,790 sahaja untuk Kepala B.06 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.07 – Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan – RM5,774,010.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,774,010 sahaja untuk “Kepala B.07 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.08 - Jabatan Pengairan Dan Saliran – RM33,778,120.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM33, 778 120 sahaja untuk kepala B.08 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.09 - Jabatan Perhutanan – RM3,719,590

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,719,590 untuk Kepala B.09 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.10 - Jabatan Taman Botani – RM4,646,040.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM4,646,040 untuk Kepala B.10 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.12 - Jabatan Kerja Raya - RM36,351,303.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM36,351,303 untuk Kepala B.12 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.13 - Jabatan Hal Ehwal Agama – RM18,884,940.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM18,884,940 untuk Kepala B.13 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.14 - Jabatan Kebajikan Masyarakat – RM10,396,478.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM10,396,478 sahaja untuk Kepala B.14 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa – RM4,329,110.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM4,329,110 untuk Kepala B.15 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.16 - Jabatan Kewangan Negeri – RM539,737,040.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM539,737,040 untuk Kepala B.16 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar – RM5,989,980.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,989,980 untuk Kepala B.17 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.18 – Jabatan Pertanian – RM8,734,620.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,734,620 untuk Kepala B.18 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.19 – Jabatan Mufti – RM2,873,080.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM2,873,080 untuk Kepala B.19 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Kepala B.20 - Jabatan Kehakiman Syariah – RM6,393,550.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,393,550 untuk Kepala B.20 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

“Fasal 1.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

“Fasal 2.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Fasal 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

“Rang Undang-Undang merupakan ‘Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu’.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Tajuk penuh dan fasal yang membincangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

“Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015, telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon Rang Undang-undang ini dibacakan sekarang bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli yang berhormat. “Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya.” Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara.

**Setiausaha:**

“Enakmen Perbekalan Tahun 2015. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Ketiga dan diluluskan.”

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini meluluskan Perbelanjaan sebanyak RM225,579,400.00 sahaja yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2015, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bilangan 2 Tahun 2014 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2015 itu.”

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya.” Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara.

**Setiausaha:**

Usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut subperaturan 109B(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan keputusan Usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember 2013, maka Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dibentangkan di atas Meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Risalah Dewan Bilangan 15 tahun 2014 hendaklah diterima dan dipersetujui. Jawatankuasa telah memutuskan bahawa “Ahli Kawasan Pinang Tunggal hendaklah memohon maaf dalam Dewan Undangan Negeri seperti ayat berikut:”

“Jikalau pernyataan saya telah menyinggung Profesionalisme dan Etika Perubatan, saya memohon maaf” dan sekiranya Ahli Kawasan Pinang Tunggal enggan memohon maaf maka beliau hendaklah digantung dari menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri selama satu (1) hari.”

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada 11 Disember 2013, Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi telah mengemukakan satu usul di bawah subperaturan 34(viii) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (Hansard bertarikh 11 Disember 2013 muka surat 32) untuk merujuk Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana melanggar Peraturan 46(xiii) para (c) dan (d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dengan melakukan kesalahan menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati dan menyentuh peribadi seseorang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi supaya Yang Berhormat Pinang Tunggal dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana kenyataan yang dibuat oleh beliau telah mencemarkan profesion dan etika perubatan. Merujuk kepada Peraturan 34(viii), Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi mencadangkan bahawa tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal berkenaan tiga (3) doktor yang bersikap *rasist* di Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 3 Julai 2013 adalah tidak berasas dan bersikap *rasist*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sendiri telah mengadakan mesyuarat sebanyak lima (5) kali iaitu pada 23 Januari 2014, 28 Februari 2014, 7 Mac 2014, 4 April 2014 dan 11 April 2014. Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal dikecualikan daripada menghadiri sesi-sesi mesyuarat tersebut kerana mesyuarat ini akan membincangkan perkara yang melibatkan beliau.

Pada 28 Februari 2014, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah menjemput Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal hadir untuk memberi keterangan dan penjelasan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa sama ada terdapat pelanggaran hak dan kebebasan. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Setelah menimbangkan kesemua fakta dan keterangan telah memutuskan dan membuat keputusan seperti berikut:

- (i) Bahawa pernyataan Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal. "Bahawa petikan doktor Cina enggan merawat pesakit Melayu semasa menggulung perbahasan pada 3 Julai 2013 tidak mematuhi subperaturan 46(xiii)(c) dan (d) seperti berikut iaitu:

Seseorang Ahli itu janganlah menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati dan menyentuh peribadi seseorang sehingga menimbulkan tanggapan atau perspektif negative kepada profesion dan etika perubatan.

- (ii) Memutuskan bahawa Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal tidak menyebut perkataan *rasist* dan tidak mempunyai niat yang jahat untuk mewujudkan perasaan bermusuh-musuh diantara kaum-kaum yang berasingan di Negara Persekutuan merujuk kepada Penyata Rasmi muka surat 2 hingga 11 dan Verbatim Dewan Undangan Negeri muka surat 29 hingga 38 dan juga CD yang mengandungi ucapan Yang Berhormat Pinang Tunggal pada 3 Julai 2013 serta usul daripada Yang Berhormat Jawi pada 11/12/2013.

- (iii) Memutuskan bahawa Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal hendaklah memohon maaf dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri seperti:
- “Jikalau pernyataan saya telah menyinggung profesion dan etika perubatan saya memohon maaf.”
- (iv) Memutuskan bahawa Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal enggan memohon maaf, maka Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal hendaklah digantung menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri selama satu (1) hari.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, usul yang dicadangkan ini adalah bersejarah kerana buat kali pertama ia diluluskan secara sebulat suara oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua dengan sokongan semua ahli termasuk Ahli-ahli Pembangkang. Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat Pinang Tunggal boleh menghormati usul ini yang disokong oleh semua pihak dengan memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini adakah sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri. Silakan YB. Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Bismillahirahmanirahim. YB. Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya mengambil kesempatan yang ringkas ini terutamanya hendak melahirkan rasa syukur kepada Allah s.w.t. dan terima kasih banyak kepada YB. Dato' Speaker yang mempengerusikan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah pun membuat keputusan. Tetapi saya seperti mana yang telah pun disebutkan oleh Y.A.B. Air Putih tadi, dengan keadaan sedemikian, saya suka mengambil kesempatan ini. Ada Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Negeri Pulau Pinang yang telah dibekalkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dan saya telah pun meneliti akan semua yang telah pun disebut di dalam Penyata ini. Terutamanya apa yang boleh saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu dalam muka surat 16, seperti mana yang telah disebutkan oleh YB. Seri Delima yang menyatakan bahwasanya saya tidak pun mengeluarkan perkataan *racist* tetapi pada hal tuduhan dibuat oleh YB. Jawi yang beria-ia mengatakan bahwasanya saya ini adalah seorang wakil rakyat yang *racist*.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Pengerusi dan Jawatankuasa Hak Kebebasan kerana sudi menjemput saya dan saya telah pun memberi segala butir-butir, segala maklumat sepertimana yang terkandung di dalam Penyata ini. Tadi kita telah mendengar akan apa yang diusulkan oleh Y.A.B. Air Putih minta supaya saya melahirkan perkataan maaf sekiranya ada kepada mereka-mereka yang terlibat, maksudnya doktor-doktorlah. Kalau tidak mahu saya dikenakan sehari tindakan gantung, gantung sehari. Saya ambil ingatan bahawa setelah saya teliti isi kandungan di dalam Penyata ini, YB. Dato' Speaker yang mempergerusikan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan ini juga ada menyebutkan bahawa ini mesyuarat Jawatankuasa yang paling lama, mengambil masa sehingga lima (5) kali mesyuarat, sedangkan pada YB. Dato' Ketua Pembangkang terdahulu, dua (2) kali mesyuarat terus digantung. Saya timbulkan persoalan di sini, adakah saya didapati bersalah, sebab seperti mana kita sedia maklum, saya cuba hendak mempertahankan diri saya bahwasanya saya tidak bersalah. Sudah tentu kalau saya memohon maaf seperti mana ayat yang disebutkan oleh Y.A.B. Air Putih tadi, nyata saya bersalah. Malah saya yakin dan saya percaya Malaysiakini yang sebelum ini telah menghentam saya dalam siarannya, apatah lagi dengan kedudukan dan keadaan ini, sudah tentu akan diputarbelitkan dengan pelbagai tohongan yang sudah tentu sedikit sebanyak akan mengganggu gugat kedudukan dan keadaan saya.

Jadi YB. Dato' Speaker saya berpendirian walaupun dalam Jawatankuasa ini saya penuh hormat kepada sahabat-sahabat saya yang turut sama menggalanggotai jawatankuasa dengan keputusan yang telah pun dibuat. Saya pun ada keputusan saya sendiri dan sudah tentulah saya tidak mahu mengeluarkan perkataan mohon maaf dan saya sudi, saya rela untuk digantung satu (1) hari tetapi sudah tentulah kalau hendak digantung satu hari ini bukannya esok kerana esok sudah tidak bermesyuarat. Tentunya penggal ke depan, tetapi seingat saya bila mesyuarat penggal depan hari pertama itu hari perasmian. Bagi menghormati Tuan Yang Terutama Tun pada masa itu hari pertama itu bila ada perasmian, dibenarkan saya untuk hadir pada hari pertama itu dan gantunglah saya pada hari kedua. Tidak ada masalah bagi saya. Itu sahaja yang saya hendak sebut YB. Dato' Speaker, saya mohon jutaan ampun dan maaf kepada semua, bukan dalam bab ini tetapi dalam bab ucapan saya ini. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada siapa lagi Yang Berhormat yang ingin membahas. Dalam penggulungan.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua, saya hanya sampaikan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Itulah keputusan yang dibuat oleh Jawatan Kuasa Hak dan Kebebasan, saya hanya boleh meminta bahawa kerana ini adalah satu keputusan sebulat suara, kalau YB. Pinang Tunggal boleh menimbang semula kerana ini saya rasa dibuat secara adil dan saksama. Kalau boleh menghormati bukan sahaja dari pihak kerajaan tetapi juga dari pihak pembangkang juga, daripada 43 boleh dikatakan 39 sebulat suara meminta supaya Yang Berhormat memohon maaf atas ungkapan sedemikian. Itulah yang saya boleh jawab kerana tentang isu-isu lain saya rasa saya tidak dapat menjawab kerana ini adalah telah dibicarakan di peringkat jawatankuasa. Itu sahaja Dato' Yang di-Pertua.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri berbunyi seperti berikut:

Bahawa mengikut sub peraturan 109B(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan keputusan usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember 2013 maka Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dibentangkan di atas meja Mesyuarat dalam Dewan ini sebagai Risalah Dewan Bilangan 15 Tahun 2014 hendaklah diterima dan dipersetujui. Jawatankuasa telah memutuskan bahawa Ahli Kawasan Pinang Tunggal hendaklah memohon maaf di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri seperti ayat berikut: Jikalau kenyataan saya telah menyinggung profesion dan etika perubatan, saya memohon maaf. Dan sekiranya YB. Pinang Tunggal enggan memohon maaf maka beliau hendaklah digantung dari menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri selama satu (1) hari.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Ahli-ahli Pembangkang:**

"Tidak."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Ya" lebih banyak, usul dipersetujui. YB. Ahli Kawasan Pinang Tunggal, adakah Yang Berhormat hendak memohon maaf.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tidak.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan YB. Ahli Kawasan Pinang Tunggal enggan memohon maaf maka Yang Berhormat digantung dari menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri selama satu (1) hari berkuatkuasa Hari Pertama Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Ketigabelas yang akan bersidang nanti.

**Setiausaha:**

Usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan Laporan Jawatankuasa Khas Insiden Pencerobohan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 Mei 2014 yang dibentangkan sebagai Risalah Bilangan 16 Tahun 2014 hendaklah diterima dan dipersetujui.

YB. Dato' Yang di-Pertua, pada 22 Mei 2014, saya selaku ADUN Air Putih telah mengemukakan satu usul bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan di bawah Peraturan 34(viii) seperti berikut:

- (i) Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengulangi kecaman ke atas tindakan sekumpulan perusuh dan samseng yang mengakui diri UMNO telah bertindak dengan liar, biadap dan ganas semasa mencerobohi ke dalam Dewan yang mulia ini pada jam 2.15 petang 21 Mei 2014 dengan menjatuhkan dan cuba merosakkan bendera Malaysia dan Negeri Pulau Pinang, merosakkan harta benda Dewan serta mengugut keselamatan dan nyawa Ahli-ahli Dewan serta pegawai-pegawai dan yang hadir pada masa itu.
- (ii) Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengecam dengan sekeras-kerasnya UMNO Pulau Pinang kerana bertindak tidak bertanggungjawab dengan memimpin kumpulan perusuh dan samseng UMNO ini yang menghina kemuliaan Institusi Dewan Undangan Negeri yang terunggul dalam Perlembagaan Negeri serta kedaulatan Malaysia dan Negeri Pulau Pinang. Demi membuktikan bahawa UMNO bukanlah perosak negara maka YB. Ketua Pembangkang seharusnya memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini.
- (iii) Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini menyuarakan kekesalan bahawa titik hitam tercemar ini adalah satu serangan jahat ke atas Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Negeri Pulau Pinang dan Malaysia termasuk nyawa ADUN Seri Delima diancam oleh kumpulan samseng UMNO.
- (iv) Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini mengarahkan Ketua Polis Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Keselamatan untuk mengambil alih kerja keselamatan di luar dan dalam perkarangan Dewan Undangan Negeri tertakluk kepada arahan Yang di-Pertua DUN serta menghadap kumpulan samseng UMNO yang disabitkan dalam kesalahan jenayah ini kepada mahkamah supaya kemuliaan Dewan ini dapat ditegakkan.
- (v) Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menubuahkan satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dengan ahli-ahlinya yang terdiri daripada Timbalan Yang di-Pertua, YB. Padang Kota, YB. Permatang Pasir dan YB. Ketua Pembangkang untuk mengeluarkan satu laporan khas yang akan melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri asal-usul kejadian hitam ini, mengenal pasti pihak yang terlibat dan juga tindakan yang boleh diambil ke atas mereka serta langkah pencegahan untuk memastikan ia tidak berulang lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebanyak empat (4) terma rujukan telah dikenal pasti untuk dijadikan panduan kepada jawatankuasa ini berdasarkan usul yang telah dicadangkan oleh saya selaku Y.A.B. Ketua Menteri seperti berikut :-

- (i) Mengkaji asal usul kejadian hitam iaitu insiden pencerobohan masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri.
- (ii) Mengenal pasti pihak yang terlibat.
- (iii) Mengenal pasti tindakan yang boleh diambil atas tindakan mereka.
- (iv) Mengenal pasti langkah pencegahan memastikan kejadian sebegini tidak berulang.

Jawatankuasa Khas Siasatan Insiden Pencerobohan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri bersama empat (4) orang Ahli Jawatankuasanya telah mengadakan mesyuarat empat (4) kali iaitu pada 3 Julai 2014, 13 Julai 2014, 21 Ogos 2014 dan 3 Oktober 2014. Jawatankuasa khas ini juga telah menjemput beberapa orang pegawai daripada beberapa jabatan yang telibat untuk memberi keterangan mengenai insiden yang telah berlaku.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Pihak yang bertindak sebagai samseng di dalam tunjuk perasaan tersebut dan pencerobohan pada 21 Mei 2014, mengaku diri sebagai Badan-badan Bukan Kerajaan atau NGO-NGO Islam Pulau Pinang dan Pemuda UMNO. Jawatankuasa Khas ini telah mengenal pasti tindakan ke atas mereka yang terlibat iaitu dengan tidak membenarkan mereka untuk memasuki perkarangan Dewan Undangan Negeri sehingga kes tersebut selesai di mahkamah. Manakala tindakan yang kedua adalah di bawah PDRM di mana enam belas (16) orang penunjuk perasaan telah pun dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama dan perbicaraan kes masih berlangsung.

Dato' Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Jawatankuasa ini telah mengenal pasti empat (4) kelemahan atau masalah yang dihadapi ketika insiden pencerobohan tersebut berlaku dan dikategorikan mengikut prosedur kerja, tenaga manusia serta faktor bangunan Dewan Undangan Negeri, tiada kuasa khas sisatan insiden pencerobohan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Setelah menimbangkan semua faktor sebab dan akibat telah memutuskan dan mencadangkan langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan kepada kelemahan agar masalah yang dihadapi seperti di atas agar perkara yang sama tidak berulang kembali.

Jawatankuasa ini juga di mesyuaratnya pada Oktober 2014, telah membuat syor seperti di perenggan 7 di dalam Laporan Khas Insiden Pencerobohan Dewan Undangan Negeri agar semua langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikannya dikenal pasti dan dapat dilaksanakan seberapa segera mungkin semua pihak yang terlibat.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri adalah diharapkan juga bahawa UMNO boleh mengambil tindakan keras dengan memecat kesemua penceroh yang bertindak sebagai samseng pemecatan mereka ini adalah perlu untuk UMNO Pulau Pinang menjauhkan diri daripada perbuatan penceroboh samseng itu dan membuktikan bahawa UMNO bukanlah parti yang mendokong samseng-samseng yang biadap. Lagi pun pemecatan mereka dapat mengesahkan mereka bahawa UMNO memang ikhlas dan benar-benar menegakkan kedaulatan dan keunggulan Dewan yang mulia ini sebagai institusi yang tinggi dalam sistem Demokrasi Berparlimen serta Kedaulatan Undang-Undang dan Raja Berperlembagaan, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini ada sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri? Yang Berhormat Telok Ayer Tawar dipersilakan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih kerana beri peluang untuk membahas sikit usul ini , walaupun Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya duduk di dalam ini, saya ingin memaklumkan kepada dewan bahawa sejak dewan ini berpindah ke bangunan ini yang pada asalnya adalah Balai Polis, dibina untuk Balai Polis bukan untuk dibina sebuah Dewan Undangan Negeri, perkisahan sejarahnya ada diluar, kita boleh lihat gambar-gambar setiap tahun di ambil keadaan banguinan ini pada asalnya dulu tidak berpagar pun. Kemudian dibina pagar untuk keselamatan dan kawalan Dewan Undangan Negeri. Sejak mula digunakan sehinggahalah berlaku insiden ini tidak pernah ada sebarang peristiwa hitam kalau ingin disebutkan ini berlaku, bermakna sejak dulu hingga sekarang tidak ada perkara yang berlaku dan kita kena lihat cause and effect sebab dan musabahnya peristiwa ini berlaku, adalah provokasi melampau yang berlaku semasa sesi sidang perbahasan dan provokasi melampau ini telah menyebabkan kesan kepada orang yang mendengar kerana kita dapati liputan persidangan ini bukan sahaja di dalam Dewan tetapi di luar Dewan satu dunia boleh lihat. Perbahasan yang berlaku dan bila ada provokasi yang berlaku dan bila ada kata-kata yang begitu kesat dan menyentuh perasaan dan emosi orang yang dikata, pihak yang dikata, maka ianya menimbulkan masalah yang berlaku.

Oleh sebab itu semua boleh melihat dan membaca laporan yang telah disediakan dan banyak yang telah dibincangkan, ada perbincangan dari segi masalah kawalan masalah bangunan, dan sebagainya tetapi Ahli Kawasan Air Putih dalam usulnya mencadangkan tindakan-tindakan yang dibuat antaranya tindakan yang menghadapkan mereka yang terlibat maka pihak pengadilan telah pun

dilaksanakan dan masih dalam proses pengadilan, tindakan seterusnya harus diambil untuk memastikan bahawa perbahasan Dewan ini berlaku dengan keadaan mengikut peraturan secara baik. Saya rasa peraturan Dewan ini telah disediakan untuk memastikan bahawa perbahasan dijalankan dengan profesional, dengan baik, bertujuan untuk membangun Pulau Pinang menyelesaikan masalah Negeri Pulau Pinang dan bukan bertujuan untuk menyakiti hati siapa-siapa. Apa yang berlaku hari itu adalah perkataan yang menyakiti pihak-pihak tertentu, menyakiti UMNO yang dikatakan, saya tak mahu selindung, yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seri Delima. Jadi di sini saya minta kalau pihak parti yang terlibat nak diambil tindakan, saya juga mohon supaya parti yang terlibat mengambil tindakan ke atas Ahli-ahli Dewan tertentu dan juga amnya, bukan pada sorang pada semuanya, kita mengingati diri kita, kita berbahas kita ikut peraturan ada peraturan menyediakan bahawa peruntukan dalam itu tidak boleh menyakit hati siapa-siapa. Inilah yang saya minta dan saya harap dapat diberi pertimbangan yang rasional oleh semua Ahli Dewan, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya juga ingin menyertai perdebatan terhadap Laporan Khas Insiden Pencerobohan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang berlaku pada 21 Mei 2014, 6 bulan, insiden 6 bulan itu merupakan titik hitam dalam sejarah demokrasi di Malaysia dan Pulau Pinang dan saya ingin memperbetulkan *point* dan juga fakta Telok Ayer Tawar dan saya rasa beberapa insiden mengganas oleh Ahli-ahli UMNO dan juga PERKASA, insiden yang masih ingat himpunan hijau apabila ada himpunan hijau ada sudut pidato di Esplanade itu, sudut pidato pada tahun saya ingat mungkin 2012, sekumpulan PERKASA dan juga ahli-ahli...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Speaker, saya minta maaf kita sedang bercakap tentang isu di dalam Dewan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ya, ya saya tahu, saya hendak memperbetulkan fakta....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tiada kena mengena dengan keputusan-keputusan di luar Dewan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya memperbetulkan fakta Telok Ayer Tawar, di Esplanade sekumpulan pengganas orang-orang yang telah datang untuk buat kacau apabila ada perhimpunan aman antaranya PERKASA, antaranya UMNO, orang-orang yang kumpulan yang sama juga datang ke Dewan ini pada 21 Mei 2014, ada gambar, dan

baru-baru ini, satu (1), dua (2) bulan yang lalu daripada NGO SUARAM daripada gabungan anti hasutan telah mengadakan satu PC di sudut pidato datang pula, PERKASA dan juga ahli-ahli UMNO kumpulan yang sama, kumpulan yang lebih kurang sama, yang sama juga hari itu mereka pergi bersama, berdiri bersama Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, anti protes TUDM, hari itu Ridzuan berdiri di tepi Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, hari itu saya tunjuk gambar, berdiri *next to you* jangan nafi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tak nafi dan saya rasa ada salahkah dia orang pergi ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Kumpulan yang sama saya katakan, kumpulan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Jadi apa dikaitkan dengan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Berulang kali, berulang kali datang kacau ke sudut pidato, ke Dewan Undangan Negeri, betul sebelum ini, saya cari, betul sebelum ini memang Dewan Undangan Negeri tak ada pagar untuk kawan-kawan semua. Bangunan Dewan Undangan Negeri ditubuhkan sekitar tahun 1820, 190 tahun tak ada pagar, gambar itu, ini buku *50<sup>th</sup> years anniversary*, tak ada pagar, tetapi sejak beberapa tahun ini setiap kali kita bersidang ada orang kumpulan-kumpulan PERKASA, kumpulan-kumpulan UMNO yang datang buat kacau. Hari itu datang ke sini *not the first time* jangan mengelirukan Dewan ini, *they come here not for the first time*, mereka datang bukan kali pertama, berulang kali, ke sudut pidato, KOMTAR, sini juga, TUDM, sana pergi juga, jangan mengelirukan Dewan ini, *please don't defend them*. Jangan membela mereka. Jangan membela, bukan saja jangan membela, *they have to associate your self from them*, tetapi berdiri bersama mereka di pentas di UTM itu memang sah. Orang-orang yang datang berdemonstrasi boleh berdiri di belakang bersama Ketua Pembangkang di demostrasi itu, pun kuncu-kuncu yang sama, kuncu-kuncu yang sama....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Minta laluan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Sila duduk, saya tak beri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Beri saya laluan lepas ini,.....(gangguan).

### Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Sekarang saya ada *mood*, jangan kacau.....(gangguan). Saya rasa, oleh itu Yang Berhormat Telok Ayer tawar, saya ingat Yang Berhormat Telok Ayer Tawar tak mahu berdiri, tapi berdiri saya pun cakap ini PERKASA berdiri bersama dan pagi ini Yang Berhormat Seri Delima membongkarkan, yang Putrajaya memperuntukan memberikan peruntukan wang kepada PERKASA, itu kos semua kait mengait, *you can repeat after that in your speech later*, kait mengait PERKASA, UMNO, beri peruntukan Putrajaya, kacau di sudut pidato, sudut pidato adalah kita untuk buat untuk memberi kebebasan kita bersuara, siapa boleh datang ke sudut pidato, orang yang nak sokong Akta Hasutan boleh datang sudut pidato, orang nak bantah Akta Hasutan boleh datang di sudut pidato tetapi janganlah, hari itu gabungan nti hasutan buat satu kempen untuk hapuskan Akta Hasutan tapi PERKASA datang kacau, mengganas, video klipnya boleh dapat di internet, semua orang sudah tahu, janganlah *defend* mereka, *please do not defend them*. Masih saya ingat dan dengar lagi, masih tidak bertaubat lagi, kembali ke pangkal jalan, masih belum belajar daripada pengalaman, dulu memang tidak berpagar.

Sekarang berpagar pun saya rasa, kita pun rasa-rasa tak selamat. Beberapa tahun ini sahaja, *incident* demi *incident*, hari itu saya kata masih ingat pimpinan wakil rakyat daripada pembangkang lemah, hari itu saya kata enam (6) bulan saya kata lemah kerana tak dapat kawal orang-orang bawahan, sekarang saya dengar lagi masih belum bertaubat, masih lagi membela mereka. Dukacita terkejut saya dengar pandangan Telok Ayer Tawar masih membela mereka dan saya rasa hari itu saya kata di sini enam (6) bulan saya kata mesti tangkap mereka, duduk dalam lokap esok caj mahkamah hari itu saya kata enam (6) bulan lalu. Saya memang *of course* Air Putih melapor bahawa mereka dihadap ke Mahkamah mereka akan dihukum di bawah ke muka pengadilan, tetapi saya ingin mungkin kawan-kawan nak tambah lagi.

Saya ingin menarik perhatian kepada Speaker dan juga Dewan ini bahawa mungkin beberapa cadangan sini mungkin kurang lengkap, kerana saya juga buat *research*, saya juga membuat penyelidikan saya dapati bahawa ada beberapa perkara yang tidak dipertimbangkan di jawatankuasa, ini mungkin kita antara lainnya ada satu Parlimen ada satu Akta Panggil *Houses of Parliament Privileges and Powers Act 1952*. Akta 347 di bawah Parlimen ada kuasa kepada Speaker, kepada *house* untuk mendisplinkan apa yang berlaku dalam persidangan. Antaranya dan bahawa dalam bahasa Inggeris *Power of President* maksudnya Speaker, *power of president to order a rest a person causing disturbed during sitting of house* seksyen 13, seksyen 14 *duty to exit in apprehension of person order to be arrested a by president*. Dia punya undang-undang semua tapi secara ringkasnya seksyen 13, 14, Akta 347 membolehkan Parlimen memberikan kuasa kepada Speaker, Speaker boleh kata kepada Polis, tangkap orang ini, kemudian dikurung dalam bilik *meeting room* kuasa ini, *please use that* mungkin. Mungkin saya tidak terlibat dalam laporan, mungkin boleh dengar nasihat Penasihat Undang-undang dengan boleh kita masuk dalam *Standing Order*. Masuk dalam *standing order* sebagai *amendment 2014* supaya kita ingat, kita tahu *incident* ini memang *incident* yang sangat dukacita dan *amendment* kepada *Standing Order* perlu dibuat supaya Speaker banyak lebih ada kuasa untuk memerintah tangkapan serta merta orang yang membuat pencerobohan, sama ada mereka masuk ini atau di luar boleh ada tangkapan serta merta memberikan kuasa kepada Speaker, memberikan arahan kepada Polis.

Saya rasa ini elemen yang kurang dalam laporan. Saya rujuk kepada akta 347 saya akan bagi satu salinan kepada pejabat speaker, boleh kaji untuk dimasukkan dalam *Standing Order*. Itu antara lain cadangan saya dan saya juga mungkin ambil kesempatan ini juga untuk sudut pidato mungkin EXCO bertanggungjawab boleh melihat bagaimana kita dapat dari segi *regulation* supaya sudut pidato kita juga dijaga supaya PERKASA dan UMNO janganlah mengkacau orang-orang yang menggunakan sudut pidato kerana sudut pidato ini ialah sudut pidato yang pertama di Malaysia, di England telah berdekat-dekat melebihi seratus (100) tahun orang tak buat kacau pun, kenapa perkasa dan UMNO pergi buat di sudut pidato, pergi buat kacau di depan Dewan Undangan Negeri. Kali ini mereka tahu kita akan debet *incident report* ini, oleh itu mereka tak datang. Tapi tak tahu masa depan, saya tak tahu sama ada apa berlaku masa depan. Saya rasa kawalan Polis kali ini saya nampak okey, saya mungkin kita ada *confident* sikit dengan Polis Bergerak dengan van Polis di luar lebih kurang 10 sampai 15 Polis beruniform daripada Central Station di Jalan Pantai dan juga dari Timur Laut kita nampak sikitlah tapi siapa tau *incident* di Ottawa Canada apabila ada *gun men* masuk, kita kena, saya pun tak tahu sama ada PERKASA atau UMNO berbuat demikiankah? Belum....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Itam balik ke....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

So balik kepada sini saya rasa, ini *incident* yang mendukacitakan dan saya rasa ingin mengutuk pencerobohan ini dan seperti saya kata saya cadang membuat ubahan *Standing Order* yang memberikan lebih kuasa kepada Speaker dalam mengawal disiplin dan juga tatatertib dalam Dewan dan juga *compound* dalam Dewan Undangan Negeri. Itu sahaja. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ringkaskan mungkin kena pihak. Sila Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang mengambil perbahasan usul laporan khas dalam *incident* pencerobohan dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Walaupun *incident* tersebut telah berlaku hampir setengah tahun tetapi bagi saya dia masih *fresh* lagi dalam minda saya dan saya mengulangi sekali lagi, ini adalah peristiwa dia ada titik hitam dalam sejarah Dewan Undangan Negeri ini kerana tiadalah pencerobohan sebegini secara paksa dan juga bertindak liar dan kasar dalam Dewan ini. Saya juga terkejut apabila Ketua Pembangkang masih cuba memberitahu *incident* ini berlaku kerana ada sebabnya. Bagi saya apa yang berlaku pencerobohan bertindak kasar, apa saja tindakan tersebut tidak harus dilakukan dengan apa-apa sebab. Tak kiralah kerana disebut oleh seorang Ahli Dewan ini. Apabila saya membaca laporan tersebut di bawah muka surat 9 saya terkejut apabila dia disebut ketiadaan *Standard Operating Procedure* yang jelas bagi kawalan keselamatan di mana disebut dia juga tersebut disebut tentang anggota Polis. Bagi saya *incident* tersebut cukup jelas, dia adalah satu tindakan jenayah, tak akan adalah satu tindakan jenayah kita masih perlu *Standard*

*Operating Procedure* untuk Polis mengambil tindakan. Itu yang cukup mengejutkan saya, walau bagaimana pun saya berharaplah saya tidak berharap *incident* sebegini berlaku tetapi sekiranya ada, saya berharap pihak Polis boleh bertindak dengan serta merta untuk mengelakkan peristiwa sebegini berlaku dengan ini saya pohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada sesi pergulungan. Sila Air Puteh.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua saya rasa tidak mahu menjawab secara panjang lebar tapi saya ingin ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar, daripada Bukit Tengah, daripada Air Itam yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini yang agak penting kerana ia melibatkan kewibawaan Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Dan sungguhpun pihak Yang Berhormat Telok Ayer Tawar telah menyatakan bahawa beliau mahu sesuatu dilakukan berkaitan dengan isi kandungan ucapan. Saya rasa ia memang sudah terkandung dalam Peraturan Mesyuarat dan juga di bawah kuasa yang sedia ada di bawah Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Apa yang berlaku dalam Dewan ini adalah dalam kawalan Speaker, tapi sekarang apa yang kita hadapi ialah satu ancaman dari luar, yang tidak ada kena mengena dengan mereka dan mereka memang tahu bahawa mereka tidak boleh menceroboh Dewan yang mulia ini, tapi dengan angkuh dan dengan sengaja perkara yang telah mencemarkan sejarah Negeri Pulau Pinang telah berlaku. Tindakan telah diambil sungguhpun kita rasa ia masih belum setimpal dengan perbuatan mereka yang begitu biadap ini kerana tidak pernah berlaku dalam mana Dewan Undangan Negeri malah di Parlimen pun peristiwa hitam seperti ini berlaku.

Dan untuk ia berlaku di Pulau Pinang, saya rasa amat dukacita dan sehingga sekarang saya rasa ia adalah satu titik hitam yang disengajakan untuk memalukan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Sekiranya YB. Telok Ayer Tawar ikhlas untuk menegakkan kewibawaan Dewan Undangan Negeri yang mulia ini, saya harap beliau boleh membuktikannya dengan mengambil tindakan ke atas samseng-samseng tersebut dengan memecat mereka dari Parti UMNO keengganan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan, saya minta maaf dari segi tindakan atas Parti saya tidak mempunyai saya tidak ada kuasa kerana saya bukan ketua, jadi harap diambil maklum.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, tapi YB. Telok Ayer Tawar pun boleh menulis surat kepada Jawatankuasa Disiplin Parti UMNO atas perbuatan jenayah dan biadab mereka. Samseng-samseng ini harus dipecat kerana telah memalukan Parti UMNO. Dengan perbuatan, yang ada yang ada Ahli UMNO harus diambil tindakan dan sekiranya tidak saya rasa ini menunjukkan bahawa mahu tak mahu UMNO secara tidak langsung pun terlibat.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Dato' Speaker, sentuh sikit, sikit sahaja yang pertama tadi saya *refer* kepada Air Itam dia kata wakil rakyat Barisan Nasional ini terlalu lemah kerana gagal untuk mengawal mereka di luar. Yang sekejap tadi Air Puteh minta Dato' Jahara sebagai Ketua Pembangkang untuk mengambil tindakan kepada, mencadangkanlah tak apalah cadang kah minta tapi sebutan begitu untuk *respond* kepada Air Itam dan Air Puteh. Saya nak minta Air Puteh selaku orang kuat Parti DAP juga mengambil tindakan kepada Seri Delima yang mula menimbulkan perkara ini dan saya anggap semua wakil rakyat PKR, DAP, dan juga PAKATANnya merupakan wakil rakyat lemah yang gagal untuk nasihat Seri Delima tidak bertindak begitu. Terima kasih Dato' Speaker.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa tak perlu jawab, tak perlu jawab itu celahan ini kerana memang tak berisi. Sekarang ialah perkara sempoi saja. Memang kita tahu bahawa pencerobohan ini satu jenayah, berapa penceroboh adalah terdiri daripada Ahli-ahli Parti UMNO dan tentulah kalau YB. Telok Ayer Tawar menganggap ini tidak ada berkaitan dengan Parti UMNO Pulau Pinang. Maka beliau sebagai Ketua Pembangkang haruslah membuat aduan kepada pusat parti. Sebagai....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoop Hussain Shah):**

Yang Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Biar saya habis dulu, saya akan bagi. Dan saya rasa itulah *standard minimum* yang harus diamalkan kerana sekiranya tidak, saya rasa keikhlasan dan juga semangat untuk mempertahankan kewibawaan Dewan Undangan Negeri ini saya rasa memang tidak bermakna. Telok Bahang sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat. Kalau kita nak berbahas lagi mengenai isu-isu ini, banyak, banyak perkara kita boleh timbulkan. Ketua pembangkang *simple* saja, lagi sempoi dia punya cadangan, dia hanya kata, tidak, apa ini, masakan apa ni tepukan sebelah tangan, masakan pokok bergoyang tanpa angin. Insiden seperti ini kita dah banyak kali bahas, dan semua *point-point* ini dah kita cakap dah, dah direkod dalam hansard pun. Dan kalau Yang Berhormat, selaku Ketua Menteri nak berbahas lagi perkara ini, kita bukak balik seksyen berbahas. Saya ingat tadi Yang Berhormat nak buat kesimpulan penutup, tiba-tiba Yang Amat Berhormat unkit balik perkara yang kita telah bahas. Kalau kita nak sentuh balik pasal rusuhan di sudut pidato, kita pun boleh kata, dalam Malaysia ini banyak tempat berlaku rusuhan, BERSIH, tolak kereta polis, ahli siapa, di mana, pasal apa, kita boleh kait semua, dan kita tidak mau rakyat Malaysia terlibat dalam gejala macam ini. Mana-mana pun tak maHu, So kita kalau tunjuk satu tempat, di Dewan ini kita terima, memang salah, kita terima itu salah, dan kita tak mau komen sebab sudah terjadi telah ada di mahkamah. Yang kedua, kita

minta di sini, Yang Berhormat pun kena tau puncanya di mana, dan kita minta cara ikhlas, dan kalau nak ambil tindakan sama-sama parti, sama-sama parti terlibat. Kalau Yang Berhormat terus nak bawa isu ini untuk di debat memang subjektif, di mana pun ada jawapan. Kalau nak tunjuk contoh rusuhan, 1Malaysia pun ada. Kalau nak kutip...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, sudah, hujah yang sama saja...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya hanya merujuk kepada rusuhan yang berlaku dalam Dewan. Saya tak merujuk kepada rusuhan tempat-tempat lain, kerana itulah perkara pokok yang kita bincang dalam usul yang saya bawa tadi. Oleh kerana ia melibatkan orang luar yang menceroboh Dewan yang mulia ini, saya hanya meminta bahawa, kerana kalau tentang itu undang-undang yang boleh di kenakan, kita rasa ada seksyen-seksyen lain yang lebih berat lagi. Tapi itu tertakluk di bawah Peguam Negara dan saya tak mau bincang perkara ini. Saya hanya nak sebut satu perkara iaitu sekiranya yang penceroboh-penceroboh yang terdiri daripada Ahli-Ahli UMNO adakah mereka layak terus menjadi Ahli UMNO dengan perbuatan sedemikian. Dan kegagalan untuk melakukannya, saya rasa saya minta Yang Berhormat Telok Ayer Tawar. Sekiranya rasa itu perbuatan salah, maka mereka tidak layak jadi Ahli-Ahli UMNO dan harus memohon bahawa mereka dipecat. Kalau tidak, saya rasa ini adalah jawapannya. Sila Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih Yang Berhormat Air Putih, saya sebenarnya merujuk ya kepada usul kita pada petang ini iaitu untuk meluluskan Laporan Jawatankuasa Khas Insiden Pencerobohan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 Mei 2014 yang dibentangkan sebagai Risalah Bilangan 16 Tahun 2014, hendaklah diterima dan dipersetujui. Itu adalah usul pada petang ini. Dan Laporan Khas ini pun dah ada di depan kita dan telah pun diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas. Cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa, kita telah mendengar banyak, panjang lebar, pandangan masing-masing dan daripada Ketua Pembangkang menyatakan bahawa sesuatu peristiwa itu mesti ada *cause and effect*. Dan hari ini kita dah tahu, semua pun dah tahu bahawa yang *cause* pun telah di bawa kemuka pengadilan dan akan dibicarakan. Dan *effect* pun sesiapa yang melakukan pun sedang akan dibicarakan. Dan saya rasa elok kalau kita izinkan proses mahkamah menentukan kedudukan kedua-dua parti ini, untuk kita terus membincangkan sesuatu benda yang tidak akan habis, cuma laporan ini bagi saya, andai kata kita bersetuju, kita terima. Kalau kita tak setuju, kita boleh pula merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan, Peraturan-Peraturan yang mengatakan bahawa kita juga menyatakan bantahan dalam bentuk bertulis. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat, tapi pencerahan tadi tidak menjawab soalan pertama yang saya sebutkan tadi, hanya satu sahaja. Kita lihat di Laporan Jawatankuasa, jelas menunjukkan bahawa Ahli-ahli UMNO terlibat, kalau kita nak membersihkan nama sebagai kita sebagai ahli parti, saya rasa kita tidak harus

membenarkan rakyat kita terdiri daripada ahli-ahli samseng sedemikian. Kalau ini berlaku di kalangan Parti DAP atau PKR atau Pas, sudah lama mereka dipecat. Dan yang kita nak tanya mengapa mereka ini tidak dipecat. Lebih-lebih lagi mereka sekarang telah pun didakwa di mahkamah. So saya rasa itulah sesuatu yang saya rasa tidak boleh nafi, kita lihat muka mereka.... (gangguan) tak bolehlah, ini jelas, mereka di sini menceroboh masuk itu memang salah. So saya rasa di sini, memang, *denial syndrome* la. Ini adalah *denial syndrome* la....(gangguan) (suara bising).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Kita hendak bagi elok....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini *floor* saya, Yang Berhormat Sungai Aceh kena faham, Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Aceh kena faham ini *floor* saya, so saya sebagai pencadang saya menekankan perkara ini kerana ini adalah satu isu yang penting. Pencerobohan dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Ini tak boleh dilupakan tak boleh dimaafkan dengan begitu sahaja, ini serius. So oleh itu saya ingin, ingin bertanyakan kalau benar-benar ikhlas mengapa tidak memohon atau menulis surat meminta bahawa ahli-ahli ini dipecat. Mengapa? So saya rasa itu yang saya rasa saya tak dapat jawapan, yang hanya memberikan satu gambaran bahawa pihak Ahli Pembangkang tidak ikhlas, tidak ikhlas langsung. So, saya rasa mahu tak mahu, suka tak suka pun kena menanggung tanggungjawab bersama. Sekian terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang kita hadapi sekarang ialah usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini meluluskan Laporan Jawatankuasa Khas Insiden Pencerobohan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 Mei 2014 yang dibentangkan sebagai Risalah Bilangan 16 Tahun 2014 hendaklah diterima dan dipersetujui.”

Ahli-Ahli yang bersetuju katakan “Ya.” Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Ahli-ahli Pembangkang:**

“Tidak.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Setuju. Usul dipersetujui.

**Setiausaha:**

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa Dewan menetapkan supaya Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri hendaklah dari semasa ke semasa menimbangkan cadangan untuk meminda dan mengemas kini Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri sedang meneliti Cadangan Pindaan Peraturan dan akan dibentang kepada Dewan pada mesyuarat yang akan datang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

So ada sokongan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Selaras dengan usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, kerana usul ini telah dicadangkan dan di sokong maka usul ini telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat-mesyuarat. Usul ini akan dibincangkan setelah Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat mengemukakan penyata kepada Dewan yang mulia ini dengan cadangan tersebut.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya memohon dan mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat-Yang Berhormat, sokongan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.***